

Buletin UnisZA

ISSN 2180-0235 | OGOS 2017 | BIL.22



REMAJA BERISIKO dan Peranan NGO Wanita
raihi
Anugerah Buku Negara 2017

Pengurusan Tertinggi

Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif
Naib Canselor

Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

En. Ismail Ahmad
Pendaftar

Pn. Hajah Shakimah Endut
Bendahari

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas
Penasihat Undang-undang

Ir. Mohd Yasim A. Ghani
Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan

Pn. Rohani Othman
Ketua Pustakawan

Sidang Pengarang

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh
Penerbit UniSZA

Dr. Muhamad Fazil Ahmad
Fakulti Sains Sosial Gunaan

Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

En. Cornelius Anuar Abdullah McAfee
Pusat Antarabangsa

En. Mohd Shahrizal Nasir
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Cik Nazilah Mohamad
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Safawati Basirah Zaid
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Zurina Mansor
Penerbit UniSZA

En. Mohamad Shahrir Abdul Hamid
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff
Unit Komunikasi Korporat

Cik Norizan Mohammad
Penerbit UniSZA

Senarai Nama Penyumbang

1. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
2. Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan
3. Fakulti Informatik dan Komputeran
4. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
5. Fakulti Perubatan
6. Fakulti Sains Kesihatan
7. Fakulti Sains Sosial Gunaan
8. Fakulti Undang-Undang dan Hubungan
Antarabangsa
9. Institut Pembangunan (Kesihatan) Masyarakat
10. Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur
11. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan
Islam
12. Kolej Kediaman UniSZA
13. Pejabat Penasihat Undang-Undang
14. Pejabat Pendaftar
15. Penerbit UniSZA
16. Perpustakaan UniSZA
17. Pusat Antarabangsa
18. Pusat Islam
19. Pusat Jaring Industri dan Masyarakat
20. Pusat Kesenian dan Warisan
21. Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran
pelajar
22. Pusat Kualiti Akademik dan e-Pembelajaran
23. Pusat Pendidikan Berterusan
24. Pusat Pengurusan Penyelidikan Inovasi dan
Pengkomersilan
25. Pusat Sukan dan Rekreasi
26. Prof. Madya Dr. Connie Fay Komilus, FBIM
27. Dr. Nor Salimah Abu Mansor, FKI
28. Cik Nazilah Mohammad, FBK
29. Pn. Zurina Mansor, Penerbit UniSZA

Hak Cipta Terpelihara © 2017. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2017

Pengarah, Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu, MALAYSIA.
Tel: 09-668 8772, Faks: 09-668 7867
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



Kandungan

Utama	4
Malim Sarjana	9
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	14
Tokoh	35
Rencana	42
Pencapaian	47
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	54
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	62
Sukan dan Ko-Kurikulum	64
Terbitan UniSZA	66

Cetusan Inspirasi

Bersama

Dr. Azyyati Mohd Nazim

Pemenang Anugerah Buku Negara 2017,
Kategori Buku Sains Sosial Terbaik



Apakah perasaan Y. Brs. Dr. apabila julung kali dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Buku Negara 2017 kategori Buku Sains Sosial Terbaik?

Syukur ke hadrat Allah s.w.t.. Pertamanya memang timbul rasa terkejut apabila mendapat berita dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Buku Negara 2017. Saya berasa gembira dan berterima kasih kepada pihak Penerbit UniSZA kerana melakukan tugas dengan amat baik dalam memastikan terbitnya buku Remaja Berisiko dan Peranan NGO Wanita. Anugerah ini juga menambah keyakinan diri untuk mempertingkatkan prestasi diri saya sebagai ahli akademik.

Boleh YBrs. Dr. ceritakan tentang sejarah penghasilan buku Remaja Berisiko dan Peranan NGO Wanita?

Tema utama buku ini, Remaja Berisiko dan Peranan NGO Wanita diangkat hasil daripada tajuk penyelidikan semasa saya melanjutkan pengajian peringkat doktor falsafah (Ph.D.) di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dari 2010 hingga 2014. Sebaik sahaja menamatkan pengajian pada tahun 2014, timbul hasrat di hati untuk berusaha menjadikan kajian Ph.D. saya itu sebagai sebuah buku ilmiah. Dalam usaha menyiapkan isi kandungan buku ini, saya semakin bermotivasi apabila berpeluang menghadiri bengkel-bengkel penulisan di UniSZA yang dapat memberi panduan dalam menghasilkan buku ilmiah. Menyentuh mengenai sejarah penghasilan buku tersebut, sememangnya saya mempunyai tekad untuk menjadi seorang yang dapat menyebarkan ilmu pengetahuan melalui penerbitan sama ada dalam bentuk persendirian maupun melalui syarikat penerbitan umum. *Alhamdulillah*, dengan izin Allah s.w.t. penerbitan kajian ilmiah pertama saya berjaya direalisasikan menerusi Penerbit UniSZA. Penghasilan buku Remaja Berisiko dan Peranan NGO Wanita ini juga mempunyai latar belakang sejarah yang saling berkait dengan penglibatan saya dalam gerak kerja badan bukan kerajaan (NGO) wanita secara sukarela di samping sahabat-sahabat wanita NGO. Berbekalkan azam, kesungguhan berserta tekad, saya merasakan pengetahuan mengenai isu remaja berisiko dan peranan NGO wanita perlu diketengahkan kepada masyarakat luar agar ia dapat memberi nilai tambah ilmu yang bermanfaat.

Pada pandangan Y. Brs. Dr. apakah kekuatan utama buku tersebut yang melayakkannya memenangi anugerah tersebut?

Kebiasaannya apabila seseorang penulis berkarya dan seterusnya merealisasikan sesuatu idea, sudah pasti karya berkenaan mempunyai nilai ilmu yang mahu dikongsikan kepada para pembaca. Dalam hal ini, saya berpandangan antara sebab buku tersebut mendapat anugerah kemenangan ialah nilai tambah ilmu pengetahuan yang diadun sebagai satu kesepadan ilmu yang bermanfaat mengenai kemanusiaan dan kemasyarakatan yang membincangkan kaitan pelbagai disiplin ilmu iaitu psikologi, sosiologi, akhlak, kaunseling, sains kesihatan, peradaban manusia dan tamadun yang digabungjalinkan dalam kaca mata ilmu dakwah. Hakikatnya, semua ilmu pengetahuan yang bermanfaat datang daripada Allah s.w.t.. Pada pandangan saya, antara kelebihan buku tersebut ialah bagaimana idea penulisannya dapat menyatukan pelbagai jenis ilmu dalam satu wadah.

Siapakah mentor kepada Y. Brs. Dr. dalam penghasilan karya ini?

Mentor utama ialah diri saya sendiri selain penyelia-penyelia tesis dan kajian saya serta sahabat-sahabat NGO yang aktif dalam penulisan buku-buku ilmiah. Semasa melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan Ph.D., para penyelia saya telah memberi gambaran kehidupan seorang ilmuwan dan aktiviti penerbitan. Dari situ, saya memahami peranan seorang pelajar mahupun penyelia yang tidak terlepas dari pelbagai aktiviti ilmu termasuk penerbitan buku. Oleh itu, para penyelia saya merupakan ‘ikon’ untuk saya menimba pengalaman dalam kehidupan seorang ilmuwan dunia dan akhirat. Ucapan terima kasih ditujukan kepada ikon saya yang bersungguh-sungguh atas penglibatan serta kerjasama ke arah sebuah ‘pencapaian’ dalam kerjaya ilmuan.

Rentetan daripada kemenangan yang diterima, boleh Y. Brs. Dr. kongsikan cadangan kepada golongan pensyarah universiti bagi penghasilan buku ilmiah?

Perancangan masa hadapan dalam penghasilan buku ilmiah mempunyai kaitan dari aspek nilai tambah ilmu dalam usaha penulisan karya. Oleh itu, amatlah wajar bagi setiap penulis yang mewakili pelbagai latar belakang ilmu supaya dapat menerbitkan hasil-hasil penulisan masing-masing yang mempunyai nilai tambah dalam pemahaman sesuatu ilmu. Sekiranya dapat diusahakan oleh pihak penerbitan agar memberi bimbingan dan galakan terutama kepada mereka yang terlibat dalam profesion ilmu seperti pensyarah untuk menerbitkan bahan ilmu yang mereka sampaikan dalam bilik kuliah. Para pensyarah dan penyelidik universiti juga perlu menerbitkan hasil idea-idea penulisan mereka dan dapat diedarkan kepada para pelajar dan masyarakat awam dalam bentuk ‘edaran dalaman’ seperti siri buletin atau majalah kampus. Ini bertujuan supaya bahan

ilmiah dalam bentuk santai dapat diedarkan dalam masyarakat kampus dan luar kampus dan seterusnya pembudayaan ilmu dapat dikembangkan. *Insya-Allah*, apabila ilmu sudah berlegar, maka ruang untuk saling menambah ilmu yang sedia ada dengan perancangan yang strategik bagi penghasilan buku ilmiah dapat direalisasikan bersesuaian dengan perbincangan isu semasa dalam kalangan ilmuwan dan tokoh akademik.

Apakah yang mendorong Y. Brs. Dr. menghasilkan buku ini dan cabaran yang telah dilalui dalam usaha menyiapkan buku ini?

Dorongan utama ialah konsep penyebaran ilmu yang bermanfaat. Apabila kita menulis dan orang lain mendapat manfaat, itulah yang dikatakan ilmu jariah. Selain itu, banyak ayat al-Quran berserta tafsirannya dan huraian hadis-hadis yang menggalakkan supaya manusia membaca kemudian menulis. Apa yang lebih mulia ialah menyampaikan ilmu kepada yang hak iaitu masyarakat pembaca supaya idea berdakwah bukan sahaja melibatkan pertuturan dalam ceramah tetapi juga melibatkan penulisan buku dan itulah ilmu bermanfaat yang kekal tercatat walaupun pemiliknya sudah tiada. Namun begitu, usaha menyiapkan buku tetap mempunyai cabaran dari segi ilham, masa dan keupayaan masing-masing. Ini kerana, untuk menulis sesuatu idea, ia perlu kepada sumber rujukan ilmiah yang muktabar supaya jalur penyampaian ilmu itu dapat diyakini dan mendapat kepercayaan pembaca secara berterusan.

Apakah saranan Y. Brs. Dr. kepada warga akademik di UniSZA agar menghasilkan penerbitan yang berkualiti agar UniSZA terus disegani di persada antarabangsa?

Apabila disebut penerbitan berkualiti, ia menggambarkan sumber manusia dan proses serta aktiviti-aktiviti penerbitan. Oleh itu, seorang ahli akademik sewajarnya terlebih dahulu mempunyai kualiti ilmu supaya dapat menghasilkan penerbitan yang berkualiti. Manakala proses-proses penerbitan yang berkualiti juga mesti melalui aktiviti-aktiviti yang berorientasikan ilmu bagi memastikan kandungan buku ilmiah yang diterbitkan itu berkualiti dan diiktiraf di persada antarabangsa. Zaman global kini menandakan perkembangan ilmu tanpa sempadan. Apa yang utama ialah bagaimana warga akademik di UniSZA dapat memupuk budaya ilmu terlebih dahulu, dibentangkan, dibukukan dan diterbitkan walaupun jenis penerbitan itu berskala kecil yang bermula dalam kampus. Ini kerana ilmu itu berkembang seiring dengan perkembangan akal manusia. Sekiranya, aktiviti-aktiviti memberi ilmu suram, bagaimana proses ke arah penerbitan yang berkualiti menjadi kenyataan. Mulakan aktiviti-aktiviti ‘bedah kitab’ secara rutin sesama masyarakat universiti. *Insya-Allah*, ilmu yang disampaikan itu akan menjadi nilai tambah kepada setiap ilmu sedia ada.

Cetusan Inspirasi

Bersama

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh

Pemenang Anugerah Sanjungan Budi
MAPIM-KPT 2017

Tahniah diucapkan kepada Y. Brs. Prof. atas anugerah Sanjungan Budi MAPIM-KPT 2017. Justeru, boleh Prof. kongsikan panduan menerbitkan buku ilmiah dalam kalangan sarjana khususnya dalam konteks UniSZA?

Terima kasih. Saya fikir anugerah yang saya terima tidaklah besar. Ia merupakan penghargaan atas sumbangan dalam kerja-kerja penulisan dan penerbitan ilmiah. Berbalik kepada soalan mengenai panduan penerbitan buku ilmiah. Secara mudahnya, kita katakan penerbitan buku ilmiah sangat bergantung kepada metode dan fakta. Jadi, penulis buku mesti menjalankan penyelidikan. Tanpa penyelidikan ia tidak boleh dipanggil buku ilmiah. Perlu ada analisis data, perbincangan dan rumusan. Kemudianya, penulis perlu mengenal pasti ‘gagasan’ yang terdapat daripada hasil penyelidikan. Gagasan ialah himpunan makna dan *wisdom* yang boleh merangsang pembaca dari pelbagai aspek. Tanpa gagasan, penulisan buku akan menjadi bersimpang-siur dan tidak mendalam. Ia perlu dipersembahkan dalam keadaan nilai akademik yang tinggi dengan bahan yang asli. Di sinilah, penulis banyak melakukan kesilapan. Mereka menulis buku sama seperti menulis tesis. Padahal, sasaran tesis hanya kepada sekitar enam orang pakar bidang yang terlibat dengan *viva-voce*, manakala buku pula disasarkan kepada orang ramai. Jadi bahasa buku perlu mudah difahami. Jangan terlalu bersifat teknikal dan jangan terlalu sarat dengan data. Ringkasnya, panduan asas untuk menerbitkan buku ilmiah adalah dengan menjalankan penyelidikan, bina gagasan, terapkan nilai akademik yang tinggi melalui bahan yang asli, ketengahkan idea segar dan inovatif, serta guna bahasa mudah yang kemas lagi menarik.



Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan Prof. ketika menerajui Penerbit UniSZA?

Pengalaman yang tidak boleh dilupakan? Barangkali, semasa saya masuk ke pejabat Penerbit ketika mula-mula menjadi pengarah. Saya dapati ada tiga orang staf sahaja. Pejabatnya sangat kecil. Meja pengarah berdekatan dengan longgokan kotak buku yang banyak. Saya tersenyum bermonolog. Tapi, alhamdulillah dengan usaha gigih Penerbit dan sokongan kuat Pengurusan Tertinggi Universiti ketika itu, akhirnya kita mempunyai sepuluh orang staf dan mendapat pejabat yang sangat kondusif. Jadi, terima kasih banyak kepada mantan NC Datuk Prof. Dr. Yahaya Ibrahim yang sentiasa mengambil berat tentang Penerbit.

Seperkara lagi, saya dapati buku terbitan pada tahun 2012 hanya tiga buah sahaja dan pendapatannya sedikit, seingat saya mungkin sekitar belasan ribu. Saya dilantik pada awal tahun 2013. Kita bekerja keras. Mantan PNC Prof. Dr. Kamarudin Said, kemudiannya mantan TNC (P&P) Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman sangat membantu secara berstrategi sehingga Penerbit berjaya menerbitkan 36 buah buku pada tahun 2015 dan memperoleh pendapatan lebih daripada RM 120,000. Kita juga berjaya menerbitkan e-book dan menjualnya secara dalam talian. Waktu itu, Penerbit UniSZA disebut oleh ahli-ahli MAPIM sebagai ‘new player’.

Bagaimana Y. Brs. Prof. melihat kepentingan penerbitan ilmiah di Universiti Awam serta UniSZA?

Banyak. Kita boleh bercakap dari sudut ‘ranking’. Kita boleh mengaitkannya dengan KPI. Kita juga boleh berbicara mengenainya dari perspektif peranan Universiti Awam. Kita selalu menyebut ‘universiti ialah agen perubahan masyarakat’, ‘universiti pada era kini perlu menjadi universiti komuniti’, atau ‘memasyarakatkan universiti’. Oleh itu, penerbitan ilmiah di universiti perlu keluar dari ‘status-quo’ yang hanya berlegar dalam kalangan warga

menara gading dengan jargonnya. Masyarakat sewajarnya mendapat manfaat daripada terbitan ilmiah yang dihasilkan. Apatah lagi apabila matlamat Universiti Awam itu sendiri adalah untuk membina insan dan peradaban. Dalam hal ini, saya melihat buku merupakan antara medium yang berkesan untuk mendidik dan mengubah masyarakat.

Sebagai contoh, kebangkitan Jepun selepas Perang Dunia ke-2 adalah kerana kesungguhan pemimpin, institusi dan rakyat Jepun untuk menguasai ilmu dan maklumat. Segalanya berpunca daripada sebuah buku karya Yukichi Fukuzawa bertajuk ‘Gakumon no Susume’ (Galakan Pelajaran). Ia telah diterjemahkan kepada tujuh bahasa iaitu, bahasa Inggeris, China, Perancis, Thai, Indonesia, Korea dan Mongolian. Contoh lain, ialah Vaclav Havel. Beliau telah menghasilkan buku yang sangat berpengaruh dalam menyelamatkan rakyat Czechoslovakia daripada cengkaman komunis. Gagasan yang dibawa oleh bukunya telah menyebabkan rakyat memilih beliau sebagai Presiden. Dalam sejarah institusi pengajian tinggi Islam pula, buku-buku karya cendekiawan dari Universiti Qarawiyin yang ditubuhkan pada tahun 859, Universiti al-Azhar yang ditubuhkan pada tahun 975, dan Universiti Nizamiyyah yang ditubuhkan pada tahun 1065 sehingga kini masih dibaca dan dikaji. Setelah seribu tahun, buku-buku ini masih mampu mengubah individu dan masyarakat. Subhanallah, besar dan berpanjangan amal jariyah mereka. Nabi s.a.w. bersabda: *Sebaik-baik manusia adalah mereka yang memberi manfaat kepada orang lain*. Inilah sebenarnya, kepentingan penerbitan ilmiah di Universiti Awam. Mengubah dan mendidik akal budi masyarakat serta membina tamadun dan peradaban luhur negara. Dalam konteks UniSZA, lebih-lebih lagi apabila ‘ilmu demi faedah insan’ menjadi motto kita dan apabila ‘Islam’ serta ‘komuniti’ menjadi elemen dalam nic kita.

Apakah strategi yang perlu direncana di UniSZA dalam meningkatkan kuantiti serta menjaga kualiti penerbitan buku ilmiah terutama dalam kalangan pensyarah muda?

Meningkatkan kuantiti dan menjaga kualiti penerbitan ilmiah bukan tugas satu pihak sahaja. Sementerian pula, swadaya institusi pendidikan tinggi dan kejauharian tenaga akademiknya sering dikaitkan dengan penerbitan ilmiah. Paling kurang ia melibatkan tiga pihak iaitu penulis, penerbit dan pihak yang diamanahkan oleh universiti, iaitu Lembaga Penerbitan UniSZA. Secara mudahnya, penulis akan banyak berkarya dan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti karyanya apabila ia menjadi ‘pencinta buku’ yang juga disebut sebagai bibliofil. Atau paling tidak berusaha ke arah itu. Biblioholisme ialah kecintaan luar biasa terhadap buku sehingga amat gemar membaca, membeli, menyimpan, menjaga dan mengagumi buku. *When we are collecting book, we are collecting happiness*. Pencinta buku bukan sekadar membaca tetapi dia fana dan tenggelam dalam pembacaannya. Kebanyakan penulis hebat mempunyai sikap seumpama ini.

Antara ulama dan karyawan besar Islam yang mempunyai sikap ini ialah al-Jahiz. Beliau dari muda sampai tua banyak menghabiskan masa dengan buku. Beliau mempunyai koleksi buku yang sangat banyak memenuhi rumahnya. Kematian beliau juga mempunyai perkaitan menarik dengan buku. Karya agungnya *al-Bayan wa al-Tabyin* sentiasa menjadi rujukan dalam pelbagai bidang. Contoh lain, Rene Descartes sarjana falsafah semasa mengungkapkan perasaan cintanya terhadap buku berkata “Membaca buku yang hebat ibarat mengadakan dialog dengan para cendekiawan yang hebat dari masa lampau. Pemikiran mereka terus hidup dan berpengaruh sehingga kini”. Saya kira semua Sasterawan Negara (SN) ialah bibliofil. Saya pernah mendengar salah seorang SN berkata “Saya biasanya membaca dan mengedit karya yang akan saya hantar ke penerbitan kira-kira sepuluh kali... saya selalu berkeinginan melakukan proses ini secara profesional”.

Apabila kita sentiasa membaca maka secara tidak langsung kita mempelajari pelbagai pendekatan dan gaya penulisan. Lebih-lebih lagi, apabila buku yang kita baca merupakan terbitan yang

sangat baik kualitinya. Kita juga belajar bagaimana penulis hebat menterjemahkan gagasan mereka ke dalam teks. Daripada situ, kita akan sentiasa menulis. Setiap hari menulis. Kita adalah apa yang kita kerjakan berulang kali sehingga ia menjadi kebiasaan. Jadi, kata kunci strategi untuk pensyarah meningkatkan kuantiti dan kualiti buku yang ditulis ialah jadilah pencinta buku.

Penerbit pula hendaklah aktif dalam memberi bimbingan kepada pensyarah. Barulah bilangan manuskrip yang berkualiti dapat dipertingkatkan. Proses pewasitan yang kemas dan teliti, serta pemasaran buku yang berkesan juga sangat penting. Melalui cara ini, maklum balas daripada pewasit dan pembeli dapat digunakan untuk meningkatkan bilangan cetakan dan kualiti buku. Oleh itu, Penerbit perlu ada KPI, pelan strategi dan pelan tindakan. Paling penting, staf Penerbit juga kena berusaha menjadi pencinta buku. Bahkan, pejuang buku. Kalau tidak, semua urusan buku akan dirasakan membosankan. Buat program yang boleh meningkatkan cinta dan semangat juang staf dalam medan penerbitan buku. Saya selalu pergi ke syarikat penerbitan sejak akhir tahun 80-an. Saya pergi ke Karangkraf, Utusan dan Pustaka al-Mizan. Kebetulannya saya mempunyai rakan yang saya berurusan tentang buku saya di penerbit-penerbit tersebut. Patennya sama, semua staf senyap buat kerja. Kelihatannya membosankan tetapi sebenarnya tidak. Mereka cinta dengan kerja mereka dan mereka berjuang untuknya. Mereka kerap tidur di pejabat. Saya pun kadang-kadang turut tidur di pejabat bersama mereka. Kata kunci strategi untuk mereka yang terlibat dalam dunia penerbitan ilmiah ialah jadilah pejuang buku. Barulah mereka akan bersungguh-sungguh memikirkan tentang kuantiti dan kualiti buku terbitan mereka.

Selain itu, Lembaga Penerbitan UniSZA perlu berperanan secara efektif kerana ‘final say’ terbitnya sesbuah manuskrip bukannya terletak pada Penerbit. Mereka hanya urus setia sahaja. Keputusan muktamad adalah pada ahli Lembaga Penerbitan UniSZA. Mereka mempunyai suara berkaitan mutu, kandungan, kebolehberitan dan sebagainya. Pada saya, ahli Lembaga Penerbitan Universiti juga mempunyai tanggungjawab besar berkaitan peningkatan kuantiti dan nuansa kualiti penerbitan ilmiah terutamanya buku. Tidak dapat dinafikan peranan dan sikap pengurusan tertinggi universiti terhadap penerbitan buku ilmiah sangat besar pengaruhnya. Saya melihat mana-mana universiti yang pengurusan tertingginya cakna tentang penerbitan buku maka penerbit universiti tersebut akan berjaya malah mendapat pelbagai anugerah. Pastinya, kredit itu kembali kepada universiti berkenaan dan pengurusan tertinggi universiti.

Apakah kriteria penghasilan karya ilmiah yang bermutu seterusnya memberi impak kepada kesarjanaan seseorang ahli akademik?

Cuba kita tanya kepada pensyarah, impak yang bagaimana mereka inginkan daripada penerbitannya? Pasti jawapannya, mereka hendak orang ramai boleh mengambil manfaat dalam tempoh yang lama. Sekali lagi, kita dapat kriteria karya ilmiah bermutu yang memberi impak kepada kesarjanaan seseorang ahli akademik adalah berpaksi kepada gagasan ilmu yang mantap. Saya bukan bercakap tentang bidang kerana ia masih umum. Seseorang pensyarah mungkin mempunyai beberapa gagasan dalam satu bidang.

Gagasan ilmu sarjana perlu dipersembahkan dalam bentuk terbitan ilmiah secara mantap dan mendalam. Setiap bab di dalam buku perlu berdialog dan berwacana antara satu sama lain tentang gagasan yang hendak dibawa. Perpindahan dari satu perenggan ke perenggan lain seolah-olah membawa pembaca menelusur perkembangan gagasan pengarang. Lenggang-lengkok bahasanya mengetuk dan membuka pemikiran serta

jiwa pembaca dengan mudah untuk menghadami butiran hikmah yang dibawa oleh gagasan ilmuwan. Ini adalah antara kriteria karya ilmiah yang bermutu dan merupakan elemen yang sering dinilai bagi sesebuah buku. Saya rasa ini lebih mudah difahami tanpa menyebut istilah-istilah teknikal seperti koheren, kohesi dan seumpamanya yang sering kedengaran di bengkel apabila kita bercakap tentang kriteria penerbitan ilmiah bermutu.

Jika perkara ini, dapat dipenuhi maka orang ramai akan mengingati dan menghormati kesarjanaan pengarang. Buku tersebut akan menjadi rujukan berkredibiliti dalam satu tempoh yang panjang. Lihat kepada karya-karya al-Ghazali dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah yang terus hidup dan dapat bertahan sejauh ini. Ia diulang cetak oleh banyak penerbit. Hal ini disebabkan, elemen-elemen seperti yang saya nyatakan tadi mendukung kehebatan gagasan para ulama ini dalam buku-buku mereka sehingga mampu menggerakkan fikiran dan jiwa serta mencetuskan tindakan para pembacanya tanpa mengira sempadan tempat dan masa. Sebaliknya, jika buku tidak dapat mengetengahkan gagasan ilmu dengan mantap dan kriteria kualiti tidak dapat dipenuhi maka buku itu akan mudah dilupakan dan terperosok di dalam stor. Akibatnya, kesarjanaan akademia terkambus oleh debu-debu dan kegelapan bilik stor.

Bagaimana Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) memainkan peranan dalam mengangkat penerbitan ilmiah mencapai tahap penerbitan berimpak tinggi?

Saya melihat MAPIM sangat serius dan gigih dalam mengangkat karya ilmiah. Keseriusan mereka boleh dilihat apabila Pengurus Lembaga MAPIM ialah Ketua Pengarah, KPT sendiri. Kebanyakan ahli lembaganya pula terdiri daripada Timbalan-timbalan Naib Canselor (P&I). Jelasnya, MAPIM itu sendiri merupakan antara agenda besar Kementerian Pendidikan Tinggi. Itu dari sudut organisasi. Dari sudut gerak kerja, MAPIM melalui Jawatankuasa Pelaksananya banyak membantu penerbit-penerbit ilmiah dalam meningkatkan kualiti buku dan pengurusan buku, memantapkan strategi pemasaran, memudah cara urusan pameran dan *smart-partnership*, dan sebagainya. Banyak aktiviti yang dianjurkan untuk perkara tersebut. Kejayaan MAPIM membuatkan sesetengah penerbit komersial memohon untuk menjadi Anggota Bersekutu MAPIM. Ini adalah suatu perkembangan yang baik untuk industri buku negara. Melalui MAPIM, buku-buku penerbit universiti telah dapat menembusi pasaran antarabangsa, malah ada buku-buku yang mendapat pengiktirafan daripada pihak luar negara.

Pada pandangan Y. Brs. Prof., apakah peri pentingnya penghasilan buku kerana pada masa sekarang penerbitan jurnal lebih diberi tumpuan?

Pemikir Islam Ziauddin Sardar menyatakan buku ialah sebuah peradaban. Pemenang hadiah Pulitzer sebanyak dua kali Barbara Tuchman mengungkapkan “buku adalah pengusung peradaban. Tanpa buku sejarah menjadi sunyi, sastera menjadi bisu, ilmu pengetahuan lumpuh dan pemikiran menjadi kaku”. Dunia Barat dan Timur mengakui kepentingan buku dalam membangunkan dan memelihara peradaban. Barangkali ini kerana, buku merupakan pentas yang besar buat penulis mempersebahkan gagasannya. Buku memberi ruang yang secukupnya untuk penulis menjentik akal dan mengetuk hati pembaca dalam bahasa yang indah penuh dengan nilai estetika-semantik. Buku yang bagus mampu membuatkan pembacanya berdialog, berimaginasi dan beremosi. Pendek kata, penulis buku mempunyai medan yang luas dengan keluwesan gaya semasa menyampaikan mesej melalui penulisannya. Saya kira, ciri-ciri ini tidak terdapat di dalam artikel jurnal yang ruangnya terhad

sekitar 5 hingga 15 muka surat dengan bahasanya yang kering, gersang dan mendatar. Lingkaran pembaca jurnal pula sangat eksklusif dan terhad.

Tidak dinafikan jurnal sangat penting kerana dapatan baru berasaskan data empirikal adalah terletak di dalam jurnal. Tetapi ia tidak boleh berhenti setakat itu. Artikel-artikel jurnal ini perlu disatukan sehingga penulis dapat mengkonseptualisasikan gagasan ilmunya kemudian dipersembahkan dalam bentuk buku supaya orang awam mengambil manfaat daripadanya. Sesetengah pensyarah bidang sains berkata “Ohh, buku bukan medium kami. Jurnal lebih sesuai untuk kami”. Saya fikir ini tanggapan yang salah kerana saya lihat banyak buku dihasilkan oleh pensyarah sains di MTUN dan USM. Anugerah buku untuk bidang sains, teknologi dan perubatan juga disediakan untuk mereka. Kalau bahan dalam bidang sains tidak boleh dikonseptualisasikan dan dicerakinkan ke dalam bentuk buku, maka anugerah ini pasti tidak diadakan. Persamaan fizik $E=m^c^2$ yang dihasilkan oleh Einstein menjadi tersohor dan tersebar luas adalah melalui buku terlaris *A Brief History of Time*. Buku ini telah dicetak berulang kali.

Pendek kata, universiti tidak boleh terlalu tertumpu terhadap jurnal semata - mata dan mengabaikan buku. Kelak, apa yang ada untuk membina masyarakat dan membangunkan peradaban? Kita kata, kita ialah agen perubahan masyarakat dan pemangkin ke arah minda kelas pertama tapi hasil penyelidikan kita masih berlebar dalam golongan elit. Apabila bercakap tentang memartabatkan bahasa Melayu seperti yang hangat diperkatakan kini maka penerbitan buku ilmiah tidak boleh dikesampingkan. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin menyatakan “Malaysia boleh memartabatkan semula bahasa Melayu sekiranya setiap seorang tenaga akademik yang ada PhD menghasilkan sebuah buku dalam bahasa kebangsaan itu”. Lihat, buku sangat berpengaruh dalam pelestarian bahasa. Justeru, universiti perlu mengimbangi penerbitan buku dan jurnal. Pensyarah juga perlu aktif menulis jurnal dan buku. Barulah peranan universiti terlaksana dengan sebaiknya. Saya harap orang tidak salah faham tentang apa yang saya perkatakan. Kita bercakap tentang buku ilmiah dan cabaran penerbitannya. Kalau kita bercakap tentang jurnal dan kepentingannya maka itu perkara lain. Saya sendiri banyak mengendalikan bengkel penulisan buku dan jurnal.

Bagaimana Prof. memastikan untuk sentiasa menghasilkan penulisan ilmiah supaya berterusan di samping kerjaya yang memerlukan komitmen yang tinggi?

Saya kira ini soalan menyedihkan. Saya suka duduk tekun lama menulis. Saya menulis sejak akhir tahun 80-an. Saya ada kolumn khas dalam sebuah majalah berkonsepkan Islam suatu ketika dahulu. Saya juga aktif menulis tentang tokoh ulama nusantara untuk satu majalah lain. Buku-buku saya banyak diulang cetak. Namun kini, hambatan kerja pentadbiran akademik sering mengekang saya daripada tekun berseorangan dalam berkarya. Walau bagaimanapun, saya mengambil pendekatan berkolaborasi dengan pelajar siswazah saya. Sedari awal, saya galakkan pelajar saya menulis draf tesis yang akhirnya boleh diterbitkan. Oleh itu, saya sentiasa membaca kesemua helai muka surat draf tesis pelajar. Saya menilai tesis pelajar dari semua aspek. Kebanyakan pelajar saya paling kurang akan menulis tiga draf bagi setiap bab. Ini bagi menjaga kualiti penyelidikan dan penulisan. Jadi, apabila tesis telah diperbetulkan selepas *viva-voce* maka kerja merombak tesis untuk menjadi buku boleh dijalankan dengan mudah. Sesetengah pelajar saya memperoleh pelbagai anugerah melalui penerbitan daripada tesis mereka. Alhamdulillah, berkat usaha gigih mereka.

Ulasan Buku

REMAJA BERISIKO

dan Peranan NGO Wanita

Nor Salimah Abu Mansor, Ph.D.
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Mencari sesuatu yang luar biasa pada karya yang membicarakan isu yang biasa dibicarakan oleh kebanyakan orang, bukanlah sesuatu yang mudah. Bagaimanapun, naskhah sulung Dr. Azyyati Mohd. Nazim berjudul Remaja Berisiko dan Peranan NGO Wanita ternyata menyajikan sesuatu yang istimewa, biarpun dalam isu yang biasa diperkatakan oleh banyak pihak. Jika ditekuni, keistimewaan ini barangkali letaknya pada tiga perkara utama. Pertama, perbincangan dalam buku ini ternyata memberi dimensi baharu kepada persoalan remaja berisiko yang selama ini banyak dibincangkan secara ‘dingin’ dengan melaporkan sahaja perkembangan terkini, termasuk data statistik serta membincangkan sejauh mana kritikalnya masalah remaja yang berlaku mutakhir ini. Kedua, keistimewaan buku ini pasti ditemui apabila pembaca menyelami buku ini sambil melontarkan pertanyaan: “Bagaimana mencari solusi untuk remaja berisiko dengan melibatkan semua pihak dan entiti dalam masyarakat?” Ketiga, tentu sahaja kerana buku ini berjaya dinobatkan sebagai buku ilmiah terbaik tahun 2016 dalam bidang sains kemasyarakatan dan kemanusiaan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Buku ilmiah yang diterbitkan oleh Penerbit UniSZA setebal 214

halaman ini mempunyai tujuh bab. Tiga bab pertama menghuraikan konsep remaja, remaja berisiko dan pendekatan menangani permasalahan remaja berisiko. Empat bab berikutnya membincangkan pergerakan NGO wanita di Malaysia, fenomena remaja berisiko di Kuala Terengganu, peranan NGO Wanita Islam secara umum seterusnya peranan mereka secara khusus dalam menangani remaja berisiko di Kuala Terengganu. Untuk memudahkan penghayatan pembaca terhadap isu ini, buku ini turut memuatkan data-data berguna sebagai rujukan seperti jenis-jenis salah laku remaja dan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi mereka seperti faktor kendiri, keluarga, rakan sebaya, pembelajaran di sekolah, media massa dan faktor keagamaan.

Tidak sekadar perbincangan biasa tentang isu remaja dan masalah moral, buku ini mengangkat tema remaja dan wanita pendakwah. Justeru, dalam menggalurkan permasalahan buku ini, isu remaja dilihat oleh penulis buku dalam konteks penyelesaian, melalui keterlibatan golongan wanita yang bergerak aktif dalam lapangan dakwah menerusi NGO-NGO Islam. Dalam kaitan ini, peranan dakwah daripada aktivis-aktivis wanita ingin ditonjolkan dalam kajian penulis ini sebagai ‘harapan baharu’ masyarakat dalam mencari penyelesaian terhadap

kebejatan moral dalam kalangan remaja khususnya remaja Melayu Muslim di Malaysia.

Masalah remaja berisiko meskipun saban hari didapati semakin getir, meruncing dan mencabar, ada kalanya dipandang sepi oleh segelintir khalayak. Karya hasil kajian penulis ini cuba memancing minat dan kepekaan semula masyarakat terutama pembaca untuk menginsafi ‘peran-serta’ setiap pihak agar menyumbang kepada penyelesaian masalah ini. Remaja, sebagaimana golongan bayi dan kanak-kanak sentiasa diberi perhatian dalam karya-karya dan pengajaran para ulama kerana dianggap sebagai generasi yang bakal mewarisi dan membela Islam hingga mencipta ketamadunan dan peradaban dalam mana-mana bangsa dan zaman. Dalam perspektif psikologi Islam, remaja yang telah mencapai akil baligh, adalah peringkat penting yang menandai mereka sebagai mualaf, yang menanggung beban takrif syarak daripada sudut tanggungjawab dan pertanggungjawaban. Dalam kemelut usia remaja yang mencabar daripada segenap dimensi, fizikal, emosi, intelektual dan spiritual, penulis menekankan kepentingan melihat aspek pendidikan atau tarbiah secara holistik agar mereka tumbuh sebagai golongan dewasa yang bakal mencontohi kehebatan remaja pada

zaman Rasulullah s.a.w. seperti Ali bin Abi Talib, Usamah bin Zaid, Aisyah dan Asma' binti Abu Bakar serta Fatimah binti Muhammad Rasulullah s.a.w.. Terdapat sentuhan yang menarik dalam buku ini apabila penulis membentangkan pelbagai makna dan konsep remaja berdasarkan perspektif Islam menerusi tafsiran ayat-ayat al-Quran, huraian hadis serta penjelasan para ulama daripada pelbagai dimensi. Dalam hal ini, penulis mengaitkan fenomena remaja berisiko dengan masalah penyimpangan dalam agama. Penulis turut merujuk remaja berisiko kebiasaannya terdiri daripada mereka yang bermasalah dari segi personaliti, di samping tinggal dalam persekitaran yang berisiko.

Perbincangan buku ini seterusnya menyingskap faktor-faktor berisiko yang boleh menjerumuskan golongan ini kepada pelbagai masalah seperti faktor psikologi remaja, sosioekonomi, keluarga, persekitaran dan rakan sebaya. Dalam hal ini, penulis memetik pelbagai teori yang boleh dikaitkan dengan fenomena remaja bermasalah. Secara empirikal, banyak kajian telah menunjukkan faktor persekitaran luar yang negatif telah memberi sumbangan secara langsung dan tidak secara langsung kepada perlakuan bermasalah dalam kalangan remaja. Oleh itu, remaja yang didapati terdedah kepada persekitaran berisiko boleh juga dianggap sebagai remaja berisiko. Sebagai panduan, penulis mencirikan remaja berisiko meliputi keadaan seperti kemurungan, kebimbangan, tingkah laku melawan, dan sikap berputus asa. Semua ciri ini adalah sebagai ‘tanda-tanda’ yang bersifat peribadi pada peringkat awal untuk mereka berkemungkinan dalam masalah perlakuan pada masa yang mendatang. Mengenal pasti ciri-ciri ini, memberi ruang untuk semua pihak merintis penyelesaian awal menerusi teladan yang baik, pelaziman akhlak, nasihat dan bimbingan berterusan, pemerhatian, pengawasan, dan hukuman ringan seperti denda. Dalam Islam, semua tindakan ini terlaksana dalam satu mekanisme pendidikan menyeluruh yang disebut sebagai ‘tarbiyah’.

Dalam mencari jalan penyelesaian kepada kemelut remaja, kajian yang menjadi inti kepada buku ini telah memilih pendekatan psikologi dakwah sebagai pendekatan yang paling sesuai untuk menangani permasalahan jiwa remaja berisiko. Ini kerana pendekatan psikologi



dakwah secara khusus menggunakan kaedah menyelami dan memahami jiwa golongan ini. Selari dengan pendekatan kejiwaan yang relatifnya bersesuaian dengan wanita, penulis memilih kelompok aktivis wanita yang terlibat secara langsung dalam beberapa NGO terpilih untuk melihat secara lebih dekat pendekatan dakwah yang dilaksanakan dalam membantu masalah remaja. Dalam hal ini, wanita tidak dilihat hanya sebagai pendakwah, tetapi ahli komuniti yang bertanggungjawab menjaga kebajikan masyarakat, termasuk aspek amar makruf nahi mungkar demi merealisasikan kesejahteraan dalam kalangan mereka.

Dalam menghuraikan keterlibatan wanita dalam menangani masalah remaja, penulis turut memperincikan profil dan latar belakang NGO wanita di Malaysia, meskipun secara realitinya, hanya segelintir NGO yang berasaskan wanita terlibat secara langsung dalam dakwah dalam erti kata yang sebenarnya. Secara ideal, penulis wajar mengasingkan NGO wanita yang berperanan dakwah, daripada NGO yang berasaskan program atau berasaskan aktivisme semata-mata. Ini kerana dakwah dalam ruang lingkup Islami secara khusus, mengandungi nilai yang sangat tinggi kerana setiap aktivitinya adalah menjunjung prinsip tauhid dan pengabdian kepada Allah s.w.t., di

samping kebaktian kepada manusia. Ini ternyata memberi perbezaan kerana NGO wanita yang lain, sungguhpun menunaikan makna dakwah secara umum seperti melaksanakan program kebajikan untuk masyarakat, khidmat sosial dan seumpamanya, namun masih berlangsung secara stereotaip, tanpa mengaitkan kesemua itu dengan tugas manusia sebagai Khalifah dalam kerangka ibadah kepada Allah s.w.t.. Dalam sudut yang lain pula, penulis memberi sumbangan yang bermakna untuk para penyelidik apabila beliau membentangkan pelbagai data berguna berkaitan fenomena remaja berisiko di Kuala Terengganu seperti latar demografi, ibu bapa dan keluarga, sosioekonomi, cara pengisian masa lapang, jenis-jenis salah laku, serta faktor yang membawa kepada tingkah laku tersebut.

Sebagaimana yang disebut pada awal ulasan buku ini, keistimewaan karya ini turut terletak kepada ‘haluan’ perbincangannya yang menjurus kepada solusi dan penyelesaian. Remaja berisiko tidak harus dilihat sebagai objek yang menjengkelkan, sebaliknya harus dilihat sebagai tanggungjawab individu dalam segenap lapisan masyarakat untuk saling memainkan peranan membantu, dalam posisi dan keupayaan masing-masing. Dalam hal ini, penulis meneroka perspektif baharu dengan melihat peranan dan pendekatan dakwah para aktivis wanita terhadap remaja berisiko, menerusi NGO masing-masing seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan IKRAM, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam (LKPI) dan Pergerakan Puteri Islam Malaysia (PPIM). Dalam Bab 6, penulis telah menjelaskan peranan dakwah aktivis wanita dalam NGO-NGO di Kuala Terengganu bagi menangani remaja berisiko. Peranan dakwah yang menjadi tumpuan penulis buku ini lebih menjurus kepada peranan sukarelawan yang bertindak sebagai agen perubahan sosial dan pembangunan masyarakat. Secara keseluruhan, peranan aktivis wanita dalam NGO Islam ini meliputi peranan berpartisipatif dengan semua program kemasyarakatan dengan memberi kerjasama kepada agensi kerajaan dan NGO lain, menyediakan keperluan dan sokongan kepada remaja berisiko, melakukan tindakan susulan terhadap aktiviti yang telah dilaksanakan, melaksanakan kursus bimbingan dan kesedaran diri remaja, membina jaringan komunikasi dengan kumpulan

remaja berisiko, menubuhkan rumah bimbingan dan khidmat sosial, melaksanakan program usrah, dakwah dan tarbiah, menubuhkan konsultan bagi menangani masalah remaja serta mewujudkan kesedaran dalam konteks keibubapaan dalam mendidik anak-anak mereka.

Selain peranan secara makro, dalam Bab 7 buku ini, penulis memberi kupasan maksud peranan secara mikro yang dimainkan oleh aktivis wanita dalam NGO-NGO Islam di Kuala Terengganu dalam menangani remaja berisiko, dengan menyertakan bentuk-bentuk program dan contoh-contoh aktiviti yang telah dilaksanakan. Selain itu, bab terakhir buku ini turut memperihalkan pendekatan NGO wanita Islam di Kuala Terengganu dalam menangani permasalahan remaja berisiko menerusi empat pendekatan utama iaitu kasih sayang, tarbiyah ruhiyyah, nasihat iaitu termasuk galakan dan motivasi dan merangka projek untuk remaja secara bersama (kolektif). Bagi aktivis wanita yang ditemui bual dalam kajian ini, aktiviti menyebar luas kefahaman Islam adalah sangat signifikan, khususnya dalam program-program kemasyarakatan agar ajaran Islam diletakkan sebagai premis utama dalam pemikiran masyarakat. Kesemua ini, digerakkan pula atas semangat kesukarelawanan aktivis-aktivis wanita NGO-NGO Islam di Kuala Terengganu, dengan prinsip-prinsip yang murni seperti berteraskan kebajikan, bercirikan ‘al-ithar’ iaitu mendahulukan kepentingan orang lain dan sedia berkorban demi keperluan orang lain. Di penghujung perbincangan, buku ini menggalurkan cadangan pelan tindakan untuk menangani masalah remaja dengan melibatkan NGO, para pendakwah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak sekolah, jawatankuasa keagamaan seperti masjid dan surau, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kejiranan Wanita dan Rukun Tetangga (KRT), pertubuhan belia dan remaja, Jabatan Polis, Majlis Perbandaran dan pihak ibu bapa termasuk keluarga serta remaja sendiri.

Secara keseluruhan, naskhah ini berjaya ‘menemukan’ tiga perkara yang amat besar ertiinya dalam kehidupan manusia Muslim, iaitu remaja, wanita dan dakwah. Bagaimanapun, buku

ini akan lebih bersinar sekiranya penulis tidak bersikap *apologetic* dengan memuatkan sejumlah teori dan pandangan sarjana Barat dalam memahami, mengupas dan mencari penyelesaian terhadap masalah remaja berisiko. Membangunkan wacana kajian semasa dengan menekuni teori dan hasil pemikiran para sarjana Islam secara bersendirii ada kalanya membuatkan jiwa kita lebih terbangun dan rasa memiliki ilmu itu daripada sumber-sumber Islam yang tersendiri. Sebaliknya, keterikatan kita kepada literatur moden dari Barat dalam banyak situasi, boleh menjerumuskan kita dalam keterhadan pemikiran dan kedangkalan makna dalam memahami semua fenomena yang berlaku dalam kehidupan kita. Untuk memberi keadilan, percubaan penulis untuk mengupas persoalan remaja berisiko berdasarkan kedua-dua perspektif, iaitu Islam dan Barat, ternyata wajar diberi penghormatan kerana penulis buku ini berusaha membawa pembaca memahami isu-isu remaja dalam pelbagai disiplin ilmu, termasuk daripada wacana moden. Hal ini diharapkan dapat menerbitkan satu keinsafan pula, bahawa kajian dalam bidang kemasyarakatan dan sains sosial, serta psikologi remaja sememangnya belum berupaya untuk mandiri, atau tidak mudah untuk membebaskan diri daripada kerangka dan premis pemikiran penyelidikan lazim. Penyelidikan lazim dari Barat bersumberkan aliran rasionalisme, empirisme dan positivisme yang telah lama bertapak, kadangkala melewati batas epistemologi Islam hingga melangkau masuk ke dalam karyakarya dalam disiplin pengajian Islam seperti buku ini. Mudah-mudahan berdasarkan kesedaran ini, naskhah kedua penulis, sebagai seorang pakar dalam bidang dakwah, dapat berdiri sendiri dengan sejumlah teori, prinsip, aplikasi dan penyelesaian berdasarkan epistemologi Islam, bersumberkan sarjana Islam secara mandiri, dan tidak perlu bersandar lagi kepada teori dan penyelidikan lazim.

Memperkaya Jiwa, Mencintai Negara

Nazilah Mohamad
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Majlis Ucapan Tahunan Naib Canselor Iumrahnya diadakan pada awal penggal pertama setiap tahun dan pada tahun ini telah diadakan di Dewan Al-Muktafi Billah Shah (DABS) pada pagi Selasa tanggal 2 Mei. Majlis yang penuh takzim ini dihadiri oleh semua lapisan warga UniSZA. Pada kali ini, Pro Canselor UniSZA, Tan Sri Dato' Dr. Mohamad Yusof Haji Mohamed Nor dan Pengurus Lembaga Pengurusan Universiti, Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin berserta ahli-ahli lembaga telah turut hadir untuk memeriahkan lagi acara. Antara pelbagai acara dan majlis yang dianjurkan, Ucapan Tahunan Naib Canselor merupakan satu-satunya acara yang mempunyai impak besar dalam mewarnai nada dan fokus aktiviti universiti pada sepanjang tahun berkenaan.

Naib Canselor ketiga UniSZA, Profesor Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif terlatih sebagai seorang pakar neurosurgeri yang berusaha mengadunca etika bidang profesionalnya dengan prinsip kepemimpinan kontemporari. Pendekatan ini terserah melalui inti pati dan penekanan yang diberikan oleh beliau dalam ucapan tahunan. Beliau menyampaikan amanat dengan penuh semangat dan gaya yang memakukan perhatian hadirin.

Tajuk ucapan tahunan pada kali ini ialah ‘Memperkaya Jiwa, Mencintai Negara’. Pada permulaan majlis, beliau mengimbas kembali sejarah penubuhan UniSZA iaitu daripada KUSZA menjadi UDM dan seterusnya kini dikenali sebagai UniSZA yang telahpun mencapai usia satu dekad. Ucapan beliau diteruskan lagi dengan memperingati warga UniSZA akan jasa mantan warga UniSZA terdahulu sama ada yang bersara atau yang telah kembali ke rahmatullah.

Pada zaman yang penuh cabaran dan persaingan kini, Dato' Naib Canselor mengingatkan semua warga UniSZA tanpa mengira jawatan dan pangkat untuk menghidupkan budaya ilmu, merekayasa diri masing-masing menerusi pembelajaran sepanjang hayat dan membangunkan budaya kerja yang inovatif serta dinamik.

Selain itu, penyelidikan juga diberi penekanan khas kerana ia menjadi tunjang kepada peningkatan kualiti pengajaran dan reputasi universiti. Beliau mengucapkan tahniah kepada semua yang telah memberi sumbangan kepada peningkatan kuantiti dan kualiti penerbitan serta kejayaan dalam pertandingan inovasi dalam pelbagai peringkat. Pertalian antara dana penyelidikan, penyeliaan pelajar siswazah serta kaedah pembelajaran dan pengajaran yang inovatif sangat penting dalam kerjaya akademik.

Sebagai menyahut cabaran KPT untuk Universiti Awam menyediakan kaedah baharu dalam pembekalan pembelajaran dan pengajaran, Dato' Naib Canselor menyarankan agar UniSZA menyediakan kaedah pendidikan fleksibel. Antara kaedah pendidikan yang disarankan ialah *pivot* kepada konsep *Quadruple helix*, menyertai *playbook* menerusi penawaran program 2u2i, kaedah penyampaian pembelajaran dan pengajaran menerusi MOOC dan kursus dalam talian. Keperluan UniSZA untuk memberi fokus kepada pembangunan komuniti menerusi sumbangan harta intelek (*Knowledge Transfer Programme*) dan khidmat nasihat teknikal turut ditekankan.

Dato' Naib Canselor turut mencadangkan semakan kepada program transformasi yang telah diperkenalkan dahulu untuk memastikan budaya akademik yang bersemangat dan dinamik. Pertama,



pernyataan Visi diolah semula supaya menjadi lebih inklusif kepada **Universiti Pilihan Dunia** agar hala tuju UniSZA mudah difahami oleh semua lapisan warga UniSZA. Kedua, pernyataan Misi disusun semula supaya matlamatnya **Menzahirkan insan holistik melalui kecemerlangan akademik** lebih jelas aras sasaran mutu untuk ‘produk’ UniSZA. Pada masa yang sama, pelan strategik dikemas kini dengan mengambil kira perkembangan semasa dalam pelbagai komponen ekosistem pengajian tinggi pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dato' Naib Canselor bersungguh-sungguh memastikan segala perancangan ini berjalan lancar. Beliau telah memaklumkan persetujuan dan iltizam pengurusan UniSZA untuk menggunakan sistem pengurusan kualiti demi mencetuskan budaya fokus pelanggan. Beliau juga berharap usaha yang dilaksanakan ini akan meningkatkan lagi keternampakan UniSZA pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Seiring dengan hasrat ini, PTM telah memperkenalkan laman web UniSZA yang dilengkapkan dengan ciri mesra pelanggan, maklumat terkini dan mudah dicapai. Dato' Naib Canselor



juga menyarankan pembangunan sistem papan pemuka peribadi (*personal dashboard*) oleh PTM untuk memastikan warga UniSZA sentiasa diperingati mengenai tanggungjawab masing-masing.

Seterusnya, Dato' Naib Canselor menzahirkan hasrat untuk memastikan UniSZA akan diaraskan pada tahap yang lebih tinggi iaitu 5 bintang dalam usaha penarafan nasional oleh KPT dan SETARA. Oleh itu, untuk memastikan hasrat ini tercapai usaha akan dilakukan secara dalaman melalui sistem penarafan PTJ / fakulti UniSZA. Dato' Naib Canselor, menekankan bahawa segala senarai perancangan ini tidak akan membahukan hasil pada tahap yang dikehendaki tanpa penglibatan, penggembelangan dan kerjasama daripada semua warga UniSZA.

Tagline Ilmu dan Akhlak yang dikaitkan dengan corak pengurusan beliau menunjukkan realisasi dan kefahaman mengenai peranan insan dalam kejayaan institusi. Pada bahagian kedua ucapan, beliau memberi penekanan khas kepada usaha menyemarakkan budaya kerja berpasukan, keserakanan dan permuafakatan telus. *Hubb al-watan, ukhuwwah* warga UniSZA dan *nahuu*

ananiyyah telah menjadi topik kupasan dalam mencorakkan pembangunan insan di UniSZA.

Sempena sambutan Hari Pekerja, *Hubb al-watan* menjadi sangat relevan iaitu cinta akan negara menerusi cinta akan institusi kita bersama. Dato' Naib Canselor memaklumkan "cinta ini perlu dizahirkan dengan memiliki nilai pengorbanan, kesetiaan, keberanian, kesiapsiagaan dan kesukarelaan untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara".

Dalam konteks pembangunan organisasi, warganya menjadi tonggak dan penggerak kemajuan sesuatu organisasi. Sistem tadbir urus tidak akan ke mana-mana tanpa dilaksanakan dan dimantapkan oleh warga organisasi dan ini disedari oleh Dato' Naib Canselor sepertimana disarankan dalam ucapan:

"Realitinya, keutuhan dan kecemerlangan UniSZA tidak mampu digapai jika terdapat satu sifat *mazmumah* iaitu *ananiyyah* atau pentingkan diri sendiri dalam kalangan masyarakat. Islam melarang seseorang mementingkan diri sendiri daripada kepentingan *jamaah*. Bahkan Nabi s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Hendaklah kamu berada dalam *jamaah* (kumpulan)"

Bagi memastikan impian tersebut direalisasikan, beliau telah mencadangkan satu indeks iaitu ukuran keserakanan menerusi penilaian 360 darjah yang menjadi asas kepada rangka kerja untuk mengukuhkan *ukhuwwah* warga UniSZA dan melupuskan sifat *ananiyyah*.

Walaupun sebelum ini, Dato' Naib Canselor telah memaklumkan keperluan untuk UniSZA meningkatkan penglibatan dan sumbangan melalui pelbagai cara kepada komuniti. Beliau telah menyentuh mengenai usaha UniSZA memartabatkan wakaf dan infak menerusi pelbagai kategori dana wakaf yang dilaksanakan bersama-sama dengan MAIDAM. Beliau sangat berharap agar semua warga UniSZA dapat memberi sumbangan untuk menjayakan usaha ini.

Sehubungan itu, marilah kita sebagai warga UniSZA sama-sama berusaha untuk menjayakan hasrat murni beliau kerana dalam menjayakan UniSZA, kita telah menjayakan diri kita sendiri, Insya-Allah dan Wallahu A'lam.

Bengkel APPS

Terima Penyertaan Guru, Institusi Luar

Program Bengkel Sistem Aplikasi Pengurusan Pusat Sumber (APPS) yang berlangsung pada 24 Mei mencatatkan penglibatan lebih 20 orang guru dan peserta dari institusi luar. Program yang dilaksanakan di bawah Program Tanggungjawab Sosial Perpustakaan UniSZA diadakan di Makmal Komputer, Perpustakaan UniSZA.

Program ini merupakan suatu tanggungjawab serta hasrat Perpustakaan UniSZA untuk membantu, menyalurkan idea dan berkongsi kepakaran yang ada dengan pelbagai institusi agar dapat dimanfaatkan bersama dengan sebaiknya dalam membantu menaik taraf Pusat Sumber Sekolah (PSS) dengan pembangunan aplikasi sistem pengurusan pusat sumber sekolah. Matlamat utama sistem APPS ini dibangunkan adalah untuk menaik taraf PSS daripada bentuk tradisional kepada PSS berlandaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) supaya dapat membantu mempertingkatkan lagi proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) demi mencapai kecemerlangan di sekolah dan institusi yang terlibat. Ia juga bertujuan meningkatkan kecekapan sistem pengorganisasian bahan PSS seperti pengkatalogan dan pengelasan bahan, sistem pinjaman dan perkhidmatan pengguna.

Program ini telah menerima penyertaan daripada Yayasan Islam Terengganu (YIT), Institut Pengajian Islam (INSPI), Lembaga Pengurusan Masjid Abidin, guru-guru dari Sekolah Kebangsaan Kompleks Seberang Takir, Sekolah Kebangsaan Kompleks Gong Badak dan Sekolah Kebangsaan Padang Mengkuang.

Pengisian selama tiga jam secara *hands-on* ini memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai sistem APPS yang boleh diaplakasikan dalam menguruskan pelbagai bahan dan sumber maklumat di perpustakaan mahupun pusat sumber.

Kepakaran yang diraih bermula daripada proses penerimaan bahan sehingga ia berada di rak.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh Pustakawan Kanan, Perpustakaan UniSZA, Puan Rosnorzaini Rusli. Selain bengkel, turut dimuatkan juga sesi perkongsian maklumat yang disampaikan oleh Pustakawan UniSZA, Encik Syaiful Hisyam Saleh.



Maklumbalas yang diterima daripada peserta amatlah menggalakkan dan respon yang diberikan adalah positif. Justeru, program khidmat komuniti perpustakaan kepada masyarakat akan senantiasa diteruskan bagi memantapkan lagi proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) demi mencapai kecemerlangan di sekolah dan institusi yang terlibat.

FSSG dan STISIPOL Bersama Anjurkan ICLGSS'17



Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) dengan kerjasama Sekolah Tinggi Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Raja Haji (STISIPOL), TanjungPinang telah berjaya menganjurkan 1st International Conference on Local Government and Social Sciences (ICLGSS'17) yang bertempat di CK TanjungPinang Hotel and Convention Centre, Kepulauan Riau, Indonesia pada 26 - 27 April.

Dekan FSSG, Prof. Dr. Ahmad Puad Mat Som, berkata ICLGSS'17 ialah persidangan pertama yang diadakan di TanjungPinang serta telah mendapat perhatian dan kerjasama daripada Kerajaan Negeri Kepulauan Riau serta Kerajaan Bandar TanjungPinang.

Persidangan ini memberi tumpuan kepada pelbagai disiplin ilmu dalam bidang sains dan pengurusan sosial. Ia juga menjadi satu platform bagi mencari titik persamaan dan mewujudkan sinergi antara para peserta persidangan yang boleh memberi inspirasi kepada kerjasama pelbagai disiplin.

Persidangan seumpama ini diharapkan dapat meningkatkan nilai kerjasama antara UniSZA dengan STISIPOL terutama melibatkan pemerkasaan bidang keilmuan pada masa akan datang.



Bengkel Pemasangan dan Analisis Data MAGDAS

Pihak Space Environment Research Center (SERC), Universiti Kyushu Jepun telah bersetuju bekerjasama dengan Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan UniSZA dalam bidang penyelidikan cuaca angkasa. Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) UniSZA dipilih sebagai salah satu lokasi untuk meletakkan instrumentasi saintifik, Magnetic Data Acquisition System (MAGDAS). MAGDAS telah dipasang di ESERI pada 21 Feb dan jangka hayatnya adalah selama lima tahun.

Jenis instrumentasi MAGDAS II ialah sebuah alat pengukur medan magnet bumi yang membantu para penyelidik mengkaji cuaca angkasa dengan melihat kepada perubahan data medan magnetik bumi. Selain itu, MAGDAS II dapat mengukur medan magnet bumi dalam unit nano Tesla (nT). Kos pemasangan dibiayai oleh pihak International Center for Space Weather Science and Education (ICSWSE), Universiti Kyushu manakala pihak ESERI diberi tanggungjawab untuk menyelenggara dan memantau alat

tersebut.

Bengkel pemasangan dan analisis data MAGDAS diadakan pada 22-24 Feb di bilik seminar ESERI. Peserta yang terlibat ialah felo penyelidik ESERI, pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pensyarah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), pensyarah Universiti Teknologi MARA (UITM) Shah Alam, pegawai ANGKASA dan pelajar Universiti Kyushu seramai empat orang.

Objektif pengajuran bengkel ini adalah untuk memperoleh data geomagnet bagi membolehkan ANGKASA menjalankan pemantauan cuaca angkasa dengan lebih berkesan. Selain itu, ia memberi akses kepada saintis tempatan untuk menceburi bidang penyelidikan cuaca angkasa dan fizik suria serta pengkajian interaksi matahari - bumi di kawasan equatorial. Secara langsung, ia dapat memperkenalkan ESERI sebagai salah sebuah tapak *ground based* bagi penyelidikan di angkasa raya.

Hal ini juga merupakan salah satu inisiatif negara dalam menyumbang data mengenai ancaman angkasa terhadap kepentingan global demi keharmonian sejagat di samping memperkuatkan jaringan antarabangsa.

Program ini terbahagi kepada beberapa sesi yang dikendalikan oleh Felo Penyelidik ESERI, Dr. Roslan Umar. Antara pengisian sesi tersebut ialah pemasangan instrumentasi MAGDAS dan mempelajari cara menyelaraskan paras gelembung udara MAGDAS.

Pihak ESERI dan para pelajar akan dapat menyelenggara dan menggunakan data yang diperoleh daripada MAGDAS II dengan lebih tepat serta dapat menyumbang kepada penemuan baharu dalam bidang penyelidikan nanti. Program ini juga, menepati seruan kerajaan Malaysia bagi meningkatkan pembangunan dalam bidang angkasa dan melancarkan satelit telekomunikasi sendiri.

Bicara Usahawan Anjuran SME Corp. & PKKP



Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar (PKKP) telah berkerjasama dengan SME Corp. menganjurkan program *CEO Breakfast Talk* pada 3 Mei bertempat di Dewan Auditorium, Blok Akademik, UniSZA. Program dimulakan dengan aluan oleh Pengarah PKKP, Dr. Wan Amalina Wan Abdullah dan penerangan daripada wakil UniSZA berkenaan pengisian program tersebut.

Seramai 40 orang pelajar menyertai program yang berlangsung selama dua jam bersama dengan penceramah jemputan iaitu Pengasas Wadah Jannah Academy, En. Ahmad Izzhar Ahmad Nazri yang juga dikenali sebagai Da'i Izzhar. Program ini adalah satu input SME Corp. untuk menyediakan peluang pembelajaran berstruktur kepada pelajar UniSZA.

Program ini diadakan bagi membangunkan modal insan yang mampu memacu inovasi dan kreativiti dalam pengurusan perniagaan yang melibatkan usahawan baharu dan sedia ada. Program ini berasaskan model PKS Universiti Jepun iaitu pendekatan *hands-on* untuk memastikan pengetahuan peserta mengenai keuntungan hasil daripada perniagaan.

Sepanjang program ini berlangsung, para peserta amat teruja dan seronok mendengar penerangan daripada Da'i Izzhar berkenaan pengalaman beliau dalam perniagaan sehingga pencapaian beliau sehingga hari ini. Beliau mengambil pendekatan untuk bersama peserta dengan mengadakan aktiviti yang menyeronokan sambil menyampaikan ilmu yang berguna kepada peserta.

Program ini telah berjaya mencapai objektif pihak PKKP dan SME Corp. iaitu menyampaikan ilmu-ilmu keusahawanan kepada para peserta agar dapat diterapkan dalam perniagaan yang mereka ceburi kelak.

Konsep Kedaulatan Watan dalam Perlembagaan Persekutuan: **IDSIC 2017**



Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) UniSZA menganjurkan *Intellectual Discourse Series on Islamic Civilization* (IDSIC 2017) pada 23 Mei. Program bermula pada jam 11.00 pagi - 1.00 petang di Dewan Auditorium Akademik, UniSZA. Program ini merupakan hasil kerjasama Majlis Ittihad Ummah Malaysia dan Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan.

Seramai 120 orang peserta telah hadir termasuk pelajar dan kakitangan UniSZA serta agensi-agensi awam dari Pantai Timur. Turut hadir ialah Pegawai Khas di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Hj. Mohd Gunawan Che Ab Aziz. Program telah diserikan dengan ucapan aluan oleh Pengarah INSPIRE, Profesor Dr. Fadzli Adam.

Pada IDSIC siri pertama ini, pihak INSPIRE telah menjemput Ketua Lajnah Kajian Strategik Majlis Ittihad Ummah, Datuk Wan Ahmad Fauzi Hashim @ Wan Husain sebagai penceramah jemputan. Tajuk yang disampaikan oleh beliau ialah Konsep Kedaulatan Watan dalam Perlembagaan Persekutuan. Pengalaman luas yang dimiliki oleh beliau sebagai bekas Peguam Syar'ie Terengganu, Setiausaha Dewan Pangkuan Diraja Terengganu dan Ahli Majlis Mesyuarat MAIDAM Terengganu amat berguna dalam mengembangkan kefahaman kedaulatan negara melalui Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan berteraskan konsep kedaulatan watan.

Objektif pengajian program ini adalah untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada para peserta mengenai ‘Konsep Kedaulatan Watan’ yang dikaitkan dengan Perkara 181 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan. Para peserta juga diberi kesedaran untuk memperkasakan institusi dan peranan Raja-raja Melayu dalam pemerintahan untuk pelestarian jati diri negara. Selain itu, program ini mewujudkan kerjasama dan kebersamaan semua pihak dan individu dalam kalangan masyarakat Melayu Islam demi memartabatkan Islam serta mendaulatkan watan.

E-Hajj Beri Peluang Pelajar

Mempelajari Pengurusan Haji dan Umrah

E-Hajj adalah singkatan kepada nama program keusahawanan iaitu *Executive Entrepreneurship for Hajj, Umrah and Edu Tourism*. Program ini telah disertai oleh 30 mahasiswa Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) yang berlangsung selama 15 hari bermula 24 Mac dan berakhir pada 1 Mei yang lalu.

Program ini merupakan satu wahana berfungsi menambah nilai ketrampilan pelajar dan seterusnya meningkatkan kualiti dan profil mereka. Ia merupakan satu latihan holistik dan sistematis ke arah melahirkan graduan yang dibekalkan dengan kemahiran keusahawanan serta fiqh haji dan umrah. Dengan memegang profil mahasiswa yang holistik akan menjadikan mereka idaman bakal majikan dan mungkin menjadi usahawan operator haji dan umrah yang disegani. Dalam erti lain, program ini akan dapat menjadi nilai tambah kepada pelajar yang dapat memenuhi kelompongan keperluan industri (*bridging the gap*) sekali gus dapat meningkatkan kebolehpasaran kerja graduan FKI.

Program ini telah dikendalikan oleh Jentik Minda Resources bagi memastikan peserta-peserta mendapat ilmu-ilmu berkaitan dengan pelaksanaan ibadah haji dan umrah serta mampu berkerjaya sebagai seorang usahawan agensi



perlancangan dan sebagai seorang pengendali (mutawif) yang berwibawa.

Program ini telah dibahagikan kepada lima komponen iaitu Komponen Fiqh Haji dan Umrah, Komponen Pengurusan Haji, Komponen Keusahawanan, Komponen Bahasa Arab Komunikasi dan Komponen Runding Cara. Peserta juga membuat amali cara mengerjakan haji dan umrah bertempat di kawasan persekitaran Masjid UniSZA. Peserta amat berpuas hati dengan aktiviti tersebut kerana

mereka mendapat gambaran sebenar dalam urusan mengerjakan haji dan umrah.

Program ini mampu melahirkan usahawan yang mempunyai profil tersendiri yang mampu memberi wajah baharu dalam industri yang menjanjikan masa depan yang cerah, di samping mampu untuk menjalankan satu entiti perniagaan berdasarkan pelancongan bagi pengendalian haji, umrah dan *edu-tourisme*.



Karnival e-Pembelajaran UniSZA yang Pertama



Persidangan Meja Bulat Majlis Ketua-Ketua Penyelaras e-Pembelajaran IPTA Malaysia (MeIPTA) Bil. 2/2017 telah diadakan pada 2-3 Mei di UniSZA. Objektif MeIPTA adalah menjadi platform untuk usaha perkongsian dan kerjasama antara IPTA berkaitan e-Pembelajaran. Selain itu, ia bertujuan menggembungkan kepakaran dan menjadi sumber untuk memajukan e-pembelajaran di IPTA.

MeIPTA akan bermesyuarat sebanyak tiga kali setahun atau mengikut keperluan bagi membincangkan isu-isu berkaitan e-Pembelajaran dan penyelarasan bersama 20 Universiti Awam lain selain daripada penganjuran aktiviti penyelidikan dan penerbitan bersama tentang e-Pembelajaran. Selain bermesyuarat, sebahagian besar ahli MeIPTA turut terlibat dalam Karnival e-Pembelajaran UniSZA (UniCeL 2017) yang telah berlangsung di Dewan Perdana, UniSZA. Pengurus MeIPTA, Prof. Madya Dr. Alyani Ismail turut dijemput untuk menyampaikan ucaptama dan sebagai ahli panel pada karnival tersebut. Sebahagian besar ahli MeIPTA turut terlibat sebagai juri dalam pertandingan penyelidikan (IIDeL) yang diadakan semasa karnival itu.

Karnival e-Pembelajaran UniSZA (UniCeL 2017) yang berlangsung

pada 3-4 Mei telah berjaya menghimpunkan sebanyak 35 produk untuk dipertandingkan dalam kategori *Invention, Innovation and Design on e-Learning* (IIDeL). UniCeL 2017 yang dianjurkan oleh Pusat Kualiti Akademik dan e-Pembelajaran (AQeL) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) merupakan karnival yang julung kali diadakan dan akan menjadi salah satu acara tahunan UniSZA. Karnival ini turut memberi penghargaan kepada pensyarah yang terlibat dalam pembangunan *Massive Online Open Course* (MOOC) 2015 dan 2016. Anugerah turut diberikan kepada beberapa kategori, iaitu MOOC terbaik 2015 dan 2016, *Open CourseWare* (OCW) terbaik, kursus teradun terbaik menggunakan *KELIP Semester I Sesi 2016/2017* dan anugerah fasilitator terbaik. Karnival selama dua hari itu turut dimeriahkan dengan penyertaan daripada pembekal peralatan berkaitan pembelajaran dalam talian dan teknologi ICT. Antara pembekal yang terlibat ialah Open Learning Global Malaysia, IT Solution Sdn. Bhd dan MULTADA Sdn. Bhd.. Pembekal alatan ICT pula terdiri daripada LIEOS dan Ram Era Teknologi yang turut sama memeriahkan UniCeL 2017. Pengunjung yang terdiri daripada pelajar sekolah berhampiran, staf dan

pelajar UniSZA teruja dengan teknologi berkaitan ICT yang dipamerkan.

Karnival yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad itu dapat dijadikan sebagai satu platform untuk menggalakkan warga akademik supaya menjana pembangunan, inovasi dan reka bentuk berteraskan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) menggunakan teknologi terkini. UniCeL 2017 juga dilihat sebagai satu medium untuk mengetengahkan serta mempamerkan hasil inovasi PdP kepada masyarakat umum dan produk tersebut dapat dibawa ke pertandingan e-Pembelajaran pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) merupakan fakulti yang paling banyak menghantar penyertaan dengan 16 penyertaan, diikuti oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) dengan empat penyertaan serta tiga penyertaan dari Fakulti Perubatan (FP). Fakulti Farmasi (FF), Fakulti Sains Kesihatan (FSK), Fakulti Sains Sosial dan Gunaan (FSSG), Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM), Fakulti Kontemporari Islam (FKI) serta Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan (FESP) masing-masing menghantar dua penyertaan. Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) pula menghantar satu penyertaan. Kriteria yang dinilai dalam pertandingan ini ialah keaslian, kreativiti, nilai tambah kepada proses pembelajaran dan pengajaran, praktikal, pembentangan dan kandungan, reka bentuk poster serta bukti penerbitan sama ada dalam majalah, akhbar, artikel, jurnal dan sebagainya. Pertandingan IIDeL telah disertai oleh hampir keseluruhan fakulti di UniSZA.

FIK memungut empat emas, empat perak dan tujuh gangsa. FBK mendapat dua emas, FP memperoleh satu emas manakala FSSG memungut satu emas dan satu perak. FBIM, FF serta FSK masing-masing memungut satu perak dan FKI memperoleh satu gangsa.



Interaksi Intervarsiti Pelajar Pemakanan dan Dietetik Kebangsaan 2017 @ UniSZA



Pada tahun ini, UniSZA telah menjadi tuan rumah Program Interaksi Intervarsiti Pelajar Pemakanan dan Dietetik IPT 2017 dari 3 - 4 Mac. Program yang dianjurkan oleh Nutrition and Dietetics Student Association (NADSA) UniSZA dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Kesihatan (FASKES) UniSZA ini telah disertai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Management and Science University.

Program ini dijalankan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dan perpaduan antara pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Pemakanan dan Ijazah Sarjana Muda Dietetik dari universiti awam dan swasta di seluruh negara. Antara aktiviti menarik yang dijalankan sepanjang dua hari program yang disertai oleh hampir 380 pelajar itu adalah sesi suai kenal, pertandingan memasak, perlawanan futsal wanita, sukaneka, malam persembahan 1Malaysia dan pembinaan rumah yang diperbuat daripada surat khabar kitar semula. Menariknya, pada tahun

ini, semua acara dijalankan dalam kumpulan yang dibentuk terdiri daripada pelbagai universiti. Setiap kumpulan dinilai mengikut markah terkumpul dari semua acara yang dipertandingkan. Ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif, kritis dan inovatif dalam menghadapi pelbagai cabaran.

Program yang ditaja oleh Nutrition Society of Malaysia (NSM), Malaysian Dietitians Association (MDA), Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA UniSZA, Fakulti Sains Kesihatan (FSK) UniSZA,

dan Permula Sdn. Bhd. ini juga menyediakan platform perbincangan berkONSEP meja bulat mengenai cabaran yang bakal dihadapi oleh pakar pemakanan dan dietetik pada masa akan datang dengan mengetengahkan konsep keusahawanan dalam mencipta peluang pekerjaan. Menurut Setiausaha Kehormat NSM, Prof. Dr. Norimah A. Karim, program seumpama ini adalah satu usaha murni untuk mencari titik persamaan antara pelajar dari berlainan universiti yang mungkin kelak akan bekerja bersama untuk menangani isu-isu berkaitan pemakanan dan dietetik dalam negara. Ahli Majlis Tertinggi MDA yang hadir, Dr. Zulfitri' Azuan Mat Daud berpendapat bahawa pelajar harus sentiasa mencipta peluang pekerjaan dan tidak hanya mengharapkan pekerjaan dari sektor kerajaan dan swasta. Bidang keusahawanan adalah salah satu bidang yang memerlukan seseorang untuk memperkenalkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif. Perbincangan meja bulat juga disertai oleh seorang usahawan dalam bidang pemakanan dan dietetik iaitu Cik Chin Yi Ying yang merupakan pengasas syarikat SAY Diet Kelantan Delights. Beliau telah berkongsi pengalaman beliau dan membangunkan perniagaan bersama rakan-rakannya.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Dekan FSK, Prof. Dr. Sakinah Harith dan dihadiri oleh semua tenaga akademik dari Pusat Pengajian Pemakanan dan Dietetik.



INNOVATION WORKSHOP

@ UniSZA - RoboPro Camp

Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) menganjurkan *Innovation Workshop @ UniSZA – RoboPro Camp* bersama SM Imtiaz Yayan Terengganu Dungun pada 13 - 15 April bertempat di Makmal Komputer Blok Khadijah, Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan, (FESP). Seramai 50 orang pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan satu, dua dan empat yang mewakili pelbagai kelab ko-kurikulum sekolah telah hadir dalam bengkel tersebut. Bengkel ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh fasilitator dari Kelab RoboPro, Fakulti Informatik dan Komputeran.

Bengkel ini merupakan sebahagian daripada aktiviti berimpak tinggi yang dirancang oleh PJIM untuk dilaksanakan dalam kalangan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) yang ditindikkan dengan UniSZA. *Innovation Workshop @ UniSZA – RoboPro Camp* dilaksanakan bertujuan melahirkan pelajar yang berkebolehan dalam bidang pengaturcaraan robotik di samping menyediakan suasana dan persekitaran inovasi dalam kalangan peserta. Matlamat akhir daripada program ini adalah



untuk membolehkan sekolah berkenaan memasuki pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Inovasi sempena bengkel ini telah disempurnakan oleh Pengarah PJIM, Prof. Madya Dr. Fakhru Anwar Zainol. Turut hadir ialah Timbalan Pengarah PJIM, YM Syed Mohd Azmi Ab Rahman, Penyelaras SKK-UA, En. Wan Ismail Wan Abdullah, dan Pengetua Sekolah SM Imtiaz YT Dungun, En. Md. Imran Md. Nor serta guru-guru pengiring.



Pejabat Pendaftar UniSZA menganjurkan Kursus Setiausaha Pejabat Profesional UniSZA pada 7-8 Mei. Program ini diadakan selama dua hari di Dewan Panca Delima, Pusat Kualiti Akademik dan e-Pembelajaran.

Seramai 36 orang Setiausaha Pejabat dan Pembantu Setiausaha Pejabat menghadiri kursus ini. Kursus ini diadakan untuk meningkatkan pemahaman mengenai tugas dan tanggungjawab setiausaha pejabat dalam tugasannya semasa. Selain itu, kursus ini juga untuk mempertingkatkan keyakinan diri, membentuk penampilan dan meningkatkan kemahiran berinteraksi melibatkan pegawai atasan, rakan sekerja serta pelanggan.

Fasilitator jemputan daripada NXE Training Management, Puan Siti Meriam Hussein berkongsi maklumat penting dan pengalaman dalam mengendalikan syarikat korporat dan jabatan kerajaan di peringkat kementerian.

Kursus Setiausaha Pejabat Profesional 2017

Antara perkongsian maklumat tersebut ialah cara membuat analisis, peranan dan tanggungjawab setiausaha pejabat dalam organisasi. Perkara ini dapat mengajar seseorang setiausaha pejabat berperanan penting kepada ketua jabatan, tetamu, staf dan pelanggan. Imej penampilan seorang setiausaha, turut dititikberatkan untuk menjaga imej organisasi apabila berurusan dengan pelanggan dan tetamu.

Selain itu, sistem pengurusan masa dan membentuk pasukan kerja dalam jabatan turut diajar untuk membentuk setiausaha pejabat yang profesional dalam melakukan tugas harian. Cara berkomunikasi yang efektif juga diterapkan kepada peserta agar penyampaian maklumat dapat disampaikan kepada penerima maklumat dengan berkesan tanpa sebarang kesilapan yang boleh menjelaskan organisasi.

Cara protokol dalam majlis seperti menyambut tetamu turut diberi pendedahan oleh penceramah supaya mereka bersedia dalam apa-apa juga keadaan yang melibatkan jemputan rasmi.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Pembangunan Kerjaya, Pejabat Pendaftar, UniSZA, Encik M. Nor Aishamuddin Sazali.

International Conference on Shariah and Globalisation (ICSG) 2017

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), UniSZA dengan kerjasama Fakultas Hukum, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Indonesia telah menganjurkan International Conference on Shariah and Globalisation (ICSG) 2017 pada 5 - 6 April di Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Indonesia. Seminar ini telah disertai oleh beberapa institusi pengajian tinggi seperti UniSZA, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kolej Yayasan Pahang (KYP), Bank Negara serta universiti luar negara iaitu Universitas Airlangga, Indonesia.

Penganjuran seminar ICSG 2017 selama dua hari ini yang bertemakan *Shariah; Way Forward for Social Development* merupakan satu platform bagi membincangkan isu - isu yang berkait dengan syariah, undang-undang dan sains sosial mengikut disiplin - disiplin yang ditetapkan. Seminar ini terbahagi kepada beberapa sesi yang telah dikendalikan oleh moderator yang dilantik dalam kalangan kakitangan akademik FUHA, UniSZA.



Objektif penganjuran seminar ini adalah untuk membincangkan isu - isu yang berkaitan perubahan perkembangan undang-undang selari dengan keperluan komuniti. Ia secara tidak langsung menjadi platform pertambahan lebih banyak idea dan penulisan bersifat ilmiah bagi mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu yang berkaitan. Selain itu, penganjuran seminar ini telah mencetuskan jalinan kerjasama antara institusi pendidikan dan badan profesional hingga ke peringkat antarabangsa.

Para peserta telah berjaya membentangkan kertas kerja masing-masing dalam seminar ini dan dapat berkongsi idea serta pendapat antara satu sama lain. Jaringan kerjasama antara institut pengajian tinggi dan pihak terlibat dalam isu yang menjadi tema utama seminar ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa dengan penganjuran seminar seperti ICSG pada masa akan datang.

Kursus Asas Fotografi: Teknik Menghasilkan Gambar Berkualiti

Majlis Kolej Kediaman E (MKK E) UniSZA, Kampus Besut telah menganjurkan Kursus Asas Fotografi pada 24 Februari, bertempat di Dewan Serbaguna UniSZA, Kampus Besut.

Seramai 30 orang pelajar yang mempunyai minat mendalam dalam seni fotografi telah menyertai kursus yang dikendalikan oleh jurugambar berpengalaman dari Founder of Revolution Studio Encik Ahmad Shafiq Naim Ahmad Kamaruddin.

Matlamat penganjuran kursus ini adalah bagi memberi pendedahan secara teori dan praktikal mengenai kawalan asas penggunaan Kamera DSLR (Digital Single Lens Reflex) dengan tujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai teknik-teknik tertentu dalam menghasilkan gambar yang berkualiti. Pengisian program merangkumi ceramah tentang kamera DSLR, Shutter Aperture, ISO dan aktiviti luar.

Pengarah program, Nik Ahmad Radhi Nik Ibrahim memaklumkan bahawa para peserta telah diajar secara praktikal mengenai kawalan kamera dan melakukan aktiviti luar bagi



menguji tahap keberkesanan sesi pengajaran tersebut. Peserta kursus dipecahkan kepada beberapa kumpulan dan diminta untuk mengambil gambar-gambar yang menarik di kawasan yang berdekatan mengikut kreativiti masing-masing. Selepas itu, setiap gambar yang diambil akan dinilai untuk proses penambahbaikan oleh peserta.

Tambahnya lagi, kursus ini juga dilihat mampu memupuk semangat kerjasama dalam pasukan dan seterusnya dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar dan komuniti setempat.

Kursus Asas Pertolongan Cemas dan CPR



Pada 5 - 6 Februari, Pusat Pengajian Pengimejan Perubatan telah menganjurkan Kursus Asas Pertolongan Cemas dan Cardio Pulmonary Resuscitation (CPR) untuk pelajar-pelajar Diploma Radiografi dan Ijazah Sarjana Muda Pengimejan Perubatan di Bilik Radiografi dan Makmal X-Ray, Kampus Perubatan UniSZA. Objektif program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar mengenai kepentingan pembelajaran, tatacara dan peranan pertolongan cemas dan CPR di samping memenuhi keperluan kursus Pengurusan Pesakit II.

Program ini turut memuatkan kombinasi ceramah berserta tayangan slaid oleh pensyarah Fakulti Perubatan UniSZA iaitu Prof. Madya Dr. Nik Arif Nik Mohamed dan Dr. Nik Ahmad Shaiffudin Nik Him. Selain itu, demonstrasi amali turut dimuatkan dalam program ini. Ia dikendalikan dan dinilai oleh Penolong Pegawai Perubatan dari Pusat Kesihatan Pelajar UniSZA dan panel jemputan dari Persatuan Resusitasi Terengganu. Berikut merupakan cara melakukan bantuan pernafasan:

1. Periksa keadaan mangsa dan lihat gerak balasnya. Jika tiada gerak balas atau pernafasan terhenti, telefon unit kecemasan (999) dan segera berikan perhatian kepada mangsa.
 2. Dongakkan kepala mangsa dan angkat dagu ke atas.
 3. Lihat, dengar dan rasa. Letakkan telinga di mulut mangsa. Jika tiada pernafasan, bersedia berikan dua kali bantuan pernafasan. Keluarkan benda asing (jika ada) dari mulut mangsa.
 4. Buka mulut mangsa dan picit hidungnya dengan jari. Hembus nafas melalui mulut anda ke mulut mangsa sehingga dilihat ada pergerakan pada dadanya. Berikan bantuan pernafasan dua kali (setiap hembusan dua saat).
 5. Jika mangsa masih tidak bernafas, batuk atau bergerak, tekan dadanya dengan kedua-dua belah tangan anda. Tindihkan tangan kanan di atas tangan kiri anda dan tekan dada mangsa 15 kali. Dua hembusan dan 15 tekanan dikira satu pusingan. Buat dua pusingan.
 6. Pastikan kedudukan yang hendak ditekan adalah betul, iaitu dua sentimeter dari ulu hati (hujung tulang dada, di antara buah dada). Pastikan tangan anda lurus dan beri tekanan perlahan (dari tangan anda saja, bukan dari badan). Tekanan perlu dibuat dengan cepat pada kadar 100 tekanan/minit; lebih cepat dari satu tekanan sesaat.
 7. Ulang bantuan pernafasan dan tekanan dada sebanyak empat kali atau hingga bantuan sampai.
 8. Jika mangsa bernafas, alihkan badan mangsa supaya mengiring bagi membolehkan mangsa bernafas dengan lebih baik.
- Secara keseluruhannya, program yang telah dijalankan berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan dan semua pelajar telah lulus dalam ujian teori dan amali yang diadakan.

Kursus Kesedaran Keselamatan Radiologikal dalam Sinar X-Ray Perubatan

Pada 22 Mei, Kursus Kesedaran Keselamatan Radiologikal Dalam Sinar X-ray Perubatan (Pendidikan Profesional Berterusan, CME) telah diadakan di Fakulti Sains Kesihatan (FSK) bertempat di Bilik Mesyuarat Blok Hafsa. Kursus Kesedaran Keselamatan Radiologikal Dalam Sinar-X Perubatan merupakan satu langkah pengenalan mengenai kaedah-kaedah berkaitan penggunaan sinaran mengion bagi tujuan perubatan. Ia memerlukan lebih perhatian mengenai prosedur kerja dan amalan keselamatan yang betul. Oleh itu, ia memerlukan pekerja terlatih dan pelaksanaan yang komprehensif dalam Program Perlindungan Sinaran, sejajar dengan kehendak Akta 304 (Akta Pelesenan Tenaga Atom). Dalam hal ini, keselamatan pesakit, orang ramai dan kakitangan perlu diambil kira selain menyediakan prosedur radiologi yang berkualiti.

Kursus ini bertujuan mematuhi syarat keperluan CME bagi semua pekerja

sinaran UniSZA, memahami falsafah dan prinsip-prinsip dalam perlindungan sinaran, mewujudkan kesedaran mengenai bahaya radiasi, kesan biologi dan risiko sinaran mengion, mewujudkan kesedaran mengenai akta sedia ada dalam aktiviti radiologi perubatan serta meningkatkan kesedaran mengenai amalan baik bagi mengoptimumkan dos dalam radiografi perubatan.

Selain mewujudkan kesedaran radiologi, kursus ini diadakan untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan yang diperlukan dalam perkhidmatan radiologi. Ia merangkumi skop bagi asas sinaran mengion, prosedur kerja radiologi, amalan keselamatan, teknik radiografi dan program jaminan kualiti. Dengan adanya kursus ini diharapkan kesedaran tentang keselamatan radiologi di tempat kerja semakin meningkat. Secara tidak langsung, ia memberi kesan kepada peningkatan amalan keselamatan dan

prestasi perkhidmatan radiologi. Kursus kesedaran ini merangkumi kombinasi ceramah berserta tayangan slaid dan demonstrasi yang bertujuan memantapkan pemahaman peserta terhadap topik-topik yang diterangkan.

Sebanyak enam topik dibentangkan dalam kursus yang dianjurkan oleh Lady Faza Solution Sdn Bhd dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia. Topik-topik tersebut ialah *Basic Information on Ionising Radiation, Biological Effects of Ionising Radiation, Principles of Radiation Protection, Quality Assurance Programme In X-Ray Facility, Radiological Safety In X-Ray Facility dan Radiological Monitoring and Measurement*. Topik-topik tersebut telah disampaikan oleh Dr. Suffian, Fakulti Sains Kesihatan, UniSZA dan Cik Siti Khadijah, Kementerian Kesihatan Malaysia, KKM.





KURSUS JATI DIRI PEMBANTU OPERASI UniSZA

Pejabat Pendaftar UniSZA menganjurkan Kursus Jati Diri Kumpulan Sokongan Pembantu Operasi pada 29-31 Mac. Program yang berlangsung selama tiga hari dua malam ini diadakan di Kem Survival Tasik Kenyir, Pusat Pembangunan Holistik Pelajar UniSZA Hulu Terengganu, Terengganu.

Program ini dihadiri oleh 65 orang kakitangan UniSZA berjawatan Pembantu Operasi. Objektif program ini diadakan adalah untuk memupuk kesedaran dan pemahaman tanggungjawab sebagai penjawat awam serta bekerja dalam satu pasukan. Selain itu juga, kursus ini adalah untuk mempertingkatkan keyakinan diri dan membina kepercayaan antara rakan sekerja bagi memperoleh kemahiran kepimpinan serta kemahiran bekerja secara berpasukan. Secara tidak langsung membolehkan peserta berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab yang diterima.

Pelbagai aktiviti dalam kumpulan telah diadakan sepanjang program ini berlangsung iaitu, latihan dalam kumpulan dan

gotong-royong membina tempat solat. Aktiviti sepanjang program dikendalikan oleh pihak fasilitator yang telah dilantik oleh Pejabat Pendaftar yang terdiri daripada Pemangku Pengarah Pusat Pembangunan Holistik Pelajar, En. Salman Lambak dan Pensyarah Fakulti Kontemporari Islam, En. Mohd Rahim Arifin,

Kursus jati diri ini berkonsepkan *survival* iaitu, peserta telah dibentuk dalam kumpulan dan diberikan khemah sebagai tempat tinggal. Peserta juga telah diberikan tugas khas iaitu, membina satu bangsal sebagai tempat berkumpul, menjalankan aktiviti dan menyiapkan tugas. Bangsal berkenaan telah berjaya dibina oleh peserta kursus dengan menggunakan sumber asas kayu sedia ada.

Bagi merapatkan ukhuwah persaudaraan dan memberikan keseronokan kepada peserta, pihak urus setia telah mengadakan satu slot pertandingan memancing mengikut kumpulan pada hari pertama serta santai barbeku pada waktu malam kedua dan ketiga.

Sepanjang kursus, pihak fasilitator banyak menerapkan nilai teras yang perlu dibentuk sebagai seorang staf kerana ini penting bagi membentuk staf yang berintegriti, beretika, bertanggungjawab dan profesional. Ceramah motivasi juga turut diselitkan bagi mempertingkatkan motivasi diri, kemahiran dan kepakaran untuk menyempurnakan tanggungjawab serta peranan masing-masing. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengukuhkan disiplin dan etika sebagai seorang kakitangan UniSZA.

Kursus ini telah memberikan kesan yang positif dan mendapat maklum balas yang sangat baik daripada semua peserta kursus. Peserta-peserta kelihatan berpuas hati dan bersemangat sepanjang kursus diadakan.

Majlis penutup telah dirasmikan oleh Pendaftar UniSZA, Prof. Madya Nordin Jusoh. Amanat yang disampaikan oleh beliau diharapkan dapat merangsang prestasi kerja cemerlang dalam kalangan peserta untuk diaplikasikan di UniSZA.



UniSZA - Langlit Wadah Perkongsian Kajian Bahasa Inggeris

Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) menganjurkan UniSZA International Conference on English Language, Literature and Teaching (UniSZA-LANGLIT 2017) pada 22 - 23 Mac.


Persidangan UniSZA-LANGLIT 2017 ini berlangsung di Hotel Primula Beach, Kuala Terengganu. Persidangan selama dua hari ini berjaya mengumpul ahli akademik dari dalam dan luar negara untuk berkongsi pandangan serta pengetahuan tentang bidang kajian yang meliputi bidang bahasa, kesusasteraan dan pengajaran Bahasa Inggeris. Persidangan ini turut mengundang tiga penyampai ucaptama terkenal iaitu Profesor Alan Maley seorang profesor terkemuka dalam bidang Bahasa Inggeris dari United Kingdom, Ms. Jan Blake seorang penglipur lara terkemuka dunia dari United Kingdom, dan Ms. Carolyn Graham yang merupakan pengasas pembelajaran bahasa melalui Jazz Chant dari Amerika Syarikat.

Tema persidangan kali ini ialah 'Enriching English Language, Literature and Teaching Experience' dilihat amat sesuai dengan pembangunan arus global kini

yang mementingkan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar antara masyarakat di seluruh dunia. Sebagai sebuah entiti akademik yang ditubuhkan untuk meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan para pelajar, FBK memandang penganjuran persidangan ini amat penting dan merupakan satu keperluan semasa. Menurut pengarah persidangan ini, Dr. Kamariah Yunus, matlamat persidangan ini bukan sahaja untuk berkongsi ilmu dan pengalaman, malah sebagai satu platform penting dalam mengenal pasti kelebihan serta permasalahan dalam penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan masyarakat, khususnya di Malaysia.

Dengan kehadiran penyampai ucaptama terkenal dan para pembentang serta peserta dalam persidangan ini, penganjuran UniSZA-LANGLIT 2017 ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Persidangan ini telah berjaya mengumpul 150 orang pembentang dari dalam dan luar negara. Perasmian persidangan ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Mohd Zubir Embong, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Persampelan dan Bengkel Penghasilan dan Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi



Pada 15-18 Mei, ESERI telah menganjurkan bengkel penghasilan dan penerbitan jurnal berimpak tinggi bertempat di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu. Penganjuran bengkel ini sejajar dengan hasrat pihak kementerian dan universiti dalam meningkatkan bilangan penerbitan artikel dalam jurnal akademik bermutu tinggi. Bengkel ini melibatkan seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada felo penyelidik, staf dan pelajar siswazah ESERI.

Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta dalam memahami kaedah penyediaan data penerbitan bagi memenuhi keperluan Malaysia Research Assessment (MyRA). Para peserta berpeluang untuk berkongsi pengalaman dan latihan amali sepanjang program berlangsung. Penganjuran bengkel ini dilihat sebagai satu keperluan kepada para penyelidik dalam usaha menghasilkan penulisan bertaraf antarabangsa.

Felo penyelidik Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) memainkan peranan dan menggiatkan usaha dalam menghasilkan penerbitan jurnal yang berkualiti dan menepati kriteria yang digariskan oleh badan indeks jurnal. Selain itu, pemilihan media penerbitan yang tepat

amat penting dalam usaha untuk memastikan sesuatu hasil penerbitan itu berupaya disebar luas serta menyumbang kepada manfaat komuniti penyelidik yang lebih luas.

Penerbitan artikel ilmiah dalam jurnal yang diindeks dalam pangkalan data berprestij dan berimpak tinggi merupakan satu tanggungjawab para pensyarah universiti. Usaha memperbanyak penerbitan artikel dalam jurnal akademik berprestij dapat meningkatkan mutu pendidikan bagi sesebuah universiti.

Program ini terbahagi kepada beberapa sesi yang dikendalikan oleh pengarah ESERI. Antara pengisian sesi tersebut ialah perbincangan manuskrip, kaedah penulisan jurnal, kaedah penulisan hasil kajian, kaedah penulisan rujukan, mengenal pasti jurnal berimpak tinggi dan kaedah penghantaran artikel.

Sambutan yang diterima daripada peserta sangat menggalakkan dan reaksi yang diberikan sangat positif. Justeru, ESERI akan terus melaksanakan program seperti ini pada masa akan datang supaya penerbitan artikel jurnal yang berkualiti dapat dipertingkatkan jumlahnya.

Perpustakaan UniSZA

Jayakan Pameran Buku Akademik

UniSZA 2017



Pameran Buku Akademik UniSZA telah berlangsung pada 9-13 April bertempat di Atrium Perpustakaan UniSZA. Pameran ini juga melibatkan Perpustakaan Kampus Besut yang diadakan pada 2-5 April. Pameran yang menghimpunkan sebanyak 16 pembekal dari seluruh negara ini adalah suatu medium terbaik untuk memberi peluang kepada warga akademik memilih bahan rujukan yang sesuai untuk para pelajar.

Pameran Buku Akademik UniSZA dirasmikan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif pada 10 Mac. Dalam ucapan perasmian tersebut, beliau menyarankan agar warga UniSZA sama-sama menyokong peranan perpustakaan yang semakin besar pada abad ini. Hal ini kerana, memiliki keilmuan yang tinggi adalah suatu senjata ampuh yang mampu memperkasa segala impian yang telah dirancang dalam menjadi institusi pendidikan yang hebat. Beliau menambah, transformasi bangunan perpustakaan yang ada sekarang adalah suatu penghijrahan yang baik sebagaimana kisah penghijrahan

Rasulullah s.a.w. dari kota Mekah ke Madinah.

Pada pameran kali ini, para pembekal yang terlibat ialah IBZ Resources, Famous Four Sdn. Bhd., Refined Contour Sdn. Bhd., Koperasi USM Bhd (Cawangan Pantai Timur), Koperasi Kedai Buku UniSZA, NP Academic Resources Sdn. Bhd., Nijuyon Sdn. Bhd., YUHA Associates Sdn. Bhd., Kedai Buku Ibzanis Sdn. Bhd., Perdana Marketways Sdn. Bhd., Pustaka Kamza Sdn. Bhd, Syarikat Muda Osman Sdn. Bhd., Ashe Enterprise Sdn. Bhd., Penerbit UniSZA, Koperasi Kakitangan UniSZA Terengganu Sdn. Bhd. dan NZR Computer Terengganu Sdn. Bhd..

Pameran ini diadakan untuk memberi peluang kepada para pensyarah khususnya membuat pemilihan bahan-bahan rujukan bagi memenuhi keperluan fakulti dan pelajar. Menurut Pengurus Jawatankuasa Pameran Buku Akademik, Puan Nurul Huda Zulkifli. "Pameran ini merupakan suatu usaha Perpustakaan UniSZA dalam menyediakan kemudahan atau 'one-stop center' kepada para

pensyarah membuat pemilihan bahan rujukan yang rata-ratanya adalah dari luar negara. Selain itu, para pensyarah juga dapat melihat sendiri bahan rujukan di samping dapat meneliti kandungan bahan-bahan tersebut untuk dirujuk oleh para pelajar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Ini juga merupakan tanggungjawab kami kepada warga UniSZA dalam memastikan bahan rujukan yang terbaik diperoleh dan membantu menyokong proses pembelajaran dan pengajaran di universiti".

Selain pameran, turut diadakan pertandingan kuiz dan hadiah untuk pengunjung bertuah. Dalam pada itu, Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Peminjam Terbanyak bagi Ahli Jawatankuasa Perpustakaan. Turut hadir di majlis tersebut, Bendahari UniSZA, Prof. Madya Ariza Ibrahim, dekan-dekan fakulti, dan Ketua Pustakawan UniSZA, Puan Rohani Othman.

Program Agropreneur Graduan @ UniSZA

Pada 2 Mei, berlangsungnya Program Agropreneur Graduan@UniSZA bertempat di Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM). Program ini dianjurkan oleh Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) dan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) dengan kerjasama Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan Koperasi Permodalan Sahabat Terengganu Berhad (KoSahabat). Penceramah untuk jemputan program ini ialah Pengurus Cawangan Agrobank, Encik Mohd Hisyam Abd. Majid. Program ini merupakan program yang julung kali diadakan di UniSZA melalui jaringan industri yang mengetengahkan kepakaran sedia ada di UniSZA dalam bidang usahawan tani.

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada graduan tentang sektor pertanian dalam pengurusan perniagaan. Seramai 60 orang pelajar tahun akhir FBIM telah menyertai program ini bagi meningkatkan tahap pengetahuan tentang perniagaan. Objektif program ini adalah untuk melahirkan *agropreneurs* dalam kalangan graduan UniSZA melalui perkongsian pintar antara PJIM, FBIM, Agrobank dan KoSahabat. *Agropreneurs* merupakan usahawan, iaitu graduan UniSZA yang menggunakan sektor pertanian sebagai asas membina perniagaan.



Semua wakil yang berkolaborasi mempunyai fungsi masing-masing. Antaranya, PJIM dan FBIM berfungsi memberi pendedahan kepada pelajar UniSZA berkaitan peluang menceburii bidang usahawan tani atau *agropreneur*, manakala Agrobank berfungsi sebagai penyumbang dana melalui Skim Pembiayaan *Agropreneur Muda* (PAM). KoSahabat pula akan menyediakan tanah atau tapak pertanian untuk diusahakan melalui pakej *contract farming*. Program sebegini perlu diteruskan lagi bagi membuka peluang kepada para pelajar untuk menonjolkan diri dalam bidang usahawan tani.

Program Ceramah Ihya Ramadan



Pejabat Pendaftar UniSZA menganjurkan Program Ceramah Ihya Ramadan bermula pada 30 Mei. Program ini diadakan selama dua jam setiap hari Selasa di Dewan Perdana, UniSZA. Program ini telah dihadiri seramai 150 – 300 orang pada setiap sesi yang terdiri daripada staf akademik, pengurusan dan profesional, pelaksana serta staf sokongan.

Barisan penceramah terdiri daripada Ustaz Suhaimi Mohamad, Prof. Dr. Ridhuan Tee Abdullah, Prof. Madya Dr. Abdul Manam Mohamad dan Dr. Fauzi Yusoh yang dijemput khas daripada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam dan Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan.

Objektif ceramah ini diadakan adalah untuk meningkatkan pemahaman dan penghayatan ibadah puasa pada bulan Ramadan sebagai salah satu rukun Islam. Selain itu, ia bertujuan menerapkan nilai murni dan akhlak yang baik berpandukan al-Quran dan menyemai erti syukur serta menghulurkan bantuan kepada kepada orang yang memerlukan.

Ceramah ini diadakan adalah untuk mengingatkan staf UniSZA mengenai kewajipan menunaikan rukun Islam yang ketiga ini dan cara untuk memperoleh ganjaran pahala yang berlipat kali ganda daripada Allah SWT serta mengisi aktiviti dengan sebaik-baiknya mengikut sunah Rasulullah SAW. Banyak pertanyaan yang telah diajukan kepada penceramah berkaitan ibadah puasa dan pengisianya dalam sesi ceramah yang diadakan. Hal ini menunjukkan Program Ceramah Ihya Ramadan ini telah berjaya menerapkan nilai-nilai murni serta penghayatan bulan Ramadhan bulan yang penuh keberkatan kepada staf UniSZA dengan jayanya.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Pembangunan Kerjaya, Pejabat Pendaftar, Encik M. Nor Aishamuddin Sazali. Perkongsian yang disampaikan sepanjang program diharap dapat merangsang peningkatan prestasi cemerlang dan memberikan pedoman serta petunjuk dalam kehidupan.

Program ABC

‘Kunci Kepimpinan Berjaya’



Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar (PKKP) dengan kerjasama UniSZA Consultancy (UCSB) telah mengadakan Program ABC (Awareness Before Change) bertemakan ‘Kunci Kepimpinan Berjaya’ bertempat di Felda Residence Tekam, Pahang pada 8 - 10 Januari. Tempat ini dipilih kerana suasana dan kemudahan untuk melakukan aktiviti telah disediakan. Antara aktiviti yang menarik yang disediakan ialah *Warfare Game (Woodsball)*, *River Rafting* dan *Haka Competition*. Program ini dilihat berupaya membentuk jati diri pelajar supaya lebih cekal dan sentiasa mempunyai jalan penyelesaian apabila menghadapi masalah. Ia adalah selari dengan aspirasi UniSZA dan negara untuk melahirkan graduan yang berdaya saing dan berhemah tinggi.

Program ini melibatkan seramai 53 orang peserta dari seluruh fakulti di UniSZA. Mereka merupakan pelajar yang terlibat dengan program Second Generation Entrepreneurship (SGE), Small Office Virtual Office (SOVO) dan Islamic Franchise Entrepreneurship Program (i-Frapreneur).

Program sebegini berperanan sebagai medium yang sesuai untuk memantapkan pengetahuan sedia ada peserta berkaitan dengan kepimpinan dan jati diri serta memupuk kerjasama antara pelajar UniSZA semasa menjalankan atau menyelesaikan sesuatu masalah. Mereka yang menyertai program dapat membuat persediaan diri yang mantap bagi memupuk kredibiliti ke arah peningkatan akademik dan sahsiah yang lebih baik.

Sepanjang program, peserta-peserta didedahkan dengan kemahiran kepimpinan dan aktiviti luar yang dikendalikan oleh pihak konsultan serta pengurusan tempat penginapan. Teknik kemahiran tersebut telah disampaikan oleh Encik Zul Ehsan sebagai wakil konsultan dan penceramah jemputan iaitu Tuan Syed Abdul Aziz. Ia bertujuan untuk memberi pengenalan serta pendedahan mengenai mencari kesedaran sebelum berubah ke arah yang lebih baik.

Program diteruskan dengan permainan Warfare Game yang bermatlamat memupuk sikap kerjasama dalam sesebuah organisasi, melatih untuk menjadi pemimpin, merancang dan melaksanakan perancangan bagi mencapai objektif organisasi. River Rafting pula diadakan untuk membina tahap keyakinan yang tinggi apabila hendak melakukan sesuatu tugas sehingga berjaya.

Selain itu, Haka Competition merupakan aktiviti untuk merehatkan tubuh serta minda. Terapi jeritan primitif yang dijalankan dalam slot ini membantu melegakan sedikit tekanan dan kekecwaan serta menetapkan satu misi untuk berhadapan dengan sebarang halangan. Seterusnya pihak UniSZA Consultancy (UCSB) akan memantau dari semasa ke semasa untuk memastikan semuanya berjalan lancar. Justeru, program pembudayaan keusahawanan seperti ini memberi impak yang sangat positif bagi melahirkan mahasiswa yang berminda keusahawanan sekali gus memberi peluang kepada mereka untuk menceburi bidang tersebut.

Sambutan Hari Jururawat Sedunia dan Majlis Perpisahan Pelajar



Sambutan Hari Jururawat Sedunia disambut pada tanggal 12 Mei setiap tahun. Tema sambutan pada tahun ini ialah *Nurses: A Voice to Lead, Achieving the Sustainable Development Goals*. Pusat Pengajaran Sains Kejururawatan (PPSK) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan sambutan ini berserta dengan majlis perpisahan pelajar semester enam.

PPSK telah menganjurkan Sambutan Hari Jururawat dan Majlis Perpisahan Pelajar Semester Enam pada 21 Mei, bertempat di Marina Duyung dan Resort, Terengganu. Majlis ini dihadiri oleh 135 orang pelajar Diploma Sains Kejururawatan; staf PPSK, Penyelia Jururawat Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Pn. Che Azizah Awang, Ketua Jururawat HSNZ, Pn. Norhayati A. Rahman, Pengarah Syarikat TG Premium Resources Sdn. Bhd., En. Nor Azilan Ibrahim; Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Jaringan Komuniti, Fakulti Perubatan (FP), Dr. Wan Mohd Razin Wan Hassan serta Timbalan Dekan Akademik dan Siswazah FP, Prof. Dr. Harmy Mohamed Yusoff. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Dekan FP, Prof. Dr. Nordin Simbak.

Majlis ini dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar tahun satu, yang diketuai oleh saudara Ahmad Ariff Azhan Noliaki. Tujuan penganjuran majlis ini adalah untuk meraikan pelajar kejururawatan dan staf sempena sambutan Hari Jururawat Sedunia dan meraikan pelajar tahun akhir serta mengeratkan hubungan antara mahasiswa dengan staf fakulti. Penganjuran majlis ini juga dilihat dapat memberikan penghargaan kepada pelajar terutamanya yang bakal menamatkan pengajian.

Majlis ini dimulakan dengan ucapan ringkas oleh Ketua Pusat Pengajaran, Dr. Zainab Hj. Mohd Shafie, seterusnya acara perasmian oleh Dekan FP, Prof. Dr. Nordin Simbak. Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil Anugerah Dekan kepada pelajar semester enam yang cemerlang. Program ini diakhiri dengan persembahan daripada pelajar dan persembahan montaj.

Penganjuran program ini diharapkan dapat menyuntik semangat pelajar bagi memantapkan potensi diri khususnya dalam bidang kejururawatan.

SAMBUTAN MINGGU PROFESIONAL KERJA SOSIAL 2017



Sambutan Minggu Profesional Kerja Sosial 2017 telah diadakan pada 27 - 29 Mac sempena sambutan Hari Pekerja Sosial Sedunia. Program ini dijayakan oleh Persatuan Mahasiswa Kerja Sosial (PMKS) Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA), UniSZA. Matlamat utama program ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan kepada semua pelajar, khususnya mahasiswa Kerja Sosial di bawah Pusat Pengajian Kerja Sosial untuk lebih mendalamai bidang Kerja Sosial dan sebagai persediaan terhadap pelaksanaan Akta Pekerja Sosial dan lesen Pekerja Sosial yang bakal dilaksanakan.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti pertandingan mewarna yang disertai oleh kanak-kanak daripada Tabika KEMAS, DUN Seberang Takir, pameran oleh Ummatic Mission Relief (UMR), Angkatan Belia Islam (ABIM), dan Kesatuan Pelajar Islam Terengganu (KEPITAR), pertandingan futsal Piala Kerja Sosial, aktiviti jualan, persembahan kumpulan *busking* daripada Pusat Kesenian dan Warisan (PSW) pada waktu malam di gerai jualan dan Bicara Kerja Sosial oleh Pegawai Pekerja Sosial Perubatan, Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Puan Nur Asmalia

Ismail. Selain itu, Program Derma Darah turut diadakan dengan kerjasama HSNZ, *Promotion of Social Work@Flash Mob* yang dikendalikan oleh unit media dan publisiti, Malam Kebudayaan Kerja Sosial dengan persembahan sketsa pendek mengenai profesion Kerja Sosial dalam usaha membantu golongan yang memerlukan khidmat dan penyelesaian masalah sehingga wujudnya kefungsian sosial, Kursus '*Cardio Pulmonary Resuscitation*' (CPR) oleh Dr. Syed Aizuddin, Ppp. Ramlan Shahril, Ppp. Norismarizam Ismail, dan En. Junaidah Hashim dari HSNZ serta Kursus Teknik Saringan Malpemakanan Warga Emas oleh Dekan Fakulti Sains Kesihatan, UniSZA, Prof. Dr. Sakinah Harith. Selain itu, turut dianjurkan Malam Kemilau Permata untuk meraikan para mahasiswa Kerja Sosial yang

telah mengharumkan nama fakulti dan universiti. Sebanyak lapan anugerah telah diberikan kepada mahasiswa Kerja Sosial, iaitu Anugerah Tertinggi Jane Addams 2017, Sukarelawan Belia 2017, Pimpinan Projek Kerja Sosial 2017 dan Anugerah Pelatih Kerja Sosial yang merupakan anugerah individu dan Anugerah Titian Kasih, Tautan Muhibah, Khidmat Bakti dan Anugerah Khas Dokumentari, iaitu anugerah mengikut kumpulan sebagai tanda penghargaan atas usaha dan kegigihan yang telah disumbangkan oleh pelajar sepanjang mengikuti pengajian di UniSZA.

Realitinya, program sebegini dapat melahirkan mahasiswa yang mempunyai kepimpinan yang tinggi, mengasah kemahiran insaniah yang terdapat dalam diri setiap mahasiswa terlibat, meningkatkan pengetahuan dan sikap yang positif setiap ahli persatuan, melahirkan individu yang mempunyai semangat serta melahir dan membentuk pemimpin yang berbakat dan pemikiran diasuh, diperkayakan dengan ilmu, budaya tinggi dan akhlak yang luhur. Diharapkan agar sambutan Minggu Profesional Kerja Sosial dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dengan pengisian aktiviti yang lebih baik dengan kerjasama semua Persatuan Mahasiswa Kerja Sosial yang terdapat di seluruh di Malaysia.





Program SOVO Beri Pendedahan Perniagaan Secara Maya

Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar dengan kerjasama UniSZA Consultancy (UCSB) menganjurkan program ‘Small Office Virtual Office (SOVO)’ yang disertai oleh 30 orang pelajar UniSZA. Program ini telah diadakan pada 11 - 17 Januari bertempat di De Palma Hotel Shah Alam, Selangor. Peserta diperkenalkan dengan teknik dan kemahiran dalam menjalankan Office Small Office Virtual konsep SOVO.

Program SOVO merupakan satu program yang memperkenalkan graduan kepada simulasi pengurusan dalam sesebuah organisasi. Ia menggabungkan kemahiran dan kefahaman dalam bidang perakaunan, pengurusan dan kewangan. Graduan akan dibimbing untuk mengendalikan dan menyelesaikan masalah dalam keadaan sebenar.

Program ini dilihat berupaya menjadi satu trend baharu dalam industri perkhidmatan, UniSZA merupakan antara universiti pertama selari dengan inspirasi negara dalam menyediakan platform kepada pelajar simulasi kehidupan sebenar. Sehubungan dengan itu pelajar boleh membuat persediaan awal untuk melibatkan diri dalam perniagaan selepas tamat pengajian. Ia bertujuan memberi pendedahan khusus kepada peserta mengenai cara untuk menjadi usahawan perniagaan maya. Program ini juga memperkenalkan graduan kepada program simulasi berkaitan dengan pengurusan dalam sesebuah organisasi.

Aktiviti menemu bual pemilik - pemilik butik pakaian dan butik fesyen di sekitar bangunan PKNS, Bangi turut diadakan. Para peserta turut dibawa ke Karnival Kewangan yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia di bangunan Putra World Trade Centre (PWTC).

Syarahan Perdana Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin 2017



Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) menganjurkan Syarahan Perdana Kursi Sultan Zainal Abidin bertempat di Dewan Kuliah Utama, UniSZA pada 30 Mac.

Penubuhan Kursi Sultan Zainal Abidin ini telah diluluskan oleh pengurusan UniSZA pada 30 Oktober 2014. Objektif penubuhan adalah untuk menjadi medium pencarian dan pengembangan ilmu serta memperkasakan bidang penyelidikan yang bermanfaat untuk pemegang taruh dan masyarakat. Selain itu, kepelbagaiannya penerbitan bahan ilmiah, penganjuran program, aktiviti ilmiah dan kemasyarakatan dapat dilaksanakan melalui penubuhan kursi ini. Hasil daripada dana yang dikumpul melalui penubuhan kursi ini, Syarahan Perdana Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin telah menjadi program tahunan bagi INSPIRE.

Program ini melibatkan 250 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, kakitangan dan agensi luar. Syarahan ini telah disampaikan oleh Penyandang Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin dan Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Profesor Dato' Wira Dr. Ismail Ibrahim. Beliau menyampaikan syarahan bertajuk Impak Ekstremisme dan Radikal Agama dalam Pembangunan Negara. Pengalaman luas yang dimiliki oleh beliau memberi satu kesedaran yang tinggi kepada audiensi tentang kewujudan kumpulan ekstrem dan radikal di negara ini yang memberi kesan yang negatif terhadap pembangunan negara. Pengaruh yang dibawa oleh kumpulan ini amatlah berbahaya kepada negara jika tiada kesedaran dalam kalangan anak bangsa.

Program ini berjalan dengan lancar dan diserikan dengan ucapan perasmian oleh Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Brig. Jen. Datuk Profesor Emeritus Dr. Kamarudin Hussin. Turut hadir pada majlis ini Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, YBhg. Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, YBhg. Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad dan ketua-ketua PTJ.

Seminar E-Usahawan 2.0 @ UniSZA 2017

Pada 22 April, telah berlangsungnya seminar e-Usahawan 2.0 @ UniSZA bertempat di Dewan Perdana, Kampus Gong Badak yang dianjurkan oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dengan kerjasama Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM), Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar (PKKP) serta sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniSZA. Seminar e-Usahawan ini telah dikendalikan oleh dua orang mentor yang terlatih, iaitu Encik Mohd Syahril Kamarudin dan Encik Suzairi Sulaiman.

Program e-Usahawan mula diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menerusi MDEC yang telah dilancarkan pada 23 November 2015. E-Usahawan merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan digital dalam kalangan belia dan usahawan mikro. Menerusi program e-Usahawan



ini juga, rakyat berpeluang untuk meneroka ilmu perniagaan secara dalam talian dan dapat membantu mereka untuk mengembangkan perniagaan dengan menggunakan platform digital. Para peserta akan

diberi pendedahan kepada teknik pemasaran digital yang efektif, praktikal dan relevan kepada pengguna semasa.

Objektif jangka panjang program e-Usahawan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang keusahawanan digital, seterusnya dapat memanfaatkan kuasa platform digital untuk mengembangkan perniagaan mereka selaras dengan agenda ekonomi digital negara. Seramai 120 orang peserta telah mengambil peluang untuk menyertai e-Usahawan yang terdiri daripada komuniti sekitar dan pelajar Universiti Awam di Terengganu. Antara input yang disampaikan oleh penceramah ialah teknik penggunaan *Facebook*, *Instagram* dan laman web periklanan dalam perniagaan digital. Seminar sebegini patut diteruskan pada masa akan datang dengan lebih ramai penyertaan daripada pelajar dan komuniti setempat, supaya ilmu keusahawanan digital dapat didedahkan dengan lebih terperinci.



Seminar *Personal Data Protection* Act 2010



Pada 12 Mac, Pejabat Penasihat Undang-Undang, UniSZA telah menganjurkan satu seminar mengenai *Personal Data Protection Act 2010*. Seminar ini diadakan selama satu hari bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA.

Para peserta yang hadir seramai 100 orang iaitu 50 orang terdiri daripada warga UniSZA yang mengendali dan mengawal selia aktiviti pemprosesan data dan 50 orang lagi merupakan peserta dari badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan.

Seminar ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta tentang kepentingan melindungi data peribadi serta kepentingan pengendalian maklumat dan data peribadi di jabatan masing-masing. Selain itu, para peserta dan urus setia juga berpeluang bertukar-tukar pendapat, pandangan, nasihat dan idea dengan para penceramah. Seminar ini dilihat berupaya mencegah para peserta untuk tidak sewenang-wenangnya mendedahkan maklumat peribadi kepada pihak ketiga yang membolehkan data tersebut disalahgunakan.

Antara objektif seminar ini ialah memberi maklumat tentang undang-undang berkaitan pemprosesan dan

pengawal seliaan data peribadi oleh pengguna data. Seterusnya, dapat menerapkan kesedaran tentang kepentingan mengawal apa-apa maklumat peribadi yang dikongsi dengan pihak lain dan mengetahui tujuan perkongsian data peribadi tersebut.

Dua orang pakar dari UIAM, Prof. Dr. Ida Madieha Abdul Ghani Azmi dan Dr. Sonny Zulhuda telah dijemput untuk menyampaikan ceramah. Seminar ini dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pagi telah dikendalikan oleh Prof. Ida Madieha Abdul Ghani Azmi, manakala sesi petang pula dikendalikan oleh Dr. Sonny Zulhuda.

Seminar ini dilihat sebagai satu medium yang amat baik bagi para peserta untuk lebih mendalamai kepentingan melindungi data peribadi. Ini memandangkan pada zaman kini maklumat peribadi begitu mudah didekah kepada pihak ketiga tanpa memikirkan kesan dan akibatnya.



Sejenak Bersama

Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Menurut pandangan Datuk, bagaimanakah pelan pembangunan dari aspek infrastruktur dan tenaga manusia perlu dijalankan agar UniSZA dapat merealisasikan misinya?

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana menyediakan ruang untuk diwawancara bagi berkongsi maklumat dan pengalaman untuk kebaikan bersama. Untuk pengetahuan semua, saya baru dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti selama empat bulan. Namun, saya pernah memimpin Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dalam tempoh 14 tahun. Insya Allah, dengan pengalaman saya tersebut, akan digunakan untuk membantu UniSZA menduduki tempat yang tertinggi dalam arus perdana. Ini kerana, apabila menjelaskan kaki ke sini buat kali yang pertama, saya melihat UniSZA memiliki kekuatan tersendiri terutamanya kepelbagaiannya bidang pengajian yang ditawarkan. Sebenarnya, ia merupakan kesinambungan daripada Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) yang terus berkembang menonjok cabaran sehingga berjaya dinobatkan sebagai sebuah universiti.

Menelusuri semula soalan yang dikemukakan, aspek pertama yang perlu ditekankan dalam pembangunan fizikal ialah kita harus akui bahawa universiti ini masih mengekalkan struktur lama seperti

bangunan, pagar, dewan dan lain-lain. Oleh yang demikian, selain daripada tujuan dalam bidang akademik, saya merancang untuk memberi impak yang besar dalam pembangunan infrastruktur. Menurut pandangan saya, sesebuah universiti bukan dilihat kepada pengajiannya sahaja, malah faktor keternampakan fizikal memberi makna yang besar untuk menarik minat orang ramai datang ke sini. Menyedari kepentingan tersebut, sebagai Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, saya akan memberi perhatian terhadap pembangunan infrastruktur melibatkan bangunan lama yang akan ‘dikahwinkan’ dengan binaan yang baharu. Ini menjadikan suasana universiti lebih menawan ditambah dengan landskap yang diperbaiki serta diindahkan dengan perancangan yang sempurna. Selain itu, aspek penyelenggaraan juga akan ditekankan agar keindahan tersebut akan kekal dan dapat dirasai oleh generasi demi generasi.

Beralih kepada soalan berkaitan pembangunan manusia pula, saya melihat UniSZA mendaului universiti lain dari aspek pengambilan pensyarah. Misalnya, Fakulti Perubatan dan Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa yang mengambil pensyarah dari luar negara. Keadaan ini sepatutnya menjadi peluang kepada fakulti berkenaan untuk melatih dan menambah pengetahuan pensyarah sedia ada dengan kepakaran pensyarah yang dijemput tadi.

Selain itu, saya ingin mengulas tentang fenomena yang kadang-kadang berlaku dalam kalangan pensyarah itu sendiri. Misalnya, wujudnya jurang antara pensyarah lama dengan yang baharu. Apa yang sepatutnya berlaku ialah pensyarah yang lebih berpengalaman seharusnya membimbing tenaga pengajar baharu agar mereka secara bersama dapat memenuhi citra universiti.

Di samping itu, UniSZA perlu memperbanyak pengambilan profesor yang hebat dalam pelbagai bidang bagi memandu mereka yang masih baharu dalam dunia akademik. Bahkan, dengan tindakan sebegini akan mempercepat penguasaan pensyarah dalam bidang kepakaran masing-masing. Secara tidak langsung, pembinaan kepakaran pensyarah akan dapat ditingkatkan sekali gus menjadikan UniSZA mempunyai ramai pakar bidang. Walau bagaimanapun, saya berpandangan bahawa jika perkara ini dapat direalisasikan tanpa perancangan bersistematis untuk jangka panjang, ia tidak akan bertahan lama dan berkemungkinan akan terus terkubur.

Kredibiliti mereka seharusnya juga ditingkatkan dengan pengajuran kursus berkala serta penglibatan dalam latihan peringkat antarabangsa. Bahkan, penyertaan pensyarah dalam seminar bertaraf dunia tidak kurang pentingnya bagi mencapai tujuan ini. Saya juga berpendirian bahawa profesor yang akan bersara perlu disambung secara kontrak dengan syarat mereka adalah penyumbang besar bagi menaikkan nama UniSZA di pentas antarabangsa. Ini sedikit sebanyak akan menjadikan UniSZA terus masyur dengan kepakaran pensyarahanya.

Menurut pandangan Datuk, apakah perkara yang perlu diutamakan dalam konteks UniSZA untuk menjaga kebajikan para pekerja agar mereka terus bersemangat menaikkan nama universiti sekali gus menjadi sebuah universiti awam yang disegani?

Isu kebajikan pekerja sebenarnya menjadi teras penting bagi menyokong pertumbuhan sesebuah organisasi. Dalam konteks universiti, pekerja yang terlibat adalah terdiri daripada variasi golongan seperti profesor, pensyarah, pentadbir dan pelaksana. Mereka berperanan sebagai entiti penting untuk menaikkan nama

UniSZA mengikut saluran bidang tugas seperti yang termaktub dalam manual prosedur kerja. Dengan erti kata lain, setiap individu yang berada di UniSZA sebenarnya bertanggungjawab terhadap universiti ini dari segenap segi. Jika masing-masing memainkan peranan secara bersungguh-sungguh dan tidak berkira, Insya Allah UniSZA akan berjaya memperoleh apa yang diimpikan. Namun, apa yang menjadi harapan saya ialah pihak pengurusan tertinggi UniSZA wajib memberi penghargaan yang sewajarnya atas segala penat lelah dan pengorbanan kakitangannya secara menyeluruh berdasarkan sumbangan yang mereka hasilkan.

Apa yang saya maksudkan ialah anugerah kecemerlangan tidak terbatas kepada warga akademik sahaja, malah ia sewajarnya merangkumi semua peringkat kakitangan sama ada yang diamanahkan sebagai pentadbir atau kumpulan pelaksana. Misalnya, Anugerah Tokoh Akademik, Anugerah Buku Terbaik, Anugerah Penyelidikan dan sebagainya adalah melibatkan golongan pensyarah sahaja. Jadi, di manakah ruang yang diberikan bagi kategori anugerah bagi dua golongan pekerja tadi? Oleh itu, jangan fokuskan kepada kecemerlangan akademik semata-mata kerana ini boleh mematikan semangat mereka yang bukan daripada kumpulan ini.

Bagi saya, peluang kakitangan akademik amat luas dalam urusan berkaitan kenaikan pangkat, mempunyai insentif ke luar negara dengan peruntukan geran penyelidikan dan sebagainya. Jadi, galakan kepada kumpulan pentadbir dan pelaksana perlu diperkasa melalui anugerah yang boleh diberikan selepas ini. Ini dilakukan sebagai pelan stimulasi semangat bekerja bagi mereka seterusnya menjadikan UniSZA terus cemerlang.

Selain itu, saya difahamkan bahawa lebih 80 peratus daripada kumpulan pentadbir adalah pekerja baharu. Dengan itu, mereka hendaklah didedahkan dengan pentadbiran yang lebih cekap melalui kursus di dalam dan luar negara. Ini bagi menambahkan nilai kemahiran dalam pentadbiran. Rentetan daripada itu, mereka akan menjadi lebih cekap seterusnya keterlihatan mereka akan terserlah di mata umum. Dari sudut teori dan praktikalnya, tautan pensyarah yang kompeten dengan pentadbir yang mantap akan dapat menghasilkan sesuatu yang terbaik dalam setiap perkara yang diinginkan.

Kita menyentuh pula peranan golongan pelaksana di UniSZA. Mengikut pengamatan saya, jumlahnya adalah kira-kira 40 peratus daripada jumlah keseluruhan kakitangan di UniSZA. Saya suka tegaskan di sini bahawa peranan pelaksana amat penting bagi membantu universiti untuk berdaya saing pada zaman yang penuh cabaran ini. Oleh itu, jangan pisahkan mereka daripada arus pembangunan UniSZA terutamanya bagi merangka pelan strategik. Berdasarkan pengalaman saya, cadangan dan idea mereka lebih realistik kerana ia lahir daripada ketelusan dan pengalaman sebagai aktor yang bergelumang dengan pelbagai karenah kerja yang dilaksanakan. Perancangan strategik mestilah lebih bersifat ‘bottom-up’ yang boleh disampaikan kepada pengurusan tertinggi melalui persatuan dan pusat tanggungjawab masing-masing. Saya suka membawa satu idea tentang huruf C, iaitu ‘compact’. Pembangunan modal insan perlu mencakupi semua lapisan pekerja melalui penghargaan dan insentif tertentu bagi menguatkan terjahan mereka dalam pelbagai ruang yang dijejaki. Tidak ketinggalan juga, golongan pelajar seharusnya diberikan penghargaan yang setimpal dengan sumbangan mereka terhadap UniSZA dalam majlis yang berprestij.



Berdasarkan perkembangan semasa, apakah hasrat dan paradigma Datuk buat UniSZA agar ia terus terkehadapan khususnya dari aspek penerbitan ilmiah.

Sebelum saya menjawab soalan ini, saya suka mengimbau kembali semasa saya menerajui UniMAP sebagai Naib Canselor. Sebelum sesebuah universiti mencapai hasrat yang diharapkan, pembudayaan nilai-nilai positif amat penting untuk diterapkan dalam kalangan warganya. Sebagai contoh, jika ia berkaitan dengan pembudayaan penerbitan dalam jurnal yang bertaraf tinggi, sudah pasti artikel yang diterima perlu dibayar dengan sejumlah bayaran yang mahal. Siapa yang akan membuat pembayaran ini? Bagi saya, universiti yang bertanggungjawab mengambil inisiatif menyediakan satu dana khas bagi menggalakkan penerbitan dalam jurnal seperti ini selain daripada peruntukan geran penyelidikan seseorang pensyarah. Ini bermakna, bukan hanya hasrat yang dilempar ke bawah (*one way*) tanpa menyediakan kemudahan tertentu dari aspek pembayaran tadi. Dengan sebab itu, UniMAP dapat mencapai jumlah artikel yang banyak dalam jangka masa yang singkat apabila pendekatan ini diamalkan.

Oleh yang demikian, saya merasakan UniSZA dapat mengambil apa yang saya kongsikan di sini sebagai panduan untuk memperoleh jumlah penerbitan artikel jurnal yang banyak. Bukan itu sahaja, pensyarah yang baru balik sambung belajar akan disediakan dana sebanyak RM 10,000 sebagai galakan agar mereka menjalankan projek penyelidikan. Inilah yang saya lakukan di UniMAP sehingga ia berada di tahap yang sewajarnya sekarang.

Di samping itu, galakan penerbitan boleh juga ditingkatkan melalui urusan kenaikan pangkat. Misalnya, mereka yang berada dalam jurusan sains tulen boleh menumpukan perhatian kepada penerbitan artikel dalam jurnal. Manakala, ahli akademik dalam bidang sains sosial dan pengajaran umum pula boleh memberi tumpuan kepada penerbitan buku. Mekanisme yang boleh digunakan untuk meningkatkan penghasilan produk, UniSZA boleh membuat pertandingan penciptaan produk baharu di peringkat lokal dan pemenangnya boleh dicalonkan untuk pertandingan di peringkat yang lebih tinggi.

Berdasarkan pengalaman Datuk, apakah cabaran utama yang perlu dihadapi oleh sesebuah universiti untuk mencipta nama di persada antarabangsa?

Menyentuh tentang soalan ini, ia bertitik-tolak daripada perancangan strategik yang dirangka. ‘Strategic Planning’ perlu mengambil idea daripada semua golongan. Bukan hanya memikirkan untuk mencapai sesuatu secara drastik. Apa yang penting ialah perancangan tersebut boleh dicapai dan difahami oleh semua orang. Kita jangan menyangka bahawa pensyarah sahaja yang mempunyai buah fikiran yang bernes. Sebenarnya, idea golongan pekerja bawahan juga perlu diraikan dan mereka perlu dilibatkan dalam merangka sesuatu perancangan universiti. Perancangan strategik perlu tepat dan semua kakitangan berhak dan mesti mengetahuinya. Ia tidak dapat dicapai tanpa gabungan semua pihak bermula daripada peringkat atasan sehingga bawahan. Saya ibaratkan seperti sebatang lidi. Ia tidak mampu membersihkan sampah kecuali diikat menjadi sebatang penyu puas hasil jalinan lidi yang banyak.

Cabaran lain yang saya lihat ialah terdapatnya jurang di antara pihak pengurusan universiti dengan golongan bawahan. Oleh itu, jurang ini perlu dihapuskan melalui program-program santai yang boleh disertai oleh setiap lapisan warga UniSZA seperti aktiviti sukan dan seumpamanya. Hasilnya, kakitangan bawahan akan mesra dengan pihak pengurusan dan akan menjadikan mereka seronok untuk bekerja.

Daripada apa yang dilakukan ini, semua lapisan warga UniSZA dapat memahami perancangan yang munasabah, sekali gus UniSZA mampu meraih pelbagai penarafan sama ada di peringkat Asia mahupun dunia. Dengan itu, ia akan memudahkannya mendapat kuasa autonomi. Selain itu, untuk mencapai matlamat ini, ia memerlukan jumlah kewangan yang besar. Justeru, kekuatan sedia ada yang boleh digunakan ialah seperti UniSZA Holdings, Wakaf dan sumber-sumber yang boleh difikirkan dari semasa ke semasa.

Tambahan lagi, pengurusan secara ‘merayap’ sukar kita temui dalam kebanyakan organisasi. Maksudnya ialah pemimpin universiti yang menyelami secara eksplisit dalam kalangan pekerja dan mendengar sendiri masalah, saranan, harapan dan lain-lain untuk diambil kira dan difikirkan bersama serta dibuat keputusan. Misalnya, jika sesebuah pusat tanggungjawab inginkan sejumlah wang yang tertentu untuk melaksanakan sesebuah perancangan, ia boleh diluluskan secara mudah tanpa perlu melalui karenah birokrasi yang tidak masuk akal. Ini akan mempercepat pelaksanaan sesuatu perancangan yang dilihat mampu memberi impak kepada penjenamaan universiti itu sendiri.

Cabaran lain yang kita sedang fikirkan ialah pelan pembangunan mahasiswa yang mempunyai bakat yang unik disertai dengan ilmu dan akhlak. Apa yang dinyatakan di sini tidak dapat dicapai melainkan melalui pelan strategik yang kemas dan bersistematik.

Apakah gagasan Datuk kepada UniSZA agar ia terus maju dan berkembang bagi melahirkan modal insan yang berperanan untuk pembangunan negara seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju?

Apabila kerajaan menubuhkan sesebuah universiti di negara ini, sudah pasti ia membawa makna yang besar khususnya impak kepada masyarakat setempat selain membekalkan modal insan bagi pembangunan negara. Jika sedikit masa dahulu, kita menyaksikan kebanyakannya penubuhan universiti tertumpu di sekitar Lembah Klang dan kawasan Pantai Barat Semenanjung sahaja. Namun, lama-kelamaan kerajaan telah meluaskan jajahan pendidikan sehingga ke Malaysia Timur dan tidak ketinggalan juga di Pantai Timur Malaysia Barat. Ini membuktikan betapa pentingnya pendidikan tinggi bagi memastikan penyediaan tenaga mahir dan berkepakaran dalam pelbagai bidang dapat direalisasikan.

Apa yang saya amati, langkah pertama yang perlu dilakukan UniSZA ialah perlu bergegas mengorak langkah proaktif menyumbang kemahiran kepada komuniti sekitarnya. Maksudnya, tenaga pengajar dan pelajar perlu berfungsi sebagai agen perubahan ke arah yang lebih baik dalam pelbagai bidang. Misalnya, tenaga yang dapat dicurahkan bukan sahaja terhad dalam skop aktiviti kebajikan semata-mata seperti gotong-royong, bersih kubur, membina penempatan dan sebagainya. Malah, ia lebih daripada itu seperti penciptaan teknologi untuk kegunaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), khidmat nasihat mempertingkat industri pelancongan, mewujudkan kaedah-kaedah baharu dalam pengurusan tenaga manusia dan apa-apa sahaja yang dapat memajukan masyarakat setempat. Ini

kerana, saya menyaksikan banyak perkara yang boleh difikirkan bersama dalam hal ini kerana UniSZA dikelilingi oleh industri, sekolah, pusat pertanian dan penternakan, pelabuhan perikanan dan lain-lain.

Mengikut telahan saya, daripada sumbangan semangat kejiranian yang diberikan, ia akan berkembang ke peringkat yang lebih luas. Profesor dan tenaga pakar dari UniSZA seharusnya menterjemah kemahiran mereka untuk pembangunan negara. Misalnya memperkenalkan teknologi baharu untuk kemudahan sesebuah perusahaan, menyediakan alternatif untuk menyelesaikan isu-isu negara dan berupaya menghalang masalah akan datang. Ini semua dapat diaplikasi melalui penyelidikan secara kolektif yang berbekalkan roh cintakan negara. Keterlibatan mereka di atas platform kementerian tertentu akan menjadikan UniSZA lebih dikenali.

Promosi dan publisiti sesuatu penjenamaan amat penting bagi menjelaskan keternampakan sesebuah organisasi. Bagaimana Datuk melihat perkara ini dalam konteks UniSZA?

Saya akui bahawa promosi dan publisiti amat penting dalam segenap lapangan yang diceburi. Dalam konteks UniSZA, pendekatan terawal yang seharusnya diambil ialah mewujudkan ‘wow factor’ terutamanya dari aspek fizikal. Prasarana mesti cantik dan menarik minat untuk orang datang ke sini. Selain itu, penampilan imej korporat oleh individu di UniSZA juga menjadi agenda utama yang perlu ditunjukkan. Misalnya, cara berpakaian, berfikir, mengeluarkan pendapat, menunjukkan bakat kepemimpinan, profesional dalam bertindak dan apa yang tidak dapat diabaikan ialah keterlibatan mereka di persada antarabangsa. Apabila perkara ini menjadi realiti, ia berfungsi sebagai wahana yang menjadikan UniSZA sebuah universiti yang disegani dan dihormati seterusnya sebagai tempat tumpuan serantau dan sejagat.

Keadaan ekonomi hari ini sedikit sebanyak menggusarkan masyarakat terutama golongan kurang berkemampuan bagi melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi. Boleh Datuk jelaskan perancangan LPU UniSZA dalam menangani isu ini?

Saya bersangka baik bahawa Universiti Awam tidak akan menaikkan yuran pengajian khususnya UniSZA itu sendiri. Ini kerana kenaikan yuran bukan sahaja membebankan mereka yang kurang berada, malah ia menjadi batu penghalang kepada anak mereka yang layak untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Awam. Bagi saya, golongan yang susah masih ramai di luar sana yang memerlukan perhatian daripada kita semua. Kita sebagai orang yang berada dalam universiti, berkemungkinan tidak dapat menghayati dan menyelami kesusahan yang mereka alami. Oleh itu, saya berpendirian bahawa kenaikan yuran pengajian adalah tidak perlu buat masa ini dan akan datang.

Saya ingin menarik perhatian, selain pengambilan pelajar melalui Unit Pengambilan Universiti (UPU), UniSZA perlu mengambil pendekatan turun padang untuk mengenal pasti pelajar miskin bagi ditawarkan pengajian di universiti ini berdasarkan kelayakan yang mereka miliki. Dengan kekuatan dana wakaf, kita boleh membuka laluan kepada golongan ini untuk menimba ilmu dan mengasah bakat yang terpendam. Ini kerana UniSZA amat relevan sebagai tempat menimba pelbagai ilmu dan membentuk kredibiliti pelajar sehingga membolehkan mereka berperanan dalam masyarakat.



Sejenak Bersama

Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Dalam Amanat Tahun Baharu 2017, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh ada memberi penekanan terhadap pelaksanaan Penyelidikan Translasional. Apakah aspirasi Y. Bhg. Prof. berkenaan penyelidikan UniSZA dalam usaha memacu universiti ini ke arah menjayakan misi Penyelidikan Translasional?

Penekanan yang diberikan oleh YB. Menteri Pendidikan Tinggi terhadap Penyelidikan Translasional ini merupakan satu inisiatif yang amat wajar diberi perhatian serius oleh warga akademia pada peringkat pengajian tinggi. Dalam suasana semua ahli akademik di universiti menjalankan aktiviti penyelidikan, terdapat penyelidikan yang berasaskan *fundamental* dan ada juga yang berteraskan aplikasi. Banyak dana penyelidikan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan institusi lain diberikan kepada universiti dalam bentuk kewangan untuk melaksanakan penyelidikan. Justeru, dalam usaha untuk meningkatkan mutu penyelidikan di universiti, YB. Menteri Pendidikan Tinggi ingin melihat pelaksanaan aktiviti penyelidikan mesti memberi manfaat langsung

kepada masyarakat atau komuniti melalui penyelesaian isu nasional dan antarabangsa. Secara mudahnya, definisi Penyelidikan Translasional merupakan penyelidikan yang dijalankan oleh warga universiti dan hasil daripada penyelidikan tersebut dimanfaati oleh masyarakat. Inilah hasrat YB. Menteri Pendidikan Tinggi yang diberi penekanan khusus dalam Amanat Tahun Baharu 2017, meskipun sebelum ini terdapat banyak hasil penyelidikan yang diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi, dibentangkan dalam persidangan pada peringkat antarabangsa, tetapi fokus kali ini ialah Penyelidikan Translasional yang dapat memberi manfaat secara langsung kepada komuniti atau masyarakat. Perlu ditekankan di sini bahawa Penyelidikan Translasional ini melibatkan semua bidang pendidikan. Meskipun jika dilihat terdapat bidang-bidang penyelidikan yang mempunyai perkaitan langsung dengan komuniti, namun hakikatnya Penyelidikan Translasional melibatkan semua bidang. Sebagai contoh penyelidikan yang dilakukan oleh akademia dalam bidang perubatan, maka hasilnya dapat disalurkan kepada masyarakat secara langsung kerana isu kesihatan amat berkait dengan masyarakat. Sebenarnya bidang Sains Sosial juga berkait langsung

dengan masyarakat. Dalam bidang Pengajian Islam contohnya, bagaimana nilai-nilai agama diterapkan dalam diri setiap anggota masyarakat melalui kajian saintifik berkenaan nas-nas agama atau perbincangan yang dilakukan oleh para sarjana Islam berkenaan nilai-nilai agama dalam kitab-kitab mereka. Penerapan nilai-nilai agama dalam diri masyarakat mencakupi segenap aspek juga merupakan antara perkara yang boleh diusahakan melalui kaedah-kaedah yang lebih komprehensif dan berkesan hasil penemuan dalam aktiviti penyelidikan yang dilakukan oleh para akademia bidang Pengajian Islam. Kajian-kajian yang mencari penyelesaian masalah yang melanda masyarakat seperti melibatkan isu penagihan dadah, kefakiran, gejala sosial dalam kalangan remaja dan sebagainya yang dijalankan mengikut acuan agama juga merupakan sebahagian daripada cakupan Penyelidikan Translasional. Perkara penting yang perlu ditekankan di sini ialah setiap penyelidik daripada semua bidang pendidikan perlu lebih kreatif dalam menjalankan penyelidikan agar setiap kajian yang dijalankan dapat memberi impak langsung kepada masyarakat dan termasuk dalam cakupan Penyelidikan Translasional.

Apakah saranan Y. Bhg. Prof. kepada para penyelidik di UniSZA bagi menghasilkan penyelidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia?

Sememangnya menjadi misi saya untuk sama-sama membantu para penyelidik di UniSZA menjayakan agenda membudayakan penyelidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia. Ini melibatkan semua golongan akademia di UniSZA lebih-lebih lagi para penyelidik muda yang perlu diberi galakan dan motivasi untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang masing-masing. Jika dilihat kepada sejarah ketamadunan manusia, sememangnya golongan muda perlu dijadikan antara fokus utama dan inilah yang berlaku di semua universiti hari ini supaya kesinambungan kecemerlangan sesebuah universiti berterusan ataupun meningkat menjadi lebih baik. Pada pandangan saya, para pensyarah muda perlu didekati dan selalu diberi motivasi agar dapat menjadi penyelidik yang kreatif, amanah, inovatif dan berwawasan tinggi. Kadang-kadang ada dalam kalangan pensyarah muda yang cuba mengasingkan diri daripada suasana akademik selepas mereka mendapat Ph.D.. Mereka berasa selesa selepas memiliki segulung ijazah tertinggi dalam dunia akademik iaitu Ph.D.. Mereka berasa telah berada dalam zon yang selesa dengan gelaran "Dr." dan mereka hanya perlu fokus untuk mengajar sahaja. Sebenarnya perjalanan sebenar seorang sarjana bermula apabila seseorang itu memiliki Ph.D.. Oleh itu, para pensyarah muda perlu terus diberi suntikan motivasi dan pemahaman bahawa tugas sebagai seorang pensyarah merupakan satu perkara yang mulia dan amat dekat dengan masyarakat. Justeru, para pensyarah muda perlu terus berusaha menjalankan aktiviti penyelidikan yang dapat memberi sumbangan bukan sahaja kepada bidang keilmuan tetapi juga kepada masyarakat atau komuniti di sekeliling mereka. Paling tidak, hasil penyelidikan mereka dapat memberi manfaat kepada para pelajar di dalam kelas pembelajaran dan pengajaran. Para pensyarah muda di UniSZA perlu berfikir dan merancang untuk menjadi pelopor bagi penemuan baharu dalam bidang keilmuan masing-masing. Semua pensyarah muda juga perlu mempunyai cita-cita untuk menjadi profesor dalam bidang mereka. Perkara ini hanya dapat direalisasikan apabila mereka melakukan penyelidikan yang bersifat kontemporari dan memberi impak berguna kepada komuniti. Sekarang pihak KPT telah menggariskan pelan laluan kerjaya untuk para pensyarah di universiti dan semua universiti perlu melaksanakannya. Meskipun para pensyarah perlu

mempunyai hala tuju yang terarah dalam kerjaya sama ada memberi fokus kepada pengajaran, penyelidikan atau pengurusan, hakikatnya bagi golongan pensyarah muda, mereka perlu terlibat dalam ketiga-tiga perkara tersebut. Pensyarah muda tidak boleh hanya fokus kepada pengajaran dan mengabaikan kerja-kerja penyelidikan kerana dengan penyelidikan, mereka boleh membina kepakaran tersendiri dalam bidang keilmuan yang diceburi. *Alhamdulillah*, bagi sasaran UniSZA pada tahun ini untuk mencapai penarafan empat bintang dalam Taksiran Penyelidikan Malaysia (MyRA), terdapat beberapa inisiatif yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan universiti. Salah satu inisiatif tersebut ialah peruntukan khas untuk dana penyelidikan sebanyak 2.5 juta sehingga pertengahan tahun 2018. Dana ini adalah untuk memberi galakan dan bantuan khusus kepada para pensyarah muda untuk menggerakkan penyelidikan mereka. Selain itu, terdapat juga bantuan penerbitan yang telah diluluskan. Pihak universiti akan membayar yuran penerbitan bagi artikel dalam jurnal mahupun prosiding persidangan yang diindeks oleh Scopus dan Web of Science (WOS) walaupun para pensyarah yang terlibat tidak mempunyai geran penyelidikan. Inilah antara inisiatif yang diberikan kepada para pensyarah UniSZA khususnya para penyelidik muda agar mereka dapat membina kesarjanaan berkualiti dan bertaraf dunia dalam bidang masing-masing melalui aktiviti penyelidikan.

Apakah sasaran UniSZA khususnya melibatkan penyelidikan dan penerbitan dalam penarafan bintang bagi Taksiran Penyelidikan Malaysia (MyRA) tahun 2017?

Sepertimana yang telah saya jelaskan, sasaran UniSZA pada tahun ini untuk mencapai penarafan empat bintang dalam MyRA. Justeru, banyak perkara perlu diambil perhatian yang serius oleh semua warga UniSZA, khususnya para pensyarah. Selain daripada perkara yang melibatkan geran penyelidikan, kejayaan para penyelidik UniSZA dalam pameran-pameran penyelidikan merupakan antara perkara yang amat dititikberatkan dalam penarafan MyRA. Target kita pada tahun ini ialah merangkul 34 pingat emas dalam pertandingan-pertandingan inovasi yang diiktiraf. *Alhamdulillah*, baru-baru ini dalam 28th International Innvention and Technology Exhibition (ITEX) 2017, UniSZA berjaya meraih lapan pingat emas dan ini menjadikan jumlah pingat emas terkumpul setakat ini sebanyak 15 pingat. Kita juga telah mengenal pasti sebanyak 25 produk para penyelidik UniSZA yang

berpotensi untuk memasuki Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajaran Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2017). Kesemua produk ini telah melalui dua kali proses penilaian dan saringan pada peringkat universiti. Saya berharap para penyelidik terpilih yang akan mewakili UniSZA ke pertandingan inovasi PECIPTA ini akan dapat membuat persembahan terbaik dalam sesi penilaian pertandingan nanti. Mereka membawa nama baik UniSZA serta menjadi duta penyelidikan universiti bagi membuktikan bahawa UniSZA mempunyai penyelidik dan produk yang berpotensi mendapat pengiktirafan di peringkat global. Selain PECIPTA, kita sedang meneliti pertandingan-pertandingan inovasi lain sama ada di dalam mahupun luar negara yang boleh memberi impak besar kepada pencapaian universiti. Berkaitan dengan penerbitan pula, kita meletakkan target 700 artikel dalam jurnal berindeks dan berimpak tinggi. Target ini sebenarnya agak tinggi memandangkan pada tahun 2016, kita hanya mencatatkan sekitar 350 artikel yang berjaya diterbitkan dalam jurnal berindeks Scopus dan WOS. Walau bagaimanapun, kita akan cuba mencapai target tersebut. Untuk penarafan MyRA, ia melihat kecemerlangan dalam pelbagai aspek seperti mana yang saya nyatakan tadi, khususnya melibatkan geran penyelidikan, penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks Scopus dan WOS, serta pencapaian meraih pingat dalam pertandingan inovasi. Kemampuan untuk mengkomersialkan produk penyelidikan juga diambil kira dalam penarafan MyRA. Justeru, kita akan berusaha untuk memastikan semua aspek ini dapat dicapai dengan cemerlang. Semua ini memerlukan bantuan dan kerjasama daripada semua pihak, khususnya para pensyarah dan penyelidik UniSZA.

Apakah langkah yang sedang direncana oleh pihak pengurusan UniSZA khususnya pihak Y. Bhg. Prof. bagi memastikan lebih ramai pensyarah menghasilkan buku ilmiah?

Penerbitan buku ilmiah sangat penting dalam kerjaya sebagai pensyarah universiti. UniSZA mempunyai ramai pensyarah dan saya amat yakin masing-masing mampu untuk menghasilkan buku ilmiah dalam bidang kepakaran tersendiri. Galakan yang berterusan perlu diberikan kepada para pensyarah agar menerbitkan karya ilmiah dengan Penerbit UniSZA. Para pensyarah disarankan agar menerbitkan buku yang berkaitan pengajaran masing-masing. Dengan cara ini, buku yang dihasilkan akan dapat dimanfaatkan oleh para pelajar dalam kelas mereka, selain dapat menjadi rujukan dalam bidang oleh pelajar di luar UniSZA. Dalam soal

inisiatif yang diwujudkan oleh pihak pengurusan UniSZA bagi menggalakkan para pensyarah menghasilkan buku ilmiah, universiti telah memperkenalkan anugerah khas berkaitan penerbitan buku terbaik dengan syarat buku tersebut mesti diterbitkan oleh Penerbit UniSZA. Terdapat dua kategori bagi Anugerah Penerbitan Buku, iaitu kategori Sains Sosial dan Kemanusiaan serta kategori Sains dan Teknologi. Selain itu, dari segi kenaikan pangkat dan penilaian prestasi kerja tahunan bagi pensyarah, sememangnya penghasilan buku ilmiah menjadi antara kriteria utama dan sangat penting. Justeru, para pensyarah bukan sahaja perlu giat menghasilkan artikel dalam jurnal berindeks sahaja, malah turut perlu menerbitkan buku ilmiah, bab dalam buku dan sebagainya. Jadi dengan adanya anugerah penerbitan buku dan penilaian khusus berkaitan penerbitan buku dalam urusan kenaikan pangkat dan penilaian prestasi kerja tahunan, maka diharapkan para pensyarah UniSZA akan dapat menghasilkan buku ilmiah yang berkualiti dan memberi manfaat kepada masyarakat. Dalam masa yang sama, Penerbit UniSZA perlu dimantapkan dari semasa ke semasa agar usaha untuk menerbitkan buku ilmiah karya para pensyarah universiti dapat diteruskan dengan jayanya. Selain itu, saya menyarankan agar pihak Penerbit UniSZA tidak hanya berusaha untuk menerbitkan buku, malah turut sama meningkatkan usaha untuk memastikan buku-buku terbitan universiti ini laris dalam pasaran. Hal ini juga berkait rapat dengan kemampuan para pensyarah kita untuk menghasilkan buku yang berkualiti di samping gandingan kerjasama antara penulis buku dengan penerbit untuk memasarkan buku kepada golongan pembaca. Tahniah saya ucapkan kepada Penerbit UniSZA kerana berjaya meningkatkan hasil jualan buku semasa Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada bulan April dan Mei yang lalu.

Berdasarkan senario semasa, bagaimana Y. Bhg. Prof. melihat perkembangan penyelidikan yang bakal berlaku di UniSZA untuk tiga ke lima tahun yang akan datang?

Saya melihat kelebihan UniSZA ini dengan kepelbagaiannya bidang pengajian yang ditawarkan. Selain itu, saya turut melihat variasi latar belakang para pensyarah UniSZA dalam bidang dan kepakaran akademik sebagai antara kekuatan universiti ini. Berdasarkan perkara-perkara ini, kita berkeyakinan bahawa UniSZA amat berpotensi untuk maju dalam bidang penyelidikan. Antara cabaran yang perlu ditempuhi bersama

ialah persoalan bagaimana untuk menggabungkan kekuatan bidang-bidang pengajian yang pelbagai di UniSZA supaya usaha untuk maju ke hadapan dalam bidang penyelidikan dapat direalisasikan secara kolektif. Antara cita-cita saya dalam tempoh tiga tahun menyandang jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniSZA adalah untuk memastikan peningkatan bilangan penerbitan ilmiah oleh para akademia universiti. Dengan peningkatan bilangan penerbitan ini, diharapkan ia akan menjadi rujukan bermanfaat kepada masyarakat di luar sana. Natiyahnya nanti, nama UniSZA juga akan tersohor dalam bidang penyelidikan dan ramai pelajar akan datang ke sini untuk melanjutkan pengajian dalam bidang-bidang yang ditawarkan, bukan sekadar dari dalam negara malah luar Malaysia. Ini kerana antara bukti kejayaan sesebuah universiti adalah apabila ramai pelajar yang cemerlang datang untuk menjadi pelajar di universiti tersebut. Hal ini juga melibatkan keperluan wujudnya para pensyarah yang cemerlang di sesebuah universiti. Oleh itu, para pensyarah perlu terlibat secara aktif dalam penyelidikan dan menghasilkan penerbitan ilmiah yang berimpak tinggi bagi menyerlahkan kehebatan dan kecemerlangan mereka dalam bidang keilmuan. Dalam suasana kecanggihan dunia teknologi hari ini, semua data berkaitan penyelidikan dan penerbitan dapat diakses dengan mudah dalam internet seperti melalui Google Scholar, ResearchGate, Academia.edu dan sebagainya. Ahli akademik tidak boleh sekadar mendakwa bahawa mereka cemerlang dalam penyelidikan dan penerbitan, namun hakikatnya data-data melibatkan penyelidikan dan penerbitan mereka tidak ditemui dalam internet. Oleh itu, usaha menyelidik dan menerbitkan karya ilmiah perlu diperhebatkan dalam kalangan pensyarah UniSZA. Saya juga mengharapkan para pensyarah dapat menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti penyelidikan, atau paling tidak pun bagi pelajar ijazah pertama mahupun diploma disemai dengan rasa cinta untuk melakukan penyelidikan. Sebagai contoh, mereka diberi pendedahan tentang metode penyelidikan yang betul serta mewujudkan suasana pertandingan inovasi bagi penilaian projek akhir. Semua ini merupakan usaha menerapkan semangat melibatkan diri dalam penyelidikan ilmiah sehingga memotivasi mereka untuk menyambung pengajian hingga ke peringkat yang lebih tinggi dan terus menjadikan UniSZA sebagai institusi ilmu pilihan mereka.

Akhirnya, apakah harapan Y. Bhg. Prof. kepada warga UniSZA khususnya berkaitan penyelidikan dan inovasi di UniSZA?

UniSZA merupakan sebuah institusi keilmuan yang mempunyai sejarah tradisi ilmu bermula dari zaman Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Universiti Darul Iman (UDM) dan sekarang UniSZA. Pada ketika ini, UniSZA mempunyai para pensyarah yang mempunyai latar belakang yang pelbagai, maksudnya kepelbagaiannya bidang pengkhususan serta kepelbagaiannya dari sudut peringkat kehidupan dalam dunia akademik. Ada yang berpengalaman dalam bidang pendidikan berbelas malah berpuluhan tahun, dan ada golongan pensyarah muda. Hakikatnya kepelbagaiannya ini merupakan satu kekuatan bagi institusi pendidikan tinggi ini. Kekuatan ini dapat dimanfaat dan dipertahankan sekiranya semua pihak terus menjalinkan kerjasama erat antara satu dengan yang lain. Semangat kerjasama perlu ditingkatkan dan terus diberi galakan positif melibatkan semua pihak di UniSZA. Hal ini turut melibatkan penyelidikan dan penerbitan yang perlu dijayakan secara kerjasama antara para pensyarah. Jadi para pensyarah akan saling memberi sumbangan secara kolektif hingga dapat menghasilkan penemuan yang lebih baik dan menyeluruh. Selain itu, saya mengharapkan para pensyarah tidak hanya fokus terhadap satu kerja dan mengesampingkan keperluan lain. Kita tidak mahu pensyarah yang hanya hebat dalam penyelidikan dan penerbitan, namun mengabaikan tanggungjawab terhadap khidmat komuniti. Begitu juga, kita tidak mahu pensyarah yang hanya aktif dalam khidmat komuniti, tetapi mengesampingkan tugas mereka untuk terlibat dalam penyelidikan dan penerbitan. Akhir sekali, saranan saya ialah kita perlu mempunyai semangat untuk maju ke hadapan secara bersama-sama. Melalui Pelan Strategik UniSZA 2017-2025, semua pihak perlu bekerja seiring dan sekata untuk memastikan semua perancangan universiti dapat direalisasikan dengan cemerlang. Semua pihak mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri untuk memastikan UniSZA terus cemerlang dan gemilang. Oleh itu, kita perlu bekerja keras untuk mencapai matlamat yang sama seperti mana yang telah digariskan dalam Pelan Strategik UniSZA 2017-2025.

BUKU DAN REKA BENTUKNYA

Zurina Mansor
zurina@unisza.edu.my

*Buah duku di mangkuk berkaca,
Pasang damar di atas peti,
Ada buku tak ingin dibaca,
Lebih gemar berparti-parti?*

*Gulai parpu tidaklah pedas,
Kalau pedas campurlah gula,
Baca buku janganlah malas,
Kalau malas kecawa sudahnya.*

*Harum semerbak si bunga tanjung,
Kuntumnya mekar di taman raja,
Penulis buku wajar disanjung,
Zaman-berzaman selama-lamanya.*
(Najibah 2013)

Ketiga-tiga rangkap pantun di atas mencerminkan betapa pentingnya peranan sesebuah buku dalam membentuk insan yang berilmu. Setiap seorang yang celik huruf setidak-tidaknya pasti pernah membaca sebuah buku. Ini kerana, buku merupakan salah satu wadah penyebaran ilmu yang utama. Melaluiinya, para sarjana dan penulis mendokumentasikan ilmu yang dimiliki untuk dikongsi manfaatnya kepada masyarakat.

Takrifan

Hamedи (2008, 2-3) merekodkan takrifan buku menurut Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO) seperti berikut:

1. Lembaran-lembaran kertas yang bercetak.
2. Kertas-kertas bercetak itu digabungkan menjadi satu bentuk jilidan.
3. Kertas-kertas bercetak dan berjilid itu mempunyai kulit yang biasanya menggunakan kertas yang lebih tebal dan berbeza dengan teks.
4. Kertas-kertas bercetak itu mempunyai lebih daripada 49 halaman.
5. Cetakannya tidak dilakukan dalam masa-masa yang ditentukan, dan tidak berturutan dengan penerbitan yang lain.
6. Mempunyai sekurang-kurangnya 50 naskhah yang sama.
7. Terbuka untuk jualan.

Menerusi Bengkel Penyediaan Indeks dan Blurb Buku, Kamarul Shukri (2016) dalam pembentangannya menambah satu lagi ciri sebuah buku iaitu panjang sesebuah bab adalah seimbang dengan bab lain, kecuali pendahuluan dan kesimpulan yang ditulis lebih pendek.

Kamus Dewan (2015) pula memberikan takrifan yang lebih ringkas terhadap buku iaitu helaian kertas berjilid yang berisi tulisan dan sebagainya untuk dibaca atau yang mengandungi ruangan kosong untuk ditulis.

Kesemua takrifan tersebut memberikan gambaran sebenar tentang maksud dan rupa bentuk sesebuah buku. Namun, dalam bahasa mudahnya, dapat disimpulkan bahawa buku merupakan helaian kertas bercetak berhalaman lebih daripada 49 muka surat, diapit dengan kertas tebal sebagai kulit, dijilid dan dicetak paling kurang 50 naskhah untuk dijual kepada orang awam. Penerbitannya pula tidak dilakukan secara berkala atau mengikut tempoh masa tertentu.

Namun, selain daripada kesemua ciri yang disebutkan itu, terdapat dua lagi ciri penting yang perlu ada pada sesebuah buku iaitu kod pengenalan yang dikenali sebagai International Standard Book Number (ISBN) dan Pengkatalogan dalam Penerbitan (PDP). Kedua-dua ciri ini perlu ada pada sesebuah buku yang diterbitkan sebagai pengenalan dan promosi buku tersebut di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Saiz

Sesebuah buku yang ingin diterbitkan akan ditentukan saiznya oleh penerbit. Hal ini bergantung kepada kelaziman sesebuah penerbit dan kos yang akan dikeluarkan. Lazimnya terdapat lima saiz buku yang biasa diterbitkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Saiz buku yang biasa diterbitkan

Bil	Saiz buku	Saiz dalam inci	Saiz dalam mm.
1.	Demy Octavo	5 5/8 x 8 3/4	140 x 216
2.	Demy Quarto	8 3/4 x 11 1/2	216 x 279
3.	Royal Octavo	6 1/4 x 10	156 x 248
4.	Crown Octavo	5 x 7 1/2	124 x 184
5.	Crown Quarto	7 1/2 x 10	187 x 248

Sumber: (Hamedи 2008, 115)

Biasanya crown octavo (5 x 7 1/2) digunakan untuk buku fiksyen, demy octavo (5 5/8 x 8 3/4) untuk buku bukan fiksyen, dan royal octavo (6 1/4 x 10) untuk buku saintifik, teknikal dan rujukan (Hamedи 2008, 115).


Namun dalam amalan sebenar, tidak semua penerbit menerbitkan buku mereka mengikut saiz yang terdapat dalam jadual tersebut. Saiz-saiz yang dinyatakan dalam Jadual 1 dijadikan sebagai panduan asas dan diubah mengikut kesesuaian serta kehendak penerbit. Ini bertujuan untuk menjaga standard saiz penerbitan agar buku yang diterbitkan mempunyai saiz yang seragam mengikut kategori masing-masing.

Penerbit UniSZA misalnya, menerbitkan buku dalam beberapa saiz tertentu mengikut kategori buku tersebut. Buku karya asli dan buku bertema kebiasaannya diterbitkan dalam saiz 6 x 9 inci, manakala buku teks pula diterbitkan dalam saiz 7.5 x 9.5 inci. Modul Pembelajaran dan Pengajaran pula diterbitkan dalam saiz 8.27 x 11.69 inci (A4). Kesemua saiz buku ini ditentukan berdasarkan faktor-faktor kekemasan, kewangan dan kemudahan proses percetakan.

Kulit

Kulit buku bukan sahaja berfungsi untuk melindungi kandungan buku daripada rosak, tetapi juga menjadi salah satu alat untuk mempromosikan buku tersebut. Jenis kertas yang digunakan untuk kulit biasanya lebih tebal dan tahan lasak. Terdapat dua jenis kulit buku, iaitu kulit keras dan kulit lembut. Kulit keras biasanya menggunakan material *chipboard* 800 gram atau 1000 gram. Kebiasaannya, kulit keras ini dibaluti dengan jaket yang mengandungi segala maklumat yang perlu ada pada kulit buku berkenaan. Bagi kulit lembut pula, kebiasaannya penerbit menggunakan material *art card*, 250gram.

Bagi mempromosikan buku yang telah diterbitkan, rekaan kulit buku yang cantik dan menarik amat penting. Di samping itu, maklumat yang terdapat pada kulit buku perlu lengkap dan berupaya menggambarkan kandungan buku tersebut. Maklumat tentang penulis, penerbit, ISBN dan harga buku juga perlu disediakan. Rajah 1 menunjukkan maklumat yang perlu ada pada kulit sesebuah buku.



Rajah 1. Maklumat yang perlu ada pada kulit buku

Kandungan

Secara amnya, sesebuah buku terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu prelim, isi dan bahan akhiran. Prelim terdiri daripada maklumat-maklumat umum berkenaan buku tersebut, atau dengan kata lain, segala maklumat yang perlu disediakan sebelum bermulanya bab pertama. Maklumat-maklumat tersebut ialah:

1. Halaman separa judul;
2. Halaman judul;
3. Halaman hak cipta;
4. Kandungan;
5. Prakata; dan
6. Pendahuluan.

Akan tetapi, penulis dan penerbit tidak hanya terikat kepada enam perkara tersebut di atas sahaja untuk dimuatkan dalam bahagian prelim. Ada juga perkara-perkara lain yang boleh dimasukkan dalam bahagian ini seperti kata pengantar, dedikasi dan frontispis, jika perlu.

Bahagian kedua pula adalah teks yang merupakan inti pati bagi sesebuah buku. Ia biasanya terdiri daripada nombor dan tajuk bab, teks kandungan, sub tajuk dan bab penutup. Bagi buku bertema yang mengangkat lebih daripada satu tema, biasanya bab-bab dibahagikan mengikut tema yang sesuai. Oleh itu, teks bagi buku tersebut dibahagikan kepada bahagian-bahagian tertentu mengikut jumlah tema yang digunakan. Setiap bahagian akan diberi judul yang sesuai.

Bahagian terakhir bagi sesebuah buku pula dikenali sebagai bahan akhiran. Bahagian ini berbeza daripada satu buku ke buku yang lain berdasarkan kategorinya. Buku ilmiah biasanya mengandungi rujukan dan indeks. Namun ada juga penulis memuatkan maklumat tambahan iaitu lampiran dan glosari. Berbeza dengan buku-buku fiksyen seperti novel atau buku cerita, biasanya buku-buku sebegini tidak mempunyai bahan akhiran sedemikian.

Untuk bahagian teks, kebiasaannya penerbit menggunakan kertas yang mesra pembaca, iaitu kertas tidak berkilat, melainkan jika terdapat gambar. Di Penerbit UniSZA, kebanyakan buku dicetak di atas kertas *simile* seberat 80 gram. Selain kosnya yang lebih rendah berbanding kertas berkilat, kertas ini tahan lasak dan tidak mengganggu proses pembacaan. Gangguan yang dimaksudkan adalah pantulan cahaya yang terjadi sekiranya kertas berkilat digunakan.

Penutup

Selain daripada idea dan fakta yang ingin dipersembahkan kepada pembaca, penerbitan sesebuah buku turut mengambil kira akan reka bentuk fizikal buku berkenaan. Sebelum sesebuah buku diterbitkan, penentuan saiz, reka bentuk, material dan maklumat penting perlu diambil kira oleh sesebuah penerbit. Selain itu, penetapan harga bagi sesebuah buku perlu mengambil kira semua kos yang terlibat. Di samping kandungan yang menarik, kepakaran penerbit menghasilkan reka bentuk buku yang kemas, mengikut piawai, cantik, menarik perhatian dan mesra pembaca sebenarnya menjadi antara faktor penting dalam penerbitan sesebuah buku.

Rujukan

- Hamedи Mohd Adnan. 2008. *Memahami Penerbitan Buku*. Bandar Baru Bangi: Medium Publications.
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2016. Pengenalan Buku. Bengkel Penyediaan Indeks dan Blurb Buku. Anjuran Penerbit UniSZA, 14 November 2016.
- Kamus Dewan. 2015. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Najibah Abu Bakar. 2013. Gugusan Pantun Buku. <http://bukuria-malaysia.com/2013/07/gugusan-pantun-buku/>. [26 Mac 2017].
- Panduan Penerbitan Universiti Sultan Zainal Abidin. 2016. Kuala Terengganu: Penerbit UniSZA.
- Zurina Mansor. 2017. Reka Bentuk Buku. Program Cintai Buku. Anjuran Penerbit UniSZA, 16 Januari 2017.

Public and University Partnership (PUp): The Success Factor in EAFM Capacity Building Malaysia

By: Associate Professor. Dr. Connie Fay Komilus
Faculty of Bioresources and Food Industry, Besut Campus

Introduction

Malaysia has been engaged with the implementation of Ecosystem Approach to Fisheries Management (EAFM) since May 15, 2009, the historical event of the launching of the Coral Triangle Initiative on Coral Reefs, Fisheries and Food Security (CTI-CFF) and endorsed its Regional Plan of Action (RPOA) by leaders of the six Coral Triangle (CT6) countries (Indonesia, Malaysia, Papua New Guinea, Philippines, Solomon Islands and Timor-Leste) in Manado, Indonesia. The signed declaration marked the apex of bringing all CT6 countries together in a multilateral partnership to sustain the extraordinary marine and coastal resources of the CT region by addressing crucial issues such as food security, climate change, fisheries, and marine biodiversity. The event too marked commitments by CT6 to implement the Five Conservation Goals of the CTI Regional (RPOA) and National Plans of Action (NPOA) within 10 to 15 years. EAFM is the second goal of both RPOA and NPOA. In achieving Goal 2: EAFM capacity building by introduction of the first "Essential EAFM" pilot-training and training-of-trainers in Kota Kinabalu, Malaysia, in June 2013 is highlighted as a major facet to embark on the adoption of EAFM mechanism in Malaysia. The training was a collaboration between the Bay of Bengal Large Marine Ecosystem (BOBLME) Project, implemented by Food and Agriculture Organization (FAO) and working in eight countries towards improving the regional management of the Bay of Bengal environment and its fisheries, and a collaborative effort of the U.S. Coral Triangle Initiative (USCTI) implemented by the U.S. National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) and the Coral Triangle Support Partnership (CTSP) as part of their efforts to support the six-country Coral Triangle Initiative (CTI) on coral reefs, fisheries, and food security.

In this training, trainers from the government agencies (Department of Fisheries Malaysia and Department of Fisheries Sabah), non-governmental sector (WWF-Malaysia) and university were trained as national trainers to be responsible in strengthening up the capacity building for EAFM in Malaysia.

EAFM at a Glance

The EAFM was developed by the United Nations Food and Agriculture Organization (FAO) in 2003 that specifically aims to strive and balance diverse societal objectives, by taking into account the knowledge and uncertainties about biotic, abiotic, and human components of ecosystems and their interactions and applying an integrated approach to fisheries within ecologically meaningful boundaries (FAO, 2003).

The principles of EAFM reflect mainly in voluntary instruments such as the United Nations Conference on Environment and Development, the Convention on Biological Diversity, the FAO Code of Conduct for Responsible Fisheries, and the 2002 Plan of Implementation of the World Summit on Sustainable Development.

The five CTI goals are Goal 1: Priority Seascapes Designated and Effectively Managed; Goal 2: EAFM and Other Marine Resources Fully Applied; Goal 3: Marine Protected Areas (MPAs) Established and Effectively Managed; Goal 4: Climate Change Adaptation Measures Achieved, and Goal 5: Threatened Species Status Improving. EAFM helps to align fisheries management with natural and human systems. In managing fisheries, a wide range of issues beyond simple management of target species within a fishery management area needs to be understood by stakeholders of the ecosystem. Stakeholders involved are usually government agencies, private sectors, universities, non-government organizations and also communities.

Pillars of EAFM

EAFM is the practical way to implement sustainable development for fisheries by finding a balance between ecological and human well-being through good governance (**Figure 1**) by a team of Fisheries Management Unit (FMU). Identification of threats, issues, opportunities, and challenges must be conducted among stakeholders by the FMU to determine level of involvement of stakeholders in present fisheries management regimes. Evaluation or Review of high level guiding principles to action must be scrutinized through scientific assessment. EAFM too acknowledges Local Ecological Knowledge (LEK) in assessing present root of causes of ecosystem deterioration. This is then followed with the five steps of EAFM (**Figure 2**) which is a smart formula to ensure implementation of management plan within a fisheries management area. The management plan within the FMU is continuously improvised through continuous monitoring and evaluation (M&E) along with research and development (R&D).



Figure 1. What is EAFM?
Source: BOBLME (2013)



Figure 2. EAFM process overview
Source: BOBLME (2013)

PUp: Success in the Loop

Capacity building in adopting EAFM into fisheries management is a challenge to Malaysia. An iconic successful EAFM needs more than a conceptual framework of the definition; instead a realistic coordination and partnerships from governing clusters including end-users of the ecosystem must be strengthen among stakeholders by crosscutting roles and responsibilities. A successful capacity building can only be achieved by focusing onto human and their activities. As the pathways to reconcile an effective adoption of an integrated ecosystem-based approach in Malaysia are by coordination of human activities as ecosystem approach under the 1995 FAO code describes conservation all species belonging to an ecosystem and together with monitoring and evaluation of the impact of human activities on ecosystem (Morishita, 2008). Strong network among stakeholders is the perfect solution towards inadequate and ineffective fisheries resource management regimes as human resources combine control of fishing effort and conservation of ecosystems in a cohesive, integrated package (Hiew & Saad, 2012).

In other words, people must co-exist with their ecosystem. Stakeholders residing in an ecosystem are responsible in evaluating impacts of their activities towards their environment. Malaysia too has taken encouraging initiatives in adopting EAFM in which there is a steady growth of stakeholders working together towards EAFM goal. Similar growth by fisheries scientists, managers and stakeholders who deal with specific details of how to do EAFM is also observed in other countries like Indonesia (Murawski, 2007), Europe (Gascuel et al, 2012), Philippines, Solomon Island, Timor-Leste and Papua New Guinea (Pomeroy, 2015).

In Malaysia's context, partnership between government implementing agencies and universities (PUp) plays a crucial role for Malaysia to commit at the highest level of the CTI Summit 2009 CTI-CFF. Among the activities undertaken through PUp were collaborative partnerships in conducting national series of Essential Ecosystem Approach to Fisheries Management (E-EAFM) trainings in Malaysia (GEF IW Learn, 2016) since 2013 to date. PUp on E-EAFM national trainings for Malaysia took a holistic preparation in all angles especially the synchronization of tasks such as adaptation of E-EAFM toolkits into Malaysian context, selection of trainees according to EAFM standard requirements and gender, suitability of training locations, support staff, deliverance of trainings including post-trainings and formation of FMU in real fisheries management scenarios. PUp is participated by three main trainers representing Department of Fisheries Malaysia as lead agency, Department of Fisheries Sabah and UniSZA since 2013.

A total of more than 14 national trainings with more than 300 trainees (**Chart 1**) from fisheries-related stakeholders consisting of fisheries and environment managers, scientists, private sectors and also local communities within Malaysia were jointly trained by the trained trainers. Malaysia EAFM participants were also branded with a jargon namely *EAFM Warriors* to appreciate each respective participant for their undivided commitments throughout the training period. Excerpt 1 shows random feedback demonstrated satisfaction among the *EAFM Warriors*.

"This course was very helpful in a way that it teaches the participants the step-by-step way of project management. I also realized that we have some EAFM projects practised in Malaysia such as projects in Semporna and Kudat. I look forward to attending the next training, either as a refresher or as a facilitator."

Mr. Gavin Jolis, WWF Malaysia

"This is my second time joining this training. Thank you to the organizers for giving me another chance to be a part of this informative training. I feel like I have learnt so much more this time around. I have started up my own cage culture business and I will manage my business according to the EAFM way and promote the concept of EAFM to my workers."

Mr. Sadat Maruji, Cage Culture Operator, Semporna, Sabah

"Initially, I had other plans that coincide with the dates of the training; hence I did not intend to join. Furthermore, I thought it was going to be like other trainings. Being here made me realize how much I would have missed out if I did not join this training. It is unlike other trainings I have attended. The training was delivered in a highly interactive manner and the trainers did a good job in engaging all the participants. I hope the duration for the training will be lengthened the next time around."

Ms. Mariam Jikirun, Purse Seine Vessel Owner, Semporna, Sabah

Excerpt 1. Feedback from EAFM Warriors

Apart from that, UniSZA has also taken a bold move in ensuring that EAFM concept and knowledge becomes a part of the teaching syllabus in its new undergraduate program namely Bachelor of Science (Honours) Aquatic Science under the Faculty of Bioresources and Food Industry starting from the new intake of 2017/2018.

The trainings also led to formation of several Fisheries Management Units (FMUs) in West Malaysia, Sabah and Sarawak. The spillovers of the capacity building initiated by participating PUp (Department of Fisheries Malaysia, Department of Sabah and UniSZA) were formation of ten fisheries management units in Sabah, one FMU in Sarawak and three in West Malaysia.

Among the listed projects are Fisheries Management Unit for Pelagic Fisheries, Semporna district (2011 – 2014), Fisheries Management Unit for Tuna Fisheries, Semporna district (2014 – 2016), Fisheries Management Unit for Shrimps, Sandakan district (2015 – 2016), Fisheries Management Unit for Coral Trout, Semporna district (2015 – 2017), Fisheries Management Unit for Soft Shell Crabs, Sandakan district (2016 – 2017), Fisheries Management Unit for Pelagic Fisheries, Sandakan district (2016 – 2018), Fisheries Management Unit for Pelagic Fisheries,

Kudat district (2015 – 2018), Fisheries Management Unit for Anchovies, Tawau district (2017 – 2018), Shark Conservation and Awareness, the EAFM way; Sandakan district (2017 – 2018), Fisheries Management Unit for Mantanani, Kota Belud district (2017 – 2018), Fisheries Management Unit for Lawas, Sarawak (2015-2016), Fisheries Management Unit for Langkawi, Kedah, Fisheries Management Unit, Perak and Fisheries Management Unit, Selangor.

Research: Check and Balance

Monitoring and evaluation of any management project must be complimented with research. FMUs that were formed and emerged after the national EAFM trainings shared experiences and discussions on research and development of their respective projects. Sharing were conducted at stakeholders meetings and EAFM national seminars to enhance related research framework of their FMUs plan. In addition, research collaborations among organizations were also encouraged as part of PUp. As a PUp partner, UniSZA has been engaged with several government EAFM related projects namely; i) A study of Illegal, Unreported, Unregulated (IUU) on Tuna Fisheries in Semporna (RR017), ii) Value Chain of Tuna in Semporna (UMSGL0078), and iii) Mapping of Coral Trout (*Plectropomus leopardus*) spawning aggregation in Langkayan Island, Sandakan (Reef Guardian) for the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). Other contribution to EAFM Malaysia was SSME Project No. GEF 3524: Sulu-Celebes Sea Sustainable Fisheries Management Project. All these projects communicated the success of embedding EAFM as part of the policies.




Chart 1. Number of participants of E-EAFM Course from 2013 to 2017

The Way Forward

Capacity building in EAFM Malaysia is not an overnight success without PUp. To date, EAFM is no longer a strange vocabulary in managing a fisheries ecosystem as EAFM is already adopted officially in many guidelines and policies including the 3rd Sabah Agriculture Policy. Efforts by PUp made it easier to learn how to move towards EAFM entails, how to work through the EAFM planning process and through implementing EAFM plans including to check and balance from feedbacks on EAFM plans.

Acknowledgement

The author wishes to acknowledge inputs from Dr. Norasma Dacho (Department of Fisheries Sabah), Ms. Tan Geik Hong (Department of Fisheries Malaysia), Ms. Haryati Abd. Wahab (Department of Fisheries Malaysia) and Ms. Jessie Beliku (Department of Fisheries Sabah) for providing information pertaining to EAFM implementation in Malaysia.



References

- Gascuel, D., Merino, G., Doering, R., Druon, J.N., Goti, L., Guenette, S., Macher, C., Soma, K., Travers-Trolet, M. and Mackinson, S. 2012. Towards the implementation of an integrated ecosystem fleet-based management of European Fisheries Marine Policy 36 (2012) 1022–1032.
- FAO. 2015. "Oceans and sustainable development: integration of the three dimensions of sustainable development, namely environmental, social and economic". In: FAO Contribution To Part I Of The Report Of The Secretary-General On Oceans And The Law Of The Sea. Submitted Pursuant To General Assembly Draft Resolution A/69/L.29. Sixteenth Meeting Of The United Nations Open-Ended Informal Consultative Process On Oceans And The Law Of The Sea .
- GEF IW Learn. 2016. Capacity building on ecosystem approach to fisheries management (EAFM) in Semporna. <http://iworklearn.net/search?q=malaysia>
- Hiew, Kevin and Saad, J. MM. 2012. Review of Malaysian Laws and Policies in relation to the Implementation of Ecosystem Approach to Fisheries Management in Malaysia. Final Report. Ocean Research. 51p.
- Morishita, J. 2008. What is the ecosystem approach for fisheries management? *Marine policy* 32: 19-26
- Murawski, S.A. 2007. Ten myths concerning ecosystem approaches to marine resource management. *Marine Policy* 31 (2007) 681–690
- Pomeroy, R., Hiew, K.W.P., Ramdass, K., Saad, J.M., Lokani, P., Mayo-Anda, G., Lorenzo, E., Manero, G., Maguad, Z., Pido, M.D and Goby, G. 2015. Moving towards an ecosystem approach to fisheries management in the Coral Triangle region. *Marine Policy* 51 (2015) 211–219
- Staples, D., Brainard, R., Capezzuoli, S., Funge-Smith, S., Grose, C., Heenan, A., Hermes, R., Maurin, P., Moews, M., O'Brien, C. and Pomeroy, R. 2014. *Essential EAFM. Ecosystem Approach to Fisheries Management Training Course. Volume 1 – For Trainees*. FAO Regional Office for Asia and the Pacific, Bangkok, Thailand, RAP Publication 2014/13, 318pp.

ANUGERAH Royalti Buku 2017



Dalam usaha menyemarakkan budaya penulisan dan penerbitan buku ilmiah, Penerbit UniSZA telah mengadakan Anugerah Royalti Buku 2017 pada 19 Julai. Anugerah-anugerah ini diberikan kepada para karyawan UniSZA dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf yang diadakan di Dewan Perdana, UniSZA.

Pemberian anugerah ini berdasarkan kecemerlangan jumlah jualan setiap buku dalam tempoh setahun. Anugerah ini dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Anugerah Royalti Buku Tertinggi dan Anugerah Royalti Modul Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Tertinggi. Sebanyak tiga pemenang dipilih untuk setiap kategori.

Kategori pertama, buku bertajuk ‘Bicara Ilmiah Perlembagaan Malaysia’ yang ditulis oleh Encik Idris Abdul Hamid, Dr. Norsuhaily Abu Bakar, Puan Maheran Makhtar dan Dr. Rahimah Embong berjaya merangkul tempat pertama dengan jumlah royalti sebanyak RM7004.40. Tempat kedua pula, dimenangi oleh Dr. Azizul Fadzli Wan Jusoh @ Ab Rahim, Dr. Nik Ahmad Shaifuddin Nik Him dan Prof. Dr. Nasir Mohamad dengan buku bertajuk ‘Basic Life Support: A Guide for Providers’. Jumlah royalti bagi buku ini adalah sebanyak RM1,536. Tempat ketiga, dengan jumlah royalti sebanyak

RM1024.80 dimenangi oleh buku ‘Quality of Life Maqasid Shariah Approach’ yang ditulis oleh Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad dan Dr. Nor Azman Mat Ali.

‘English is Easy’, hasil karya Puan Misrah Hamisah Mohamed, Cik Nabilah Ismail @ Abd Latif, Puan Raja Noor Syuhaida Raja Yahya, Puan Hawa Mardhiah Ali @ Mat Ali dan Cik Nurshafawati Ahmad Sani menggondol hadiah tempat pertama bagi kategori modul PdP. Jumlah royaltinya

adalah sebanyak RM9,000. Naib juara bagi kategori ini dimenangi oleh modul PdP bahasa Arab iaitu ‘al-Mursyid fi Ta’allum al-Lughah al-Arabiyyah’ dengan jumlah royalti sebanyak RM2,079. Para penulis modul ini terdiri daripada Cik Norhayati Che Hat, Dr. Siti Salwa Mohd Nor, Encik Mohd Ala-Uddin Othman dan Encik Mohd Fauzi Abdul Hamid. Tempat ketiga pula dimenangi oleh modul PdP berjudul ‘Al-Itqan fi Ta’alim Lughatul al-Quran’ yang ditulis oleh Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh, Encik Mohd Shahrial Nasir, Encik Mohammad Azizie Aziz, Encik Mohd Firdaus Yahaya, Dr. Nurazan Mohamad Rouyan, Puan Khorun Nisak Mat Saad dan Puan Norasyikin Osman. Jumlah royaltinya adalah sebanyak RM1,570.80.

Para pemenang juga menerima trofi dan sijil penghargaan. Anugerah ini disampaikan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif. Selain daripada memberikan penghargaan kepada penulis, Penerbit UniSZA berhasrat untuk memberi inspirasi dan mencetuskan semangat semua ahli akademik di UniSZA untuk terus menghasil dan memartabatkan buku ilmiah bagi manfaat warga UniSZA dan masyarakat.



‘Gerobok Jariah’ dan ‘al-Luqotoh’

Perpustakaan Tarik Perhatian Delegasi Panel Penilai Pematuhan Saga

UniSZA telah menerima kunjungan panel penilai bagi Sesi Penilaian Pematuhan SAGA Sistem Perakaunan dan Kewangan pada 2 Mac yang lalu. Delegasi ini terdiri daripada lapan panel penilai diketuai oleh Pengarah, Bahagian Khidmat Perunding, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Puan Rihatun Abddah Meor Zainal Abidin. Panel penilai ini juga terdiri daripada pegawai Kementerian Kewangan dan Kementerian Pendidikan Tinggi

Turut mengiringi delegasi ini ialah Bendahari UniSZA, Prof. Madya Ariza Ibrahim, Ketua Pustakawan UniSZA, Puan Rohani Othman, dan pegawai-pegawai kanan UniSZA. Delegasi ini telah mengambil peluang membuat kunjungan ke Perpustakaan UniSZA bagi melihat perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan kepada penggunanya. Sepanjang kunjungan ini, delegasi ini tertarik dengan beberapa perkhidmatan di Perpustakaan. Antaranya, ‘Gerobok Jariah’ dan ‘al-Luqotoh’. ‘Gerobok Jariah’ merupakan suatu usaha murni seluruh warga UniSZA dalam membantu golongan pelajar yang memerlukan sumbangan makanan yang diuruskan oleh Perpustakaan UniSZA sejak 2016 lagi. Usaha ini mendapat perhatian badan bukan kerajaan (NGO) seperti Angkatan Sukarelawan Asas Sejahtera (ASAS) dan masyarakat sekeliling yang turut tampil menghulurkan sumbangan sebagai tanda sokongan.



Delegasi ini juga teruja melihat sistem ‘al-Luqotoh’ yang merupakan sistem patuh syariah bagi pengurusan barang tinggalan oleh pengguna perpustakaan. Sistem ini dibangunkan oleh kumpulan i-CON PHILOLIB iaitu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perpustakaan UniSZA yang berjaya menerima penarafan emas dalam beberapa penyertaan di Konvensyen KIK pada tahun 2016. Sistem ini banyak menyelesaikan isu barang yang ditinggalkan di perpustakaan. Perkhidmatan patuh syariah ini belum disediakan oleh mana-mana perpustakaan lain setakat ini.

Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia 2017



Pengisytiharan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia pada 23 April setiap tahun merupakan suatu resolusi daripada persidangan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 15 November 1995.

Sebagai tanda sokongan sambutan hari tersebut, Perpustakaan UniSZA menyambut Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia 2017 dengan menganjurkan program ‘Jom Baca Bersama untuk 10 Minit’ pada 25 April yang telah melibatkan seluruh warga UniSZA. Program kali ini dijalankan bermula pada jam 11.00 – 11.10 pagi dan melibatkan penyertaan seramai lebih daripada 500 orang termasuklah staf, pensyarah dan pelajar-pelajar UniSZA. Sambutan yang diterima amat menggalakkan termasuk di Kampus Besut dan Kampus Perubatan.

Program ini dianjurkan bertujuan untuk menyemai dan menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan seluruh rakyat Malaysia di samping memperingati sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia 2017. Ia juga merupakan suatu usaha untuk membuka mata masyarakat dalam mewujudkan kesedaran kepada mereka mengenai dunia membaca dan dunia penerbitan buku, sehingga kepada hak cipta. Program ini juga mampu menjadi medium dalam menarik minat masyarakat supaya lebih mengenali karya atau bahan bacaan yang menarik serta bermutu.

Ia juga bertujuan memartabatkan buku sebagai sumber pengetahuan utama di dunia. Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kini semakin menjadi agenda utama dalam masyarakat, namun kita tidak dapat manafikan peranan buku yang menjadi wadah untuk membina peradaban dunia tetap kekal dan tidak berubah, sekalipun dunia dilanda dengan perkembangan gajet dan media hiburan yang kini berada di hujung jari kita.

Bersempena sambutan tersebut, turut diadakan pameran ‘Most Beautiful Libraries in the World’ yang memuatkan pelbagai informasi mengenai perpustakaan di seluruh dunia. Usaha ini dapat memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat khususnya warga UniSZA serta menjadikan bangsa membaca bangsa berjaya.

DR. ABU HASAN INNOVATION COMPETITION (DAIC'16)

Dr. Abu Hasan *Innovation Competition* (DAIC'16) merupakan pertandingan yang ditaja oleh CEO Prestariang Berhad melalui *CEO@Faculty Programme*, UniSZA dan dianjurkan oleh Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK). Pertandingan ini bertujuan mengetengahkan produk inovasi dalam kalangan pelajar UniSZA. Syarat utama bagi pertandingan ini ialah produk yang dihasilkan mestilah dapat menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan *United Nation Sustainable Development Goals* dan ahli kumpulan perlu terdiri daripada tiga fakulti atau universiti yang berbeza untuk membudayakan kolaborasi melibatkan pelbagai disiplin bidang ilmu.

Pasukan dinilai oleh juri profesional menggunakan kriteria pemarkahan yang mencapai standard pertandingan inovasi. Dalam pertandingan ini, para peserta perlu membentangkan poster projek yang dipertandingkan. Mereka perlu menjelaskan projek tersebut secara terperinci selama 10 - 15 minit untuk mempersempemban hasil inovasi masing-masing.

Sebanyak 25 kumpulan telah bertanding pada peringkat awal dan enam kumpulan telah berjaya layak ke peringkat akhir. CEO Prestariang Berhad, Dr. Abu Hasan Ismail telah membuat penilaian dengan memilih lima pemenang bertuah dan memutuskan bahawa tiada pemenang bagi tempat pertama. Tempat kedua telah dimenangi oleh gabungan pelajar UniSZA dengan UIAM iaitu Mohamad Hafiz Md Kalil (FIK), Mohd Fadzrul



Hanif Fadzilah (FUHA), Wan Muhamad Hakimi Wan Yusuf (FSK) dan Muhammad Najib Ahmad Nazari (UIAM) dengan mentornya merupakan pensyarah FIK, Dr. Ahmad Nazari Mohd Rose dengan tajuk ciptaan inovasi mereka, *Instinct-Care: Smart Personal Monitoring and Emergency Sensing System*.

Majlis penyampaian hadiah berupa wang tunai serta sijil penyertaan kepada para pemenang telah disampaikan bersempena dengan pelancaran UniSZA Digital Hub di UniSZA Kampus Besut oleh CEO Prestariang Berhad, Dr. Abu Hasan Ismail.

Perasmian Surau Thoriq Baharu

Semua warga UniSZA harus sama-sama menjaga kebersihan dan kecantikan surau agar dapat menarik orang lain untuk beribadah dan menimba ilmu di surau ini dan pada masa yang sama dapat menarik mereka yang berlainan agama untuk lebih mengenali Islam.

Peringatan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Felo UniSZA, Encik Zulkeefli Awang dalam ucapan aluan Majlis Perasmian Surau Thoriq yang baharu pada 23 Februari.

Majlis anjuran Pejabat Kolej Kediaman UniSZA dengan kerjasama Majlis Kolej Kediaman (MKK) dan Jawatankuasa Surau UniSZA (JSU) telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Prof. Dr. Nik Wan Omar.

Dalam ucapan perasmian, beliau melahirkan rasa syukur serta gembira dengan siapnya pembinaan surau baharu ini dan menyampaikan pesanan kepada MKK dan JSU agar menghiasi persekitaran surau dengan menanam pokok bunga dan hiasan.

Beliau juga mengingatkan kepada semua hadirin bahawa perjalanan sesebuah organisasi adalah seperti permainan bola sepak. Setiap pemain mempunyai posisi dan peranan masing-masing untuk membawa pasukan ke arah matlamat. Seandainya, ada pemain yang lari dari posisinya, rentak permainan akan menjadi cacat dan matlamat untuk mencapai kemenangan tidak akan tercapai.



Surau baharu ini dibina bagi mengantikan Surau Thoriq yang sudah digunakan sejak tujuh tahun yang lalu seiring dengan siapnya pembinaan blok baharu kolej kediaman. Kepesatan aktiviti dan program ilmiah bilangan jemaah yang sentiasa padat memenuhi Surau Thoriq telah memberikan satu ilham kepada pihak pengurusan kolej kediaman untuk memohon sebuah surau baharu yang memberi lebih keselesaan kepada pengunjung.

Pembinaan surau baharu ini telah dibina pada suku pertama tahun 2016 dan siap sepenuhnya untuk digunakan pada bulan Januari 2017.

Hasil Penyelidikan Bergemerlapan di MPI'17



Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, Dato' Haji Mohd Zubir Embong, mewakili Menteri Besar Terengganu telah menyempurnakan majlis perasmian, penutup dan penyampaian hadiah sempena Minggu Penyelidikan dan Inovasi (MPI'17) pada 12-13 April.

Turut mengiringi beliau adalah Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif, Rektor TATIUC, Prof. Madya Dr. Mohd Zamri Ibrahim dan Pengarah Eksekutif PSKT, Prof. Madya Dr. Wan Nor Liza Mahadi. Dato' Haji Mohd Zubir Embong turut berkesempatan melawat tapak pameran bagi melihat sendiri kemeriahan dan keunikan produk-produk yang dipertandingkan.

Program pada tahun ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan 254 penyertaan dari dalam dan luar UniSZA. UniSZA menghantar sebanyak 106 penyertaan, manakala 148 lagi disertai oleh institusi selain UniSZA. Seramai 30 orang juri dari kalangan pensyarah dan pihak industri telah dilantik bagi menilai produk-produk yang dipertandingkan.

Sebanyak 150 pingat dipertaruhkan dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan UniSZA masing-masing menggondol 65 dan 55 pingat. UniSZA memperoleh 16 pingat emas, 17 pingat perak dan 22 pingat gangsa manakala UMT meraih 21 pingat emas, 24 pingat perak dan 20 pingat gangsa.

Anugerah Khas turut diberikan kepada produk yang terpilih bagi mengiktiraf hasil penyelidikan yang dilaksanakan. Antara produk yang memperoleh anugerah khas adalah Special Innovation Award, iVIN-Interactive Visual Impairment Navigator oleh Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas (UniSZA), Special Translational Award, BINAflocs as Rapid Inducer for Maximum Yield of Marine Shrimp Production oleh Dr. Nor Azman Kasan (UMT) dan Grand MPI'17 Award, In-House Fabricated Non-Invesire Glucose Detection Nano Lab-On-Chip oleh Prof. Dr. Uda Hashim (UniMAP).

Program MPI'17 telah berlangsung dengan jayanya di Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT), Kampung Laut, Chendering, Terengganu dianjurkan dengan kerjasama UniSZA, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kolej Universiti TATI (TATIUC) dan Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT).



Penerbit UniSZA Sertai Pameran Buku Terbesar di Malaysia

Sabtu tahun, pameran buku terbesar di Malaysia iaitu Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) berlangsung sekitar bulan April hingga Mei. Berbeza dengan tahun sebelumnya yang diadakan di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), tahun ini PBAKL dikembalikan ke lokasi asal iaitu Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. PBAKL 2017 telah dijadualkan pada 27 April-5 Mei.

PBAKL 2017 yang merupakan ‘lubuk’ buku bagi pembaca, penulis dan penerbit ini disertai oleh pelbagai penerbit daripada agensi kerajaan mahupun swasta. Dalam usaha menyebarluaskan karya terbitan UniSZA, Penerbit UniSZA turut mengambil peluang keemasan ini untuk menyertainya di bawah naungan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). Sudah pastinya, selain bertujuan untuk mempromosi buku-buku ilmiah hasil buah fikiran penulis-penulis UniSZA, penyertaan ini turut membawa bersama nama universiti untuk ditonjolkan khasnya dalam bidang penerbitan ilmiah.

Sepanjang sembilan hari berkampung di PBAKL, Penerbit UniSZA telah mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM23,385.20. Selain itu, hasil daripada usaha keras dan strategi promosi yang dijalankan, Penerbit UniSZA masih mendapat tempahan pembelian buku, walaupun setelah PBAKL berakhir, dengan jumlah jualan sebanyak RM1,485.99. Ini menjadikan jumlah keseluruhan jualan hasil daripada penyertaan PBAKL adalah sebanyak RM 24,871.19, berbanding jumlah pendapatan PBAKL tahun 2016 sebanyak RM23,751.70. Antara buku yang menarik perhatian dan mencatatkan jumlah jualan terbanyak adalah buku bertajuk *Sejarah Tulisan Jawi dalam Pendidikan dan Dakwah di Negeri Terengganu, Bendalir Badan Menurut Islam, Play Pedagogy dan Psikologi Stres*.

Selain itu, PBAKL turut membuka ruang untuk para penerbit buku membina dan meluaskan jaringan kerjasama dengan pihak pengedar buku. Sehingga tahun 2016, jumlah pengedar buku yang berurusan dengan Penerbit UniSZA adalah sebanyak 16 syarikat yang terdiri daripada syarikat-syarikat edaran dari Malaysia dan Brunei Darussalam. Menariknya, bilangan pengedar buku ini dapat ditingkatkan kepada 23 pengedar, iaitu pertambahan sebanyak tujuh buah syarikat dari Malaysia dan Brunei Darussalam hasil daripada promosi yang dijalankan ketika berlangsungnya PBAKL.

Majlis Penyerahan Projek Pembangunan IKAM



Pencarian bakat atlet muda merupakan proses yang amat penting dalam memastikan Malaysia tidak ketandusan atlet pada masa hadapan. Kumpulan pelapis atlet muda ini diperlukan setiap masa bagi meneruskan legasi pencapaian dan pembangunan sukan negara.

Skop projek penyelidikan yang akan dilaksanakan antara Institut Sukan Negara (ISN) dengan UniSZA adalah untuk menghasilkan satu Indeks Kebolehupayaan Atlet Malaysia (IKAM). Melalui data program pencarian bakat yang disediakan oleh ISN, IKAM yang boleh digunakan bagi tujuan mengenal pasti potensi dan bakat atlet, membangunkan satu model ramalan pintar tentang keupayaan atlet dan untuk menghasilkan satu aplikasi dalam talian bagi indeks kebolehupayaan atlet berasaskan sistem android yang boleh digunakan secara pantas, mudah dan praktikal bagi tujuan mengenal pasti potensi dan bakat atlet.

Majlis penyerahan projek pembangunan IKAM berdasarkan

pengesahan corak ujian kecerdasan dan program mengenal bakat ini disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad mewakili Naib Canselor UniSZA yang diadakan pada 3 April di Dewan Senat, UniSZA Kampus Gong Badak. Ia melibatkan seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada staf ISN, fello penyelidik dan staf Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), guru dan pelajar daripada Sekolah Menengah Sains Machang, Kelantan.

Objektif penganjuran majlis penyerahan projek ini adalah untuk membuka ruang bagi kedua-dua belah pihak menerokai dan meluaskan bidang teknologi dan sains sukan sebagai satu aspek penting dalam pembangunan sukan negara agar mencapai impian rakyat Malaysia untuk melihat atlet negara memenangi pingat dalam Sukan Olimpik, Sukan Asia atau Sukan Komanwel. Menerusi jalinan ini UniSZA akan terus melebarkan jaringan kerjasama yang

dapat memberikan input berguna dalam merumuskan satu strategi terbaik demi pembangunan atlet pada akan datang. Dalam jalinan perjanjian ini, ISN merupakan pusat sumber dan rujukan untuk sains dan perubatan sukan dan memiliki sumber, pengalaman, kemahiran dan kepakaran yang diperlukan. UniSZA pula berkeupayaan menjalankan penyelidikan bagi pembangunan atlet untuk meningkatkan prestasi dalam bidang sukan.

Majlis penyerahan projek pembangunan IKAM berdasarkan pengesahan corak ujian kecerdasan dan program mengenal bakat ini dapat memberikan input yang berguna dalam merumuskan satu strategi terbaik demi kemajuan sukan berprestasi tinggi. Diharapkan kerjasama strategik seperti ini akan menjadi medan utama dalam menghasilkan inovasi yang berpotensi maju bukan sahaja di peringkat negeri tetapi sehingga ke peringkat antarabangsa.



Produk UniSZA Menyinar di ITEX 2017

UniSZA melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (RMIC) telah menyertai 28th International Invention Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2017 Di Kuala Lumpur Convention Center.

Pameran yang berlangsung pada 11 – 13 Mei telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah. Pameran yang dianjurkan oleh Malaysian Invention and Design Society (MINDS) adalah pertandingan inovasi bertaraf antarabangsa yang berjaya menarik lebih 1,000 penyertaan daripada 22 buah negara.

Turut melawat reruai UniSZA bagi melihat sendiri kemeriahan dan keunikan 16 produk UniSZA yang dipertandingkan ialah Naib



Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif. Beliau diiringi oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UniSZA, Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad dan Pengarah RMIC, Prof. Madya Dr. Saiful

Bahri Mohamed. Sebanyak lapan pingat emas, tujuh pingat perak dan satu pingat gangsa telah dirangkul oleh peserta UniSZA dalam pameran berkenaan.



Produk I-Dispenser dan Modul I-TGM

Menarik Perhatian Pegawai Farmasi Metadon Pahang

UniSZA telah menerima kunjungan dari Farmasi Metadon Pahang yang disertai oleh 14 orang pegawai bagi tujuan lawatan sambil belajar dan perbincangan kerjasama hasil kajian projek geran penyelidikan NRGS. Geran penyelidikan ini berkenaan Terapi Gantian Metadon dari aspek biologi dan spiritual iaitu, Modul i-TGM, dan produk i-Dispenser. Projek penyelidikan ini dikeluarkan Timbalan Pengarah Institut Pembangunan (Kesihatan) Masyarakat (i-CODE), Prof. Dr. Nasir Mohammad.

Rombongan lawatan diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan Amalan dan Perkembangan Farmasi merangkap Penyelaras Methadone Unit Farmasi Negeri Pahang, Puan Zaidah Abdul Karim yang disambut mesra oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad dan Pengarah Institut Pembangunan (Kesihatan) Masyarakat (i-CODE), Prof. Dr. Tengku Mohammad Ariff Raja Hussin. Turut hadir meraikan majlis ialah Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Terengganu (AADK), Encik Mohammd Tajmuddin Shah Muda, wakil Penjara Marang, Terengganu, Dekan Fakulti Farmasi (FF), Prof. Dr. Ab Fatah Ab Rahman, ahli-ahli penyelidik Projek Geran Penyelidikan NRGS dan pelajar-pelajar siswazah di bawah seliaan geran penyelidikan NRGS.

Hasil kunjungan, pihak rombongan sangat berminat dan tertarik dengan Modul i-TGM dan produk i-Dispenser yang telah dibentangkan semasa majlis. Produk i-Dispenser merupakan sebuah mesin yang dicipta khas untuk membantu melicinkan proses pemberian metadon kepada semua klien Terapi Gantian Metadon yang memerlukan mereka untuk datang setiap hari ke klinik. Mesin ini menggunakan inovasi teknologi pintar sentuhan di hujung jari dan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan. Pengenalpastian identiti klien dilakukan dengan

menggunakan Mykad dan cap jari. Produk i-Dispenser mampu menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja seperti doktor dan farmasi. Tambahan lagi, i-Dispenser juga dapat mengurangkan kos operasi dan kos rawatan yang tinggi. Mesin ini akan beroperasi di tempat - tempat terpilih seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Klinik Metadon, penjara, pusat pemulihan, Pusat Perubatan Persendirian dan masjid. Metadon dan Nuzadone akan keluar secara automatik mengikut dos yang telah direkodkan ke dalam sistem mesin i-Dispenser.

Program Terapi Gantian Metadon (TGM) yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2006 telah diperakui dapat membantu menangani penagihan tegar opiat dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup. Kadar jenayah turut berkurangan dengan meningkatnya pengelakuan pemulihan opiat di bawah program TGM. Namun, kadar pengelakuan dalam program TGM ini didapati songsang dengan tempoh masa, berkurangan kepada 55 peratus selepas enam bulan dalam program TGM yang sedia ada. Tahap pengelakuan yang tidak lestari ini menimbulkan persoalan mengapa ini berlaku serta apakah punca ketidaklestarian program rawatan sedia ada. Persoalan ini merupakan titik permulaan bagi memperkenalkan kaedah rawatan komprehensif, iaitu Modul i-Terapi Gantian Metadon (i-TGM) dengan menggunakan pendekatan bio-psikologi-spiritual-sosial dalam menjamin tahap pengelakuan yang lebih baik dalam program pemulihan dadah.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniSZA berharap agar perbincangan yang lebih dekat dan terperinci perlu diteruskan dalam tempoh masa terdekat agar kedua-dua pihak mendapat manfaat daripada lawatan ini.

Hari Fakulti Perubatan

Bersama Komuniti dan Industri 2017



Fakulti Perubatan (FP), UniSZA telah menganjurkan Hari Fakulti Perubatan Bersama Komuniti dan Industri pada 6-9 April bertempat di FP Kampus Perubatan, Terengganu.

Penganjuran program ini bertujuan untuk mempromosikan program dan kepakaran yang terdapat di FP yang boleh digunakan oleh orang ramai. Selain itu, program ini dapat merapatkan hubungan fakulti dengan komuniti setempat.

Antara program yang dijalankan ialah pemeriksaan kesihatan dengan menggunakan peralatan canggih, pameran dari vendor berkaitan alatan perubatan terkini, Seminar Perubatan Tradisional dan Komplementari, kuiz perubatan dan kesihatan sekolah menengah sekitar Kuala Terengganu, ceramah oleh Prof. Muhd Kamil Ibrahim dan Forum Fiqh Perubatan.

Tarikan utama program ini ialah pemeriksaan kesihatan secara percuma menggunakan peralatan canggih dengan kerjasama vendor alatan perubatan yang dijalankan di bangunan Canselor Kampus Perubatan. Pengunjung berpeluang mendapatkan nasihat perubatan dari pakar yang terlibat mengenai status kesihatan semasa dengan tepat dan cepat. Pelbagai disiplin perubatan yang terlibat, antaranya pembedahan, Obsetrik dan Ginekologi, ENT, Kecemasan dan lain-lain.

Program ini juga mendapat kerjasama daripada Jabatan Kesihatan Terengganu dengan penglibatan Skuad Derma Organ dan Skuad Derma Darah dari Hospital Sultanah Nur Zahirah. Pemeriksaan kesihatan asas juga dilakukan oleh para pelajar Diploma Sains Kejururawatan di ruang Pusat Siswazah.

Agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pertahanan Awam dan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan turut sama memeriahkan ruang pameran.

Program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd Zubir Embong bertempat di Dewan Teater, FP. Majlis perasmian tersebut telah diringi oleh pengurusan tertinggi fakulti yang terdiri daripada Dekan Prof. Dr. Nordin Simbak, timbalan-timbalan dekan, dan dif-dif jemputan yang lain.

Majlis penutup pula telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif. Ketika menyampaikan ucapan penutup, beliau melahirkan rasa gembira dan berbangga dengan penganjuran Hari Fakulti Perubatan Bersama Komuniti dan Industri kerana banyak manfaat yang diperoleh daripada program-program yang dianjurkan.

FSSG PUPUK NILAI

KESUKARELAWANAN SISWA

Tahun 2014 melabuhkan tirainya dengan menyaksikan bencana banjir telah melanda beberapa buah negeri ini seperti di Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Perlis, Sabah, Kedah, Negeri Sembilan dan Johor. Sebelum itu, warga universiti telah dikejutkan dengan kejadian banjir yang berlaku di kampus-kampus seperti di Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin dari 17 hingga 20 November 2015 dan Universiti Islam Antarabangsa pada 4 Jun 2016 lalu.

Selain itu, isu pelarian negara asing turut diberi perhatian. Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) menganggarkan terdapat seramai 160,000 orang menumpang hidup di negara ini. Sebahagian besar daripada mereka terpaksa menempuh pelbagai bentuk rintangan bagi meneruskan kehidupan dan penyediaan makanan harian adalah antara cabaran terbesar.

Maka idea untuk menujuhkan satu projek sukarela berkonsepkan penyediaan makanan yang telah dimasak kepada golongan sasar secara percuma telah direalisasikan. Justeru, untuk tahun kedua berturut-turut, Public Kitchen FSSG, meneruskan usaha murni menghulurkan bantuan makanan kepada golongan memerlukan sempena bulan Ramadan pada 6 Jun dan bantuan makanan gelandangan pada pertengahan Mac yang lalu.

Di sinilah peranan mahasiswa dalam membantu komuniti serta merasai permasalahan masyarakat. Elemen sukarelawan dalam menjalankan kerja-kerja bakti dan berbentuk bantuan tenaga amat diperlukan dalam diri mereka sebelum menjadi insan berguna di pasaran kerja.

Penglibatan aktif mereka dalam kerja-kerja sebegini penting kerana pada suatu hari nanti mereka mungkin akan terlibat dalam mengendalikan pengurusan krisis dan bencana di organisasi mahupun tempat kerja masing-masing.

Menurut Penasihat Public Kitchen FSSG, Dr. Muhamad Fazil Ahmad, angka golongan gelandangan dan mangsa bencana di Malaysia meningkat pada setiap tahun. Misalnya, pada 2016 sahaja, sebanyak 3,000 orang telah menerima manfaat daripada projek ini.



“Tahun ini, kami menyasarkan bantuan makanan kepada 1,000 orang. *Alhamdulillah*, setakat ini kempen ini mendapat kerjasama daripada ramai sukarelawan dan individu yang ‘berhati emas’, selain mempelawa mana-mana pihak yang ingin turut menaja makanan,” katanya.

Bagi Dr. Fazil, untuk berbakti tidak semestinya perlu pandang jauh atau pergi ke negara-negara yang terbabit, kerana di sini juga mereka boleh membantu menaja makanan bagi pelarian, gelandangan dan mangsa bencana.

Berkenalan dengan salah seorang sukarelawan remaja yang telah beberapa tahun mengikuti aktiviti ini, mungkin mampu membuka hati kepada remaja lain untuk turut sama berbakti kepada golongan yang sangat memerlukan bantuan. Aidil, 20, yang masih menuntut dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial di UniSZA, menyertai Public Kitchen sejak 2015 lagi semasa berumur 19 tahun.

“Saya berminat dengan kerja-kerja sukarelawan sejak awal menuntut di FSSG lagi setelah melihat ramai pensyarah Kerja Sosial dan Antropologi Dakwah yang memang aktif dalam kerja amal. Maka timbul rasa minat untuk menjadi sukarelawan di FSSG. Walaupun masih remaja, saya menolong apa yang termampu. Saya langsung tidak rasa terbeban dan aktiviti seperti

ini tidak mengganggu pelajaran. Apa yang mendorong saya menyertai Public Kitchen ialah melihat keluarga pelarian, gelandangan dan mangsa bencana yang cukup menderita, realiti kehidupan mereka dan dengan bantuan yang diberikan, dapat meringankan beban mereka”.

Dr. Muhamad Fazil berkata menerusi siri pertama pada Mac 2015, mereka berjaya menyediakan makanan kepada 500 orang golongan sasar.

Kesinambungan daripada bantuan siri pertama itu, Dr. Fazil berharap mereka dapat mengumpulkan lebih banyak bantuan menerusi siri seterusnya.

“Setelah penderma kami melihat bantuan yang disalurkan mereka menerusi siri pertama telah diterima golongan sasar, saya lihat semakin ramai tampil memberikan bantuan antaranya individu perseorangan, badan korporat, pensyarah dan pelajar universiti,” katanya.

Projek murni ini merupakan susulan daripada kerja-kerja amal yang dilakukan FSSG sejak 2016 selepas mengasaskan dapur bantuan makanan atau lebih dikenali sebagai ‘Public Kitchen di Bumi Turkey’ di kem pelarian Syira Turkey yang telah menjalankan misi bantuan mereka pada tahun yang lalu.

International Student Activities throughout the Month of Ramadhan



The international community at UniSZA has grown rapidly over the past few years. The number of international students and staff, including their families, studying and working at the university now numbers almost six hundred. This group is diverse, coming from 23 different countries. In order to ensure they feel at home, especially during fasting month, several activities were organized by the International Centre (IC) and the International Student Society (ISS).

Bubur Lambuk is an age old tradition in Terengganu. This porridge, made from rice, fish and spices is distributed to the public each day during the fasting month. It is prepared by the community at mosques and suraus throughout the state. People will line up to get a serving of the dish to be brought home for breaking of the fast. International students from UniSZA participated in the distribution of Bubur Lambuk on June 16 at Masjid Abidin in Kuala Terengganu. A total of five



students from ISS participated in this event, accompanied by IC Assistant Administrative Officer, Abdul Rashid Yusof.

The programme began with the students attending Jumaat prayers at the mosque and listening to a sermon on Tausiyah Ramadhan by Sheik Mohamed Abd Razak al Masri. This was followed by distribution of the Bubur Lambuk outside the mosque to the public who had eagerly lined up. Together with the Imam Besar, Hj Saidi Abd Aziz, the students had a rewarding time interacting with the Terengganu locals.

Other programmes held during fasting month included an Iftar Ramadhan organised by the Palestinian students on campus. Thai students also had an event on June 21 in Kota Bharu where there was an Iftar held with the Royal Consulate General.

Together these activities during Ramadhan served to strengthen the international community at UniSZA as well as to build relations between our students and the local community at this special time of year.



Ilmu

Untuk Semua

Program Sekolahku Hospitalku merupakan satu program yang dianjurkan oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) di bawah seliaan Timbalan Dekan (HEPA) dengan kerjasama Pusat Day Care Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ). Program ini melibatkan penyertaan daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (BAS) dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Inggeris (BEN) bersama pensyarah pengiring dan berlangsung pada setiap hari Khamis, jam 2.30 hingga 4.30 petang.

Program ini bertujuan memberi ruang kepada para pelajar BAS dan BEN untuk mengaplikasikan pembelajaran dalam kelas kepada komuniti, di samping dapat membantu anak-anak kecil yang berada di hospital agar tidak ketinggalan dalam pelajaran mereka. Antara pengisian modul yang digunakan sepanjang pengendalian program ini ialah EZ Arabic dan modul interaktif pembelajaran kendiri bahasa



Arab. Sesi pembelajaran dimulakan dengan pengajaran perkataan bahasa Arab mudah seperti topik ‘Keluarga Saya’ dan diakhiri dengan nyanyian nasyid ‘Keluarga Saya’ bersama kanak-kanak peserta.

Maklum balas yang diterima daripada kanak-kanak sangat memberangsangkan. Bagi modul pembelajaran Bahasa Inggeris pula, antara pengisian yang diberikan kepada kanak-kanak ialah ‘Basic Things with Alphabet’, iaitu penggunaan abjad-

objek berserta ejaan dan sebutan yang betul. Melalui pengisian ini, beberapa kesilapan biasa yang dilakukan oleh kanak-kanak ketika menuturkan perkataan bahasa Inggeris dapat dikesan dan diperbetulkan. Kesemua aktiviti ini dijalankan dalam keadaan santai dan menyeronokkan serta menerapkan unsur belajar sambil berhibur (*fun learning*). Program biasanya diakhiri dengan sesi fotografi berkumpulan bersama kanak-kanak dan para ibu bapa yang terlibat.

Kem Khalifah Cilik (KKC)

Pusat Islam UniSZA menganjurkan Kem Khalifah Cilik (KKC) pada 21-23 Mac bertempat di Masjid UniSZA. Program ini dirasmikan oleh Pengarah Pusat Islam UniSZA, Dr. Mohd Shafiee Hamzah. Program ini disertai oleh seramai 120 orang yang terdiri daripada anak-anak staf dan komuniti setempat berumur antara 7-12 tahun.

Penganjuran KCC ini bertujuan memberi pendedahan tentang kepentingan ibadat, akhlak, tauhid, fiqah dan adab-adab sehari-hari serta meningkatkan kefahaman tentang teori solat. Selain itu, para peserta juga terlibat dengan praktikal dari segi perbuatan dan bacaan dalam solat agar dapat melahirkan anak-anak yang dapat menghayati kepentingan ibadat solat dalam kehidupan. Di samping itu, KKC turut memberi pendedahan kepada peserta tentang bersukan mengikut sunah Rasulullah S.a.w..

Antara pengisian yang menarik minat peserta dalam KKC ini ialah penganjuran pelbagai aktiviti dalam kelas dan luar kelas seperti latihan dalam kumpulan, ceramah motivasi dan aktiviti berkuda. KKC ini telah dikendalikan oleh empat orang



penceramah, sebelas orang fasilitator, lima orang pembantu yang terdiri daripada staf Pusat Islam dan mahasiswa UniSZA. KKC 2017 turut diserikan dengan persembahan bakat cilik yang mengaplikasikan ilmu yang dipelajari sepanjang kem ini berlangsung dalam majlis penutup.

Ibu bapa peserta memberikan maklum balas yang positif terhadap program KKC ini dan berharap agar diteruskan pada masa akan datang. Peserta juga memperoleh ilmu kerohanian dan pengalaman baharu yang dapat diperlakukan untuk meningkatkan kemahiran beribadat dalam kehidupan sehari-hari.

“Soul of Lambuk”

Sempena Sambutan Iskraj dan Mikraj Perdana



Program Mahasiswa Bersama Komuniti ‘Soul of Lambuk’ sempena sambutan Iskraj Mikraj Perdana telah dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Kerja Sosial (PMKS), Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal dan Alumni (HEPA), UniSZA, Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Batu Rakit dan Masjid As-Salam yang telah berlangsung pada 24 April.

Program ini merupakan satu platform untuk memperkenalkan mahasiswa Kerja Sosial kepada komuniti dan memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang peranan kesukarelawanan dalam perkhidmatan dan kebajikan sosial. Program ini dimulakan dengan pendaftaran peserta Dana Transformasi Anak Muda yang dikendalikan oleh barisan Pemuda dan Puteri

UMNO Kawasan Batu Rakit. Acara bacaan Yasin dan solat Dhuha yang dibimbing oleh imam Masjid Batu Rakit turut diadakan. Pada masa yang sama, aktiviti memasak bubur lambuk sebanyak 14 kawah telah disertai oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), mahasiswa Kerja Sosial UniSZA serta sukarelawan pelajar Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu dan Sekolah Menengah Atas Sultan Zainal Abidin (SMAASZA). Program memasak bubur lambuk ini mendapat tajaan sebanyak sepuluh kawah dari agensi-agensi yang terlibat. Manakala empat kawah yang lain ditaja oleh YB Haji Bazlan Abd Rahman dan YB Senator Dato' Haji Abdul Rahman Mat Yassin.

Program diserikan lagi dengan ceramah perdana yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Najmuddin ‘Ulwan Muhammad Hamdan daripada Qudwah Legacy Training Consultant. Seramai kira-kira 400 orang peserta yang menyertai terdiri daripada pelajar UniSZA, peserta Dana Transformasi Anak Muda, pelajar Sekolah Kebangsaan Batu Rakit, pelajar Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu serta pelajar Sekolah Menengah Atas Sultan Zainal Abidin (SMAASZA). Program ini bertujuan untuk menghayati sambutan Israk dan Mikraj serta dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam kalangan pelajar serta masyarakat sekitar mengenai peristiwa dan inti pati mengenai sambutan hari bersejarah ini dalam bulan Islam.

Pelaksanaan program ini dapat dijadikan satu anjakan paradigma buat mahasiswa untuk meneruskan semangat perjuangan supaya terus cemerlang dalam bidang Kerja Sosial. Matlamat ini selaras dengan hasrat UniSZA dalam melahirkan graduan yang berkepimpinan dan diasuh dengan ilmu dan akhlak yang luhur.



Program *Outreach School* Bersama SK Pusat Chabang Tiga

Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial Gunaan (PMFSSG) telah berjaya menganjurkan program *Outreach School* dengan kerjasama SK Pusat Chabang Tiga Kuala Terengganu. Program itu telah berlangsung di dewan SK Pusat Chabang Tiga pada 18 April bersama 150 orang pelajar tahun enam.

Objektif program ini adalah untuk memberi cetusan motivasi bagi kecemerlangan dalam peperiksaan UPSR. Para mahasiswa UniSZA bertindak sebagai pembimbing para peserta. Matlamat lain ialah untuk membantu dan membimbing para pelajar tentang sifat tanggungjawab mereka sebagai pelajar dalam menimba ilmu pengetahuan dan berjaya dalam akademik serta sahsiah diri.

Program ini telah dirasmikan oleh Guru Besar SK Pusat Chabang Tiga, Tuan Haji Maslan Mohamad. Manakala pihak fakulti telah diwakili oleh Timbalan Dekan (HEPA) FSSG, Dr. Norsuhaily Abu Bakar. Dalam ucapan pembukaan, Timbalan Dekan (HEPA) berharap program-program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang, iaitu program kerjasama antara para mahasiswa dan komuniti, sama ada pihak sekolah, komuniti kampung, komuniti kelainan upaya dan sebagainya. Ia juga bertepatan dengan misi dan visi PMFSSG, iaitu kerjasama



antara sekolah bagi memastikan kecemerlangan calon-calon UPSR.

Semua slot program diisi sebaik mungkin oleh pihak mahasiswa dan mendapat kerjasama yang baik daripada pelajar sekolah. Slot motivasi dan latihan dalam kumpulan (LDK) yang dijalankan, secara tidak langsung telah memupuk sikap kepimpinan dan keyakinan diri yang tinggi. Pada akhir program, rata-rata para pelajar telah memberikan respon yang sangat positif kepada program tersebut.

Pihak sekolah juga mengucapkan penghargaan atas daya usaha pihak fakulti dan pelajar PMFSSG yang telah menjayakan program kecemerlangan sebegini. Pihak sekolah berharap agar pihak FSSG dan UniSZA dapat meneruskan penganjuran program ini pada masa akan datang.

Program Khidmat Masyarakat Bersama Penduduk Kampung

Seramai 60 orang pelajar UniSZA, kakitangan Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi (PPPSE), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan kakitangan Institut Pembangunan (Kesihatan) Masyarakat, (i-CODE) serta para penduduk kampung telah terlibat dalam program Khidmat Masyarakat di Kampung Gong Sekolah dan Kampung Gong Awang Lib, Kuala Nerus baru-baru ini.

Majlis dirasmikan oleh Pengarah i-CODE, Prof. Dr. Tengku Mohammad Ariff Raja Hussin. Turut hadir semasa majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah i-CODE, Prof. Dr. Nasir Mohammad, Dekan PPPSE UMT, Prof. Dr. Madya Dr. Suriyani Muhamad, kakitangan PPPSE UMT, Ketua UMNO Cawangan Wakaf Tengah Gong Sekolah, Tuan Haji Amiruddin Abd. Rashid, Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (J3K) Kampung Gong Sekolah, Tuan Haji Wan Rosli Wan Ahmad dan kakitangan i-CODE.

Selepas majlis perasmian, program diteruskan dengan aktiviti gotong royong membersihkan kawasan tanah perkuburan Islam dan masjid, majlis bacaan tahlil dan program memasak beramai-ramai menyiapkan hidangan makan tengahari untuk semua peserta program. Dalam ucapan perasmian, Pengarah i-CODE memaklumkan bahawa, program khidmat masyarakat



ini akan berlangsung secara berterusan selama dua tahun iaitu 2017 dan 2018 dan dibuat secara berkala dan akan diadakan setiap bulan mengikut slot aktiviti yang berlainan. Antara aktiviti berkenaan ialah berkaitan kerohanian, ekonomi, kesihatan, pendidikan dan penyelidikan. Pemantauan secara berperingkat akan dilaksanakan agar objektif program tercapai iaitu untuk melaksanakan pemindahan ilmu dan menjadikan kampung tersebut sebagai model dan contoh ikutan kepada kampung lain pada masa akan datang.



Pusat Pendidikan Berterusan (CCE) UniSZA dengan kerjasama Fakulti Perubatan (FP) telah menganjurkan Program Smart Doktor Muda UniSZA pada 13 -20 Mei.

Program ini merupakan salah satu inisiatif dan KPI daripada Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A.Latif kepada CCE untuk melaksanakannya. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada peserta berkenaan bidang perubatan dan kedoktoran. Selain itu, program ini juga bertujuan memberi pendedahan mengenai asas pertolongan

PROGRAM SMART DOKTOR MUDA

cemas dan cara untuk merawat kecederaan.

Secara keseluruhannya, penyertaan yang direkodkan ialah seramai 90 orang pelajar yang terdiri daripada beberapa buah sekolah. Antara sekolah yang terlibat ialah SMK Tengku Intan Zaharah, SK Tengku Ampuan Intan, SK Kompleks Gong Badak, SK Al-Amin, SK IPG, SK Gong Badak, SK Tok Jiring, SK Tok Jembal, SJK (C) Chung Hwa Wei Sin, dan SK Sultan Sulaiman 1.

Program ini terbahagi kepada empat slot yang dikendalikan oleh tenaga pengajar FP yang berpengalaman dalam bidang perubatan. Program bermula dengan Slot pertama bertajuk 'Saya Pakar Bedah Otak' yang disampaikan oleh Naib Canselor. Dalam slot ini beliau banyak berkongsi pengalaman dan memberi motivasi kepada para pelajar untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh.

Seterusnya, slot kedua bertajuk 'Asas Pertolongan Cemas' yang disampaikan oleh Dr. Azizul Fadzli Wan Jusoh @ Ab Rahim. Sesi ini memberi pendedahan awal berkenaan asas pertolongan cemas secara teori dan praktikal.

Slot ketiga pula ialah slot 'Lawatan ke Makmal Anatomi dan Kadaver Manusia' dikendalikan oleh Dr. Yasrul Izad Abu Bakar dan dibantu oleh Encik Ahmad Faizzul Md. Hasan. Lawatan ini memberi peluang kepada para pelajar melihat model anatomi dengan lebih dekat.

Manakala slot yang terakhir iaitu Emosi Baik, Emosi Sihat yang disampaikan oleh Dr. Rahima Dahlan @ Mohd Shafie dan Dr. Rosliza Yahaya sangat membantu pelajar terutamanya apabila berdepan dengan tekanan kerana pada sesi ini penceramah banyak memberi panduan untuk mengawal emosi dan cara mengatasinya.

Ziarah Prihatin Membantu Pesakit Mengerjakan Ibadah



Seramai 32 orang pelajar dan dua orang pegawai UniSZA telah menjayakan program Ziarah Prihatin bertempat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu pada 24 Mac.

Program ini telah dianjurkan oleh Majlis Kolej Kediaman A (MKK A) Kampus Gong Badak dengan kerjasama Kelab Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) UniSZA dan pihak HSNZ.

Tujuan utama program ini diadakan adalah bagi meningkatkan kesedaran kepada mahasiswa tentang peranan mahasiswa terhadap masyarakat luar yang memerlukan sokongan dan bantuan supaya menjadi mahasiswa yang holistik dan masyarakat yang prihatin.

Pengarah Program, Nur Aainaa Abu Zaki, mengatakan program ini merupakan tanggungjawab sosial mahasiswa dalam

mendekati dan membantu pesakit di wad hospital. Tambahnya lagi, dari sudut psikologi, menziarahi pesakit boleh memberi sinar harapan, keceriaan dan mungkin dapat menyuntik semangat mereka untuk kembali sembuh.

Antara aktiviti yang dilakukan ialah berkongsi kemudahan solat bagi pesakit serta menyampaikan cenderahati berupa kurma, buku doa harian serta zikir-zikir harian.

Sementara itu, salah seorang peserta, Muhamad Ikram Redzuan berkata, program ini telah memberi satu pengalaman berharga kepadanya dan perlu dijadikan sebagai program tahunan.

"Apa yang kami lakukan sekurang-kurangnya dapat mengurangkan sedikit rasa sakit yang ditanggung dan menggembirakan mereka walaupun tiada talian persaudaraan."

Program murni ini mencetuskan respon yang positif dari pihak HSNZ. Penyelia Jururawat, Puan Fauziah telah memberi pujian kepada peserta program kerana bersama-sama membantu mereka menjayakan konsep "Wad Mesra Ibadah" yang telah dilaksanakan di hospital seluruh negara.

Program Bicara Antara Benua Fokus Isu Minat Membaca



Perpustakaan UniSZA meneruskan kolaborasi bersama Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT), dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu (BTPNT) dengan menganjurkan program Bicara Antara Benua 4.0 - *SPAME...: Worldwide Journey with UniSZA*. Program kali ini juga menampilkan Sekolah Kebangsaan Padang Mengkuang (SPAME) sebagai rakan kolaborasi yang baharu.

Program bual bicara berbahasa Inggeris yang berlangsung pada 18 Mei di Auditorium Perpustakaan UniSZA ini turut mengundang para pelajar sekolah, guru serta beberapa orang ahli panel lain yang mewakili pelbagai negara.

Ia juga merupakan sebuah program pengantarabangsaan aktiviti Pusat Sumber Sekolah (PSS) negeri Terengganu. Ahli-ahli panel yang diundang pada program ini mewakili empat buah negara iaitu Encik Cornelius Anuar Abdullah McAfee (Kanada) selaku moderator, Encik Kazuki Iseno (Jepun), Encik Gwadabe Nasai Muhammad (Nigeria), Encik Qais Mustafa Mohamed (Libya), Guru Besar SPAME, Puan Mahshuri Ismail, Puan Jamilah Ismail (guru) dan tiga orang pelajar SPAME iaitu saudari Nur Ulfah Athirah Mohamad, saudari Nadiatul Husna Aqilah Rosli, dan saudara Muhammad Shahril Hakim Foo Mohd Sharif Foo yang mewakili Malaysia.

Selain SPAME, program kali ini mencatatkan penyertaan para pelajar dan guru daripada sembilan buah sekolah lain iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri, Sekolah Menengah Kebangsaan Padang

Kemunting, Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ibrahim, Sekolah Kebangsaan Kompleks Gong Badak, Sekolah Kebangsaan Binjai, Sekolah Kebangsaan Mangkok, Sekolah Kebangsaan Merang, Sekolah Kebangsaan Teluk Ketapang dan Sekolah Kebangsaan Sungai Lerek serta beberapa orang wakil dari JPNT dan BTPNT.

Topik yang dibincangkan ialah perkembangan dan minat membaca dalam kalangan masyarakat yang berlainan bangsa, budaya dan negara. Ia juga adalah salah satu usaha untuk meningkatkan kebolehan berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar selain memberi keyakinan untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut dengan lebih baik.

Program tersebut dirasmikan oleh Penolong Ketua Pustakawan UniSZA, Puan Norulhuda Makhtar. Dalam ucapan perasmiannya, beliau turut menyentuh mengenai kepentingan membaca dan menguasai pelbagai

bahasa kerana dengan penguasaan bahasa yang baik khususnya bahasa Inggeris mampu memberikan kita peluang untuk menguasai pelbagai cabang ilmu. "Sekiranya kita mampu menguasai bahasa, maka kita juga mampu menguasai ilmu. Misalnya, jika kita hendak memahami al-Quran dan seluruh isinya, maka kita perlu memahami bahasa Arab kerana sudah terang lagi bersuluh, bahasa Arab adalah bahasa al-Quran," katanya. Beliau turut menambah, "penguasaan bahasa tambahan akan dapat membantu untuk menyertai tenaga kerja global. Aspirasi kementerian adalah untuk memastikan setiap murid di peringkat rendah hingga menengah, berpeluang mempelajari bahasa tambahan. Justeru kemahiran berbahasa adalah penting untuk melalui proses transformasi masa depan negara," katanya.

Terdahulu, ceramah motivasi yang disampaikan oleh Pengarah Kolej Kediaman UniSZA, Dr. Mohd. Shahril Othman. Hadir sama ialah Ketua Penolong Pengarah, BTPNT, Tuan Haji Alias Talib, Penyelia Bahasa Inggeris, JPNT, Encik Mohd Ruslee Talib dan Ketua Unit Perkhidmatan Sumber Pendidikan, BTPNT, Tuan Haji Akram@ Amir Abd. Majid.

Program seperti ini sentiasa mendapat perhatian dan minat yang tinggi dari pihak sekolah dalam salah satu usaha mereka untuk mengembangkan prestasi diri pelajar serta memberikan pendedahan pengalaman yang baharu kepada pelajar yang terlibat.



Kolaborasi Penyelidikan

Bersama University of England, New South Wales, Australia

Susulan hasil daripada Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani antara Fakulti Undang – Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), UniSZA dengan School of Law, University of England (UNE) yang telah diadakan pada 14 Julai 2016, satu lawatan akademik pada 17 - 18 Mei telah diadakan ke FUHA. Lawatan ini telah memantapkan dari segi perkongsian akademik, profesion undang-undang dan pentadbiran. Delegasi UNE yang terdiri daripada Prof. Paul Martin dan Dr. Sharlene.

Sempena lawatan akademik ini juga telah diadakan sesi perbincangan kolaborasi penyelidikan berkaitan bidang undang-undang dan pertanian yang turut berlangsung di Kampus Tembila.

Selain itu, lawatan ini diadakan untuk memperhalusi draft Memorandum Perjanjian (MoA) berkaitan mobiliti dan pertukaran pelajar secara dua hala antara dua universiti khususnya dalam akademik dan profesion undang-undang. Perbincangan ini juga melibatkan Fakultas Hukum, Universitas Airlangga.



ia juga merupakan satu langkah untuk mewujudkan program *inbound* dan *outbound* fakulti melibatkan institut pendidikan luar negara. Program ini turut melibatkan semua warga akademik FUHA dengan kerjasama daripada pihak Fakulti Biosumber dan Industri Makanan.

Program yang berlangsung selama dua hari ini telah berjaya mencapai objektif dan dapat mengeratkan hubungan dua hala antara kedua-dua buah universiti.

Program Kerjasama

UniSZA - Universitas Dhamawangsa, Indonesia



UniSZA melalui Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, (FKI) telah menerima kunjungan daripada Universitas Dhamawangsa, Medan, Indonesia bagi

membincangkan kerjasama dua hala antara universiti. Program ini telah berlangsung pada 28 Mac di Bilik Mesyuarat Pejabat Pendaftar UniSZA.

Lawatan Universitas Dhamawangsa diketuai oleh Rektor, Kusbianto, SH, M.Hum ditemani oleh Dekan Fakultas Pengajian Agama Islam, Dr. H.Zamakhsyari Hasballah Taib,Lc.,MA serta disambut mesra oleh Dekan FKI, Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh dan barisan pengurusan FKI.

Kedua-dua pihak berhasrat untuk mengambil langkah yang perlu untuk menggalakkan dan meningkatkan kerjasama dalam beberapa perkara seperti program pertukaran pelajar, mobiliti pelajar, mobiliti staf, penyelidikan, pengkomersialan produk, persidangan dan lain-lain bidang kerjasama yang boleh dipersetujui bersama.

Program Kerjasama UniSZA -UI



UniSZA melalui Institut Pembangunan (Kesihatan) Masyarakat, (i-CODE) telah menerima kunjungan daripada Universitas Indonesia (UI) bagi membincangkan kerjasama dua hala antara kedua-dua

universiti. Program ini telah berlangsung di Dewan Senat, Kampus Gong Badak.

Lawatan diketuai oleh Dekan Fakulti Farmasi, Dr. Mahdi Jufri, M.Si., Apt., ditemani oleh Ketua Program Profesi

Apoteker, Dr. Hayun, M.Si., Apt, dan Ketua Program Studi Sarjana Farmasi, Dr. Sutriyo, M.Si. Apt. serta disambut mesra oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr. Ir. R. Badlishah Ahmad, Pengarah i-CODE, Prof. Dr. Tengku Mohammad Ariff, Timbalan Pengarah i-CODE, Prof. Dr. Nasir Mohammad, dekan-dekan fakulti serta pengarah institut.

Kedua-dua pihak berhasrat untuk mengambil langkah yang perlu untuk menggalakkan dan meningkatkan kerjasama dalam beberapa perkara seperti mobiliti pelajar, penyelidikan, pengkomersialan produk, persidangan dan lain-lain bidang kerjasama.

Selepas perbincangan, delegasi daripada UI dibawa untuk melawat Fakulti Perubatan dan beberapa tempat menarik di sekitar bandar Kuala Terengganu.

UniSZA Jalin Kerjasama dengan UUI

UniSZA terus mempertingkatkan jaringan akademik dan pengantarabangsaan terbaru melalui kerjasama dengan Universiti U'budiyah Indonesia (UUI) pada 30 Mei yang lalu di TH Hotel, Kuala Nerus, Gong Badak, Terengganu.

Dalam usaha ke arah itu, satu memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua universiti dimeterai yang meliputi aspek akademik, pemindahan ilmu, penyelidikan, penerbitan dan kesenian.

UniSZA telah diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif dan Pengarah Pusat Kesenian dan Warisan (PKW), Prof. Madya Sahar Sa'di Hashim. UUI pula diwakili oleh Rektornya, Prof. Marniati M. Kes dan Ketua Yayasan U'budiyah, Dedi Zafrizal. Turut hadir memeriahkan lagi majlis ini ialah Ahli Lembaga Pengarah UniSZA, Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamaruddin Hussin.

Naib Canselor berkata, kerjasama itu melibatkan pembangunan tenaga pengajar dan pelajar dalam aspek kebudayaan.



“Menerusi inisiatif ini, secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi jaringan akademik dan pengantarabangsaan UniSZA sekali gus mempromosikan program akademik yang ditawarkan universiti kepada warga UUI,” ujarnya.

“UUI merupakan universiti yang cukup hebat di Banda Aceh, Indonesia. Oleh itu bagi pihak UniSZA, saya

mengucapkan terima kasih kerana sudi menjalinkan kerjasama dengan kami,” katanya lagi.

Sementara itu, Profesor Marniati M. Kes yakin program kerjasama seperti ini akan memberi impak positif kepada kedua-dua universiti dan wilayah masing-masing.



Larian PSH Ilmu dan Akhlak

Larian Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Ilmu dan Akhlak diadakan dengan tujuan memberi kesedaran kepada umum mengenai kepentingan gaya hidup yang sihat seiring dengan arus pemodenan dan penetapan rutin harian yang lebih proaktif. Bertujuan melahirkan masyarakat yang cergas jasmani dan rohani, program ini mampu menjadi medium penyatuan masyarakat yang berbilang kaum. Program ini dilihat berupaya menjadi platform kepada masyarakat awam untuk lebih mengenali suasana dalam kampus UniSZA.

Sehubungan itu, pada 25 Mei julung kalinya, Pusat Pendidikan Berterusan (CCE) UniSZA telah mengadakan Program Larian PSH Ilmu dan Akhlak bertempat di UniSZA, Kampus Gong Badak. Program bermula seawal jam 7.30 pagi ini mendapat kerjasama daripada Jabatan Keselamatan, Jabatan Pengurusan Pembangunan, Pusat Kesihatan Universiti serta Pusat Sukan dan Rekreasi (PSR). Seramai 60 orang peserta direkodkan untuk program ini yang terdiri daripada kalangan orang awam, staf dan pelajar. Acara dimulakan dengan sesi memanaskan badan yang dikendalikan oleh staf PSR dan bagi memeriahkan lagi program ini perasmian telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif.

Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dan cakna sihat dalam kalangan orang awam, staf serta pelajar. Selain itu, program ini bertujuan mendapatkan maklum balas mengenai program yang telah, sedang dan akan CCE tawarkan kepada masyarakat. Secara tidak langsung program ini juga dapat mempromosikan program anjuran CCE UniSZA kepada mereka yang hadir.

Di samping itu, CCE turut mendapat sokongan daripada UniSZA Holdings Sdn. Bhd. yang memberi sumbangan dalam melancarkan lagi program Larian PSH Ilmu dan Akhlak.

Larian PSH Ilmu dan Akhlak berakhir dengan majlis penyampaian hadiah dan cabutan bertuah kepada para pemenang dan peserta yang terpilih oleh Pengarah CCE, Dr. Mohd Adzim Khalili Rohin. Semoga dengan penganjuran program seperti ini, CCE UniSZA akan terus berada dalam hati masyarakat. CCE juga merancang untuk menganjurkan program seperti ini pada masa akan datang dengan melibatkan lebih ramai peserta dalam kalangan kakitangan UniSZA dan komuniti luar.

Anugerah Sukan MASUM 2016



Anugerah Sukan MASUM diadakan bertujuan memberi penghargaan kepada atlet-atlet yang mengharumkan nama universiti dan negara. Kali ini

Universiti Malaysia Sarawak diberi kepercayaan dan mandat oleh Majlis Sukan Malaysia (MASUM) untuk menjadi pengajar Anugerah Sukan MASUM yang

berlangsung pada 20 Mei di Hotel Grand Margherita, Kuching, Sarawak.

UniSZA telah memenangi beberapa anugerah iaitu Jurulatih Terbaik kategori Memanah (Adnan Ahmad), Atlet Terbaik Universiti Lelaki Kategori Memanah (Syafie Abdul Rahman), Atlet Terbaik Universiti Wanita Kategori Memanah (Siti Nur Sofia Roslam) dan calon Anugerah Bintang Harapan Wanita Kategori Memanah (Azuhanis Abdullah).

Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA, Encik Riduan Mohamed Arof berkata, kriteria pemilihan adalah berdasarkan penyertaan dan prestasi atlet dalam kejohanan yang diiktiraf MASUM bagi menggalakkan atlet mewakili universiti masing-masing. Penyertaan kejohanan lain di peringkat antarabangsa turut diambil kira. Selain itu, atlet juga mesti melepassi PNGK minimum 2.0 sebelum layak disenarai pendek kerana keseimbangan dalam akademik turut dititikberatkan.

Kejohanan Rowing-Kayak MASUM

Kejohanan Rowing-Kayak MASUM anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah berlangsung pada 4 – 9 April di Bukit Merah Laketown Resort, Perak. Kejohanan kali ini menyaksikan sebanyak sepuluh acara utama yang menawarkan 20 pingat emas, 20 pingat perak dan 20 pingat gangsa. Seramai 363 atlet berserta pegawai telah berkampung di Bukit Merah Laketown Resort bagi bersama-sama memeriahkan kejohanan tersebut.

Pasukan sukan air UniSZA membawa pulang dua pingat emas dan dua pingat gangsa sekali gus dinobatkan sebagai Juara Kayak Wanita. Kejohanan kali ini menyaksikan penampilan ramai atlet-atlet hebat dalam sukan yang dipertandingkan. Melalui perlawanan ini kita dapat mengeratkan lagi hubungan antara universiti dan berkongsi ilmu serta pengalaman bersama atlet-atlet negara.





PERSEPSI BELIA CINA TERHADAP POLITIK MELAYU


PENULIS: Mohd Ridhuan Tee Abdullah

ISBN: 978-967-0899-33-6

HARGA: RM69.00

TAHUN: 2016

Buku ini membincangkan persepsi belia Cina di Institusi Pengajian Tinggi terhadap Gerakan Politik UMNO. Lapan pemboleh ubah utama yang dikaji dalam menilai tahap persepsi orang Cina ialah Politik, Ekonomi, Rasuah, Sosial, Etnisi, Pendidikan, Kontrak Sosial, dan Islam (PERSEPSI). Persepsi vs PERSEPSI. Keputusan Pilihan Raya Umum 2008 dan 2013 (PRU12 dan PRU13) benar-benar membuktikan apa yang penulis kaji selama ini. Tidak mustahil Barisan Nasional (BN) akan kecundang dalam PRU14, jika Gerakan Politik UMNO masih tidak berubah kepada lebih baik. Sebahagian orang Cina sangat bersatu dalam menentukan tindakan mereka, terutama dalam menentukan siapa dan parti apakah yang akan dipilih atau diundi? Ini ditambah dengan sikap kiasu (sentiasa mahu menang atau takut kalah) yang menjadi pegangan sebahagian mereka. Sikap kiasu yang dikaji terbahagi kepada tiga iaitu, ultra kiasu (uk), sederhana kiasu (sk) dan kurang kiasu (ks). Pada tahap manakah sikap kiasu ini yang semakin mempengaruhi orang Cina? Apakah tahap kiasu ini memberikan kebaikan kepada masa hadapan negara dan perkembangan politik Malaysia?



MICRO TAKAFUL FLOOD SCHEME IN MALAYSIA: ALTERNATIVE APPROACH TO TAKAFUL OPERATORS

PENYUNTING: Wan Norhayate Wan Daud, Fauzilah Salleh, Ahmad Shukri Yazid, Fakhrul Anwar Zainol & Ahmad Zawawi Jamal

ISBN: 978-967-0899-43-5

HARGA: RM34.00

TAHUN: 2016

Flood is considered to be the largest natural disaster risk in Malaysia and it is expected to increase more due to various extreme weathers. A commonly related topic debated about when it comes to managing flood is the flood insurance scheme. The interest in flood insurance arises from the pursuit to find an efficient way of compensating those who suffer losses and to manage the financial risk of uncertain losses. Without insurance, many activities and processes would be deemed too risky and would not be undertaken and those affected by a loss might struggle to recover. Thus, this book will focus on the properties' coverage for the lower income group (the poor) by proposing a stand-alone (single peril) flood takaful scheme. This could be considered as a micro-takaful product to cover the poor community. This book consists of eight chapters.



TRANSFORMATION OF ORGANISATIONAL CULTURE


PENYUNTING: Norsiah Ahmad, Wan Amalina Wan Abdullah & Habsah Muda

ISBN: 978-967-0899-40-4

HARGA: RM35.00

TAHUN: 2016

Organisational culture transformation is a daunting task. However, it is necessary due to the changes in many aspects of organisational vision, values, beliefs, expectations, and operations, physical and economic changes. This book provides insights into various issues concerning cultural transformation of an organisation including from conventional system to Islamic system, from manual operation to computerised system as well as to inculcate the co-operative culture among the citizen for better economic strength.



BENDALIR BADAN MENURUT ISLAM


PENULIS: Basri Ibrahim

ISBN: 978-967-0899-50-3

HARGA: RM42.00

TAHUN: 2016

Buku ini membincarkan tentang bendalir badan secara lengkap menurut Islam dan dilengkapi dengan dalil-dalil, hukum-hukum, isu-isu yang berkaitan dan pandangan pakar-pakar perubatan. Ia lain daripada yang lain kerana membincarkan bukan sahaja persoalan haid, nifas dan istihadah, tetapi turut melibatkan persoalan-persoalan lain seperti junub, mani, darah dan sebagainya. Kesemua persoalan berkaitan bendalir badan dikumpulkan di dalam sebuah buku. Perbahasan bukan sahaja memfokuskan kepada mazhab al-Syafi'i, iaitu mazhab yang menjadi pegangan majoriti umat Islam di Malaysia, tetapi turut mengambil kira pendapat-pendapat yang dilontarkan oleh ulama-ulama daripada mazhab-mazhab lain. Isu-isu yang dibentangkan dalam buku ini amat penting untuk diketahui oleh umat Islam dewasa ini, demi memastikan kesahan ibadah yang mereka lakukan. Selain itu, buku ini juga memberi panduan agar pergaulan suami isteri berjalan lancar tanpa melibatkan berbagai-bagai perkara haram. Buku ini amat baik untuk dijadikan bahan bacaan umum dan juga bahan rujukan bukan sahaja kepada para pelajar, bahkan juga kepada pegawai-pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, pakar-pakar perubatan, para medik dan orang awam kerana mengandungi definisi, dalil, hukum, pandangan ulama dan pakar perubatan yang jelas dan mudah difahami.



KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB


PENYUNTING: Zamri Arifin, Al Muslim Mustapa, Zulazhan Ab. Halim, Mohd Shahrizal Nasir

ISBN: 978-967-0899-38-1

HARGA: RM54.00

TAHUN: 2016

Pendidikan Bahasa Arab merupakan salah satu bidang yang mendapat tempat dalam sistem pendidikan, khususnya di Malaysia. Para pelajar dari segenap peringkat bermula dari sekolah rendah hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi mempunyai peluang untuk mempelajari dan mendalamai bahasa Arab. Justeru, pemerkasaan bidang bahasa perlu dilakukan secara komprehensif agar bahasa ini terus mendapat tempat dalam kalangan penuntut ilmu. Dalam usaha dalam usaha memperkasakan pendidikan bahasa Arab, semua pihak termasuk kementerian, universiti, sekolah, pensyarah, penyelidik, guru, pelajar dan masyarakat awam perlu berganding bahu bagi memastikan hasrat murni ini dapat dicapai. Pelbagai usaha perlu dilaksanakan bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sentiasa dalam keadaan baik dan mantap. Buku kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ini memperincikan beberapa perkara penting mengenai kualiti guru, pensyarah atau tenaga pengajar bahasa Arab menerusi pelbagai dimensi. Buku yang mengandungi dua belas bab ini membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan bahasa Arab merentasi pelbagai peringkat sama ada sekolah maupun institusi pengajian tinggi. Semua saranan yang dikemukakan dalam buku ini wajar diambil perhatian yang serius oleh para pendidik bahasa Arab agar hasrat untuk memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dapat direalisasikan, selaras dengan tuntutan Islam yang amat mementingkan aspek kualiti terbaik dalam setiap amalan.



PENEROKAAN PENGUKURAN KUALITI HIDUP MAQASID SYARIAH


PENULIS: Mahadzirah Mohamad, Nizaita Omar, Nor Azman Mat Ali, Zainudin Awang

ISBN: 978-967-0899-38-1

HARGA: RM38.00

TAHUN: 2016

Buku ini mengolahkan tentang Maqasid Syariah terdiri lima aspek kehidupan, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kelima-lima aspek ini akan memainkan peranan penting dalam menjamin kehidupan manusia bagi mencapai kesejahteraan hidup yang lebih berkualiti di dunia dan akhirat. Cabaran yang dihadapi oleh kebanyakan penyelidik dan pembuat polisi dalam mengukur kualiti hidup individu berpandukan lima aspek Maqasid Syariah adalah tiada instrumen yang tepat serta boleh dipercayai bagi mengukur kelima-lima aspek. Sehubungan dengan itu, buku ini mencadangkan item pengukuran yang dibangunkan bersumberkan kepada al-quran dan hadis bagi bertujuan untuk mengukur kelima-lima aspek kehidupan Maqasid Syariah tersebut di atas. Penggunaan al-quran dan hadis ini sebagai sumber pembinaan item pengukuran adalah berdasarkan wasiat Nabi Muhammad s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. "aku tinggalkan kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu kitab Allah dan sunnah Rasulullah."



RISALAH FI BAYAN HUKM AL-BAY' WA AL-RIBĀ, PENGENALAN DAN MANHAJ


PENULIS: Hasanuluddin Mohd, Engku Ibrahim Engku Wok Zin, Zurita Mohd Yusoff, Jamalluddin Hashim

ISBN: 978-967-0899-53-4

HARGA: RM42.00

TAHUN: 2017

Kitab Risalah fi Bayan Hukm al-Bay' wa al-Ribah ialah sebuah kitab fiqah Melayu yang kurang dikenali masyarakat. Kitab ini dikarang oleh Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas, mufti kerajaan Negeri Terengganu yang pertama (1839-1853M). Justeru, kitab ini merupakan antara rujukan yang perlu diberikan perhatian, khasnya dalam emmbicarakan fiqah al-muamalat. Penulisan buku ini akan mengenangkan biodata ringkas Sheikh Abdul Qadir, pengenalan kitab, manhaj yang digunakan, sama ada dalam persembahan penulisan atau penggunaan dalil-dalil syarak. Kitab beliau ini seharusnya mendapat tempat yang sewajarnya dalam amsyarifikat kini, begitu juga penulisan terhadap kitab-kitab ulama tempatan seharusnya dirancakkan, terutamanya dalam bidang fiqah muamalat agar masyarakat dapat mengambil manfaat daripadanya. Garapan buku ini diharap dapat mengangkat ketokohan pengaruh khususnya, dan para ilmuwan Melayu Islam secara umumnya. Buku ini sesuai ditelaah oleh golongan ilmuwan, pengkaji sejarah, pengkaji manuskrip melayu, pendidik, penuntut dan mereka yang cintakan para ulama dan ilmu itu sendiri.



SEJARAH TULISAN JAWI DALAM PENDIDIKAN DAN DAKWAH DI TERENGGANU


PENULIS: Berhanundin Abdullah, Zainab Abdullah, Najmiah Omar, Zurita Mohd Yusoff

ISBN: 978-967-0899-59-6

HARGA: RM40.00

TAHUN: 2017

Sejarah sekadar menyingkap perkembangan tulisan Jawi dan peranannya yang besar dalam mengembangkan ajaran Islam. Tulisan Jawi adalah tulisan rasmi pendidikan dan pemerintahan di Alam Melayu khususnya di negeri-negeri yang diperintah oleh sultan Muslim. Tulisan Jawi semakin hari semakin terpinggir dalam arus pendidikan negara masa kini. Bahkan kehebatannya sebagai tulisan warisan dan tulisan pengembangan dakwah Islam kurang diberi keutamaan. Jiwa patriotisme Melayu untuk memperkasakan tulisan Jawi kian pudar dan sejarahnya mula dilupakan. Oleh itu buku ini menghuraikan sejarah perkembangan tulisan Jawi serentak dengan perkembangan pengajian al-Quran yang menggunakan bentuk huruf dan sebutan yang sama. Tumpuan khusus adalah di Terengganu yang merupakan negeri tertua menggunakan tulisan Jawi sebagaimana yang terukir pada Batu Bersurat Terengganu. Buku ini mengupas tentang sumbangan tulisan Jawi dalam perkembangan ilmu, kesenian, dakwah dan sebagai tulisan warisan dalam pemerintahan dan perundungan. Disentuh juga hal berkaitan keprihatinan masyarakat Melayu, hubungan tulisan Jawi dengan bangsa Melayu dan kedudukannya dalam arus pendidikan masa kini. Uniknya, buku ini mengajak pembaca merenung dan berfikir mengenai masa depan tulisan Jawi yang dipinggirkan oleh anak bangsanya sendiri. Buku ini juga mengajak setiap pembaca agar membangkitkan semangat patriotisme Melayu untuk mempertahankan dan memperkasakan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan di setiap lapisan pengajian dan menerusi media maklumat.



KONSEP PARACLETE DALAM TEOLOGI KRISTIAN DAN AKIDAH ISLAM

PENULIS: Mohd Safri Ali, Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, Zawawi Yusoff

ISBN: 978-967-0899-55-8

HARGA: RM45.00

TAHUN: 2017

Kajian perbandingan agama merupakan topik yang popular dalam ajaran Islam. Dalam al-Quran sendiri, penjelasan tentang perbandingan agama merupakan topik yang banyak diwahyukan sebagai suatu kaedah pengukuhan iman seseorang kepada Allah s.w.t.. Sekaligus membuktikan bahawa kajian perbandingan agama amatlah signifikan diberi perhatian oleh seseorang Muslim. Buku ini berhasrat menjelaskan tentang titik pertemuan dan perbezaan antara akidah Islam dan teologi Kristian mengenai temarai *Paraclete*. Tema ini jarang diketengahkan oleh sarjana Muslim secara komprehensif meskipun perbincangan mengenainya pernah dilahirkan oleh beberapa orang ulama tafsir. Antaranya ialah al-Imam al-Tabari dan al-Imam al-Fakhr al-Razi dalam kitab tafsir mereka. Bagi sarjana Muslim, mereka secara keseluruhannya sepakat menyatakan *Paraclete* yang disebut dalam *Bible John* adalah relevan dikhususkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.. Sementara itu, sarjana Kristian mempunyai pelbagai tafsiran dan pendapat mengenai temarai *Paraclete* ini. Dalam tulisan mereka, kebanyakannya menegaskan temarai itu adalah khusus kepada Nabi Isa a.s. atau *Jesus and the Holy Spirit*. Pada masa yang sama, sarjana Kristian menterjemahkan temarai itu kepada beberapa makna. Antaranya ialah sebagai Penenang Hati, Pembela dan Penolong. Buku ini amat sesuai dibaca oleh semua orang yang berminat dalam subjek kajian perbandingan agama untuk menambah pengetahuan dan mendapat maklumat yang lebih jelas mengenai sesuatu agama. Para pelajar, penuntut ilmu, pengkaji dan penyelidik yang ingin mendalami kajian perbandingan agama antara Islam dan Kristian, buku ini sewajarnya menjadi sebuah buku yang wajib dibaca dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada koleksi rujukan yang perlu dimanfaatkan.